Hujung Minggu
قليتا بروني
PELITA BRUNEI
Membudayakan Masyarakat Bermaklumat
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان**

DARIPADA Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam bersabda yang bermaksud : "Tidak akan berlaku kiamat sehingga diangkat ilmu, banyaknya berlaku gempa, masa berlalu dengan pantas, terzahirnya fitnah-fitnah dan banyaknya pembunuhan". (Hadis Riwayat Imam Bukhari).

WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK 4.37 | SUBUH 4.47 | SYURUK 6.08 | DUHA 6.31 | ZUHUR 12.06 | ASAR 3.27 | MAGHRIB 6.02 | ISYAK 7.14

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 70 BILANGAN 137 | 15 NOVEMBER 2025 / 1447 جمادي الأول 24 | JABATAN PENERANGAN | EDISI SABTU / PERCUMA

# PERASMIAN FASILITI PENGISARAN PADI YANG DINAIK TARAF




KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat pada Majlis Perasmian Pembukaan Fasiliti Yang Dinaik Taraf bagi Pengisaran Padi Wasan Milling Company Sendirian Berhad (WMC) yang terletak di Kawasan Kemajuan Pertanian Wasan. - Foto : Mohammad Hasif Matzin (*Lihat muka 3, 4 dan 5*).

# Kebawah DYMM akan adakan Keberangkatan Negara ke Hungary

Siaran Akhbar :
Jabatan Perdana Menteri
Foto : Jabatan Penerangan



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 13 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan berangkat mengadakan Keberangkatan Negara ke Hungary pada 18 November 2025 atas undangan Presiden Hungary, Tuan Yang Terutama Dr. Tamás Sulyok.

**>> Muka 2**





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Presiden Hungary, Tuan Yang Terutama Dr. Tamás Sulyok.

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN
Pelita Brunei pelitabrunei pelitabrunei

## Berita Utama



10 peserta mara peringkat akhir Musabaqah Membaca Al-Quran

Muka 7



BSM lancar Kempen FSFS 2025

Muka 12



PLATFORM membincangkan pengaturan pengiktirafan bersama

Muka 18




ASG14 platform asah bakat, potensi atlet muda

Muka 30

ڤليتا بروني
PELITA BRUNEI

# KEBAWAH DYMM AKAN ADAKAN KEBERANGKATAN NEGARA KE HUNGARY

**>> Muka 1**

Semasa di Budapest nanti, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijangka akan mengadakan Majlis-majlis Perjumpaan secara berasingan bersama Tuan Yang Terutama Presiden Hungary; dan Perdana Menteri Hungary, Tuan Yang Terutama Viktor Orbán, bagi mengeratkan hubungan dua hala dan seterusnya mempertingkatkan lagi kerjasama dalam bidang yang saling memberi manfaat kepada kedua-dua buah

**Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri**

negara.

Keberangkatan Negara ini merupakan Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia buat pertama kalinya ke Hungary. Sejak tertubuhnya hubungan diplomatik pada 21 Januari 1992, kedua-dua buah negara telah menikmati hubungan persahabatan dan kerjasama dua hala yang erat, termasuk melalui hubungan dialog ASEAN-Kesatuan Eropah.

Keberangkatan ini akan memberikan peluang kepada kedua-dua pemimpin untuk membincangkan mengenai hubungan dua hala serta isu-isu antarabangsa yang berkepentingan bersama.



# Berkenan hantar titah perutusan takziah

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 12 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan takziah kepada Presiden Republik Turkiye, Tuan Yang Terutama Recep Tayyip Erdogan, kerajaan serta rakyat Republik Turkiye berikutan dengan insiden nahas kapal terbang tentera kargo Republik Turkiye yang terhempas di antara sempadan Azerbaijan dan Georgia.

# PPDB adakan latihan, 16 November ini

**Siaran Akhbar : Pasukan Polis Diraja Brunei**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 13 November. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) memaklumkan bahawa satu sesi latihan akan diadakan pada Ahad, 16 November 2025.

Latihan akan bermula di Trijunction di Kawasan Jalan Universiti menuju ke jalan PD 5 Tungku sehingga penamat penghujung Simpang 189.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan di sini, PPDB memaklumkan kepada orang ramai supaya tidak merasa cemas dan tidak menghampiri tempat latihan bagi mengelak perkara yang tidak diingini berlaku sepanjang latihan berkenaan dijalankan.

## WAKTU SEMBAHYANG

| NOVEMBER MASIHI | HARI | JAMADILAWAL HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 15 | SABTU | 24 | 4.37 | 4.47 | 6.08 | 6.31 | 12.06 | 3.27 | 6.02 | 7.14 |
| 16 | AHAD | 25 | 4.37 | 4.47 | 6.08 | 6.32 | 12.06 | 3.28 | 6.02 | 7.14 |
| 17 | ISNIN | 26 | 4.37 | 4.47 | 6.08 | 6.32 | 12.06 | 3.28 | 6.02 | 7.15 |
| 18 | SELASA | 27 | 4.37 | 4.47 | 6.09 | 6.32 | 12.06 | 3.28 | 6.02 | 7.15 |
| 19 | RABU | 28 | 4.38 | 4.48 | 6.09 | 6.33 | 12.07 | 3.28 | 6.02 | 7.15 |
| 20 | KHAMIS | 29 | 4.38 | 4.48 | 6.09 | 6.33 | 12.07 | 3.29 | 6.02 | 7.15 |
| 21 | JUMAAT | 30 | 4.38 | 4.48 | 6.10 | 6.33 | 12.07 | 3.29 | 6.03 | 7.16 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | RABU | KHAMIS | JUMAAT |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 32 24 °C | 31 24 °C | 31 24 °C |
| Pekan Bangar | 31 24 °C | 31 24 °C | 30 24 °C |
| Pekan Tutong | 32 24 °C | 31 24 °C | 31 24 °C |
| Kuala Belait | 32 24 °C | 31 24 °C | 31 24 °C |

Wallahualam Bissawab

www.met.gov.bn

Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG 15 NOVEMBER 2025

### Belia pemangkin kepelbagaian ekonomi negara

**KEPELBAGAIAN** ekonomi merupakan tunjang ketahanan sesebuah negara dalam menghadapi cabaran pasaran global yang tidak menentu. Dalam konteks ini, belia bukan sekadar generasi pewaris, tetapi mereka adalah pemangkin utama yang menyuntik tenaga, inovasi dan perspektif baharu untuk mempelbagaikan landskap ekonomi negara.

Peranan pertama belia terletak pada penerokaan sektor ekonomi baharu. Generasi muda yang celik teknologi dan terdedah kepada maklumat global merupakan perintis unggul dalam bidang seperti ekonomi digital, ekonomi kreatif, dan teknologi hijau. Mereka bukan sekadar pengguna, tetapi pencipta peluang melalui perniagaan permulaan ataupun *start-up*, e-dagang, pembangunan aplikasi, kandungan digital, dan penyelesaian teknologi mampan. Penerokaan ini secara langsung mengurangkan kebergantungan negara terhadap sektor tradisional seperti komoditi, sekali gus mewujudkan rantaian nilai ekonomi yang baharu dan berdaya saing.

Selain itu, belia yang celik teknologi berperanan sebagai agen inovasi dalam sektor sedia ada. Dengan pendekatan segar dan pemikiran kritis, mereka mampu mentransformasikan sektor pertanian, pembuatan dan perkhidmatan tradisional melalui aplikasi teknologi seperti Internet of Things (IoT), Kecerdasan Buatan (AI) dan analisis data. Inovasi ini meningkatkan produktiviti, mengoptimumkan rantaian bekalan, dan membuka pasaran eksport yang lebih meluas, seterusnya menambah nilai dan kepelbagaian kepada ekonomi sedia ada.

Belia juga merupakan jambatan yang menghubungkan ekonomi tempatan dengan arena global. Penguasaan bahasa asing dan kefahaman terhadap budaya antarabangsa membolehkan mereka meluaskan jaringan perniagaan, menarik pelaburan asing, dan memasarkan produk tempatan ke persada dunia. Keupayaan ini amat penting untuk memastikan ekonomi negara tidak terperangkap dalam pasaran domestik yang terhad, sebaliknya berkembang dan merentas sempadan.

Sumbangan belia juga jelas dalam pemacuan ekonomi sosial dan keusahawanan. Semangat sukarelawan dan kesedaran sosial yang tinggi dalam kalangan belia mendorong penubuhan perusahaan sosial yang menyelesaikan isu komuniti sambil menjana keuntungan. Model perniagaan inklusif ini mempelbagaikan bentuk pemilikan ekonomi dan memastikan pembangunan yang lebih seimbang dan mampan.

Kesimpulannya, belia adalah nadi kepada kepelbagaian ekonomi negara. Potensi mereka yang luar biasa perlu disokong melalui pendidikan relevan, akses kepada pembiayaan, dan ekosistem inovasi yang kondusif. Dengan memperkasa belia, negara bukan sahaja membina ekonomi yang pelbagai dan kukuh, malah melonjakkan maruah bangsa di persada global, sekali gus memastikan kemakmuran jangka panjang untuk generasi akan datang. **- Ketua Penyuntingan PB (Nr)**

**Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga**

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn

دتربيتكن اوله جابتن ڤنراڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله ڤرينت ڤلس سندرين برحد، نڬارا بروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# Perasmian fasiliti pengisaran padi yang dinaik taraf

**Oleh : Khartini Hamir**
**Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin**





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berkenan berangkat dan seterusnya mengurniakan titah perasmian pada Majlis Perasmian Pembukaan Fasiliti Yang Dinaik Taraf bagi Pengisaran Padi Wasan Milling Company Sendirian Berhad (WMC) yang terletak di Kawasan Kemajuan Pertanian Wasan (atas kiri dan kanan).**

**PENGKALAN BATU**, Rabu, 12 November. - Wasan Milling Company Sendirian Berhad (WMC) adalah sebuah entiti di bawah Darussalam Assets Sdn. Bhd. yang komited menyumbang kepada sekuriti makanan negara melalui aktiviti pengisaran dan pemprosesan beras tempatan.

WMC juga berdedikasi menyokong industri beras Negara Brunei Darussalam (NBD) dengan bekerjasama bersama komuniti pertanian tempatan bagi mempromosikan pertumbuhan dan pembangunan.

Bagi menandakan kemajuan penting negara dalam usaha mencapai tahap sara diri dalam pengeluaran beras, projek pembinaan menaik taraf fasiliti pengisaran padi telah bermula pada Mei 2023 dan siap sepenuhnya pada September 2025.

Sehubungan itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat merasmikan Majlis Perasmian Pembukaan Fasiliti Yang Dinaik Taraf bagi Pengisaran Padi Syarikat WMC yang terletak di Kawasan Kemajuan Pertanian Wasan.

**>> Muka 4**



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan meninjau fasiliti yang terdapat di Syarikat WMC (atas, bawah dan kanan).**






**DOA Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan (bawah tengah), manakala gambar bawah kanan, beras tempatan yang dikeluarkan oleh Syarikat WMC.**







**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan meninjau dan melawat fasiliti-fasiliti yang dinaik taraf.**

**>> Muka 3**

Berangkat sama paduka-paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM); Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta kerabat diraja dijunjung oleh Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, selaku Pengerusi Syarikat Darussalam Assets Sdn. Bhd., bersama Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, selaku Pemangku Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Sejurus itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung bagi merasmikan pembungkusan beras baharu Syarikat WMC dan seterusnya mendengarkan sembah penerangan daripada Syarikat WMC mengenai latar belakang Syarikat WMC dan papan maklumat mengenai proses pengeringan padi.

Sejurus selesai, baginda berserta kerabat diraja dijunjung untuk bercemar duli bagi memulakan lawatan ke fasiliti-fasiliti yang dinaik taraf bermula dari fasiliti Pengeringan Padi (Vertical Dryer) dan Penyimpanan Padi (Silo), bermula dari kawasan jambatan timbang.

Sementara itu di kawasan pengisaran padi, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan menyaksikan tayangan video ringkas mengenai proses pengisaran serta sembah penerangan mengenai mesin-mesin pengisaran, sebelum meneruskan lawatan ke kawasan pembungkusan beras.

Terdahulu, Kebawah DYMM berserta kerabat diraja, dijunjung untuk sesi bergambar ramai bersama dengan Yang Berhormat Menteri-menteri Kabinet; Yang Mulia Timbalan-timbalan Menteri; Lembaga Pengarah Syarikat WMC; Pengurusan Syarikat WMC dan kakitangan Darussalam Assets Sdn. Bhd.

**>> Muka 5**





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia ketika berkenan menerima sembah penerangan pada majlis tersebut (atas, bawah dan atas kanan).**





**KEBAWAH DYMM ketika berkenan menerima sembah penerangan semasa mengunjungi pameran syarikat-syarikat tempatan (atas).**



KEBAWAH DYMM dan paduka-paduka anakanda baginda berkenan dijunjung bagi sesi bergambar ramai pada majlis tersebut.

>> Muka 4

Pada majlis tersebut, Kebawah DYMM juga berkenan mengunjungi pameran syarikat-syarikat tempatan yang antara lain mempamerkan penggunaan Pertanian Pintar (Smart Farming) dan Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence, AI) di sektor pertanian di negara ini.

Inisiatif ini menggambarkan usaha berterusan sektor pertanian tempatan dalam mengadaptasi teknologi moden bagi meningkatkan kecekapan, produktiviti serta kemampanan industri pertanian di NBD.

Sebelum mengakhiri lawatan, Kebawah DYMM berserta kerabat diraja sekali lagi dijunjung untuk sesi bergambar ramai bersama dengan pegawai dan kakitangan Syarikat WMC.

Di ruang utama Kem Santap, baginda dijunjung untuk menandatangani plak dan berkenan menerima pesambah daripada Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II selaku wakil Syarikat WMC.

Dengan adanya fasiliti yang dinaik taraf ini, ia akan dapat meningkatkan kapasiti pengisaran padi negara daripada tiga tan metrik sejam kepada 10 tan metrik sejam, yang dijangka akan dapat menyumbang secara signifikan kepada peningkatan tahap sara diri negara untuk beras daripada lapan peratus kepada 20 peratus menjelang tahun 2027.

Fasiliti ini juga akan dapat menyokong sasaran keselamatan makanan (*food security*) di NBD dengan mengurangkan kebergantungan terhadap beras yang diimport, serta mencapai aspirasi negara.

Ini adalah penting kerana kebergantungan negara terhadap beras import menimbulkan risiko yang besar terhadap keselamatan makanan, terutamanya dalam menghadapi ketidaktentuan ekonomi global dan perubahan iklim.

Melalui fasiliti ini juga akan dapat mengukuhkan lagi rantaian nilai pertanian negara dan menjamin masa depan makanan yang lebih teguh untuk generasi akan datang.

Pada masa ini, fasiliti pengisaran WMC dikendalikan 100 peratus oleh anak tempatan, di mana sejak penubuhannya pada tahun 2022, syarikat telah mengambil pekerja seramai 87 anak tempatan.

Juga hadir di majlis perasmian tersebut, Timbalan-timbalan Menteri; Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara; Duta-duta Besar Istimewa dan Mutlak ke NBD; Setiausaha-setiausaha Tetap; serta pegawai-pegawai kanan kerajaan dan para jemputan.






KEBAWAH DYMM berkenan menandatangani plak (atas).




KEBAWAH DYMM dan paduka-paduka anakanda baginda semasa berada di ruang utama Kem Santap (atas), manakala gambar kanan, Kebawah DYMM berkenan menerima junjung ziarah daripada kakitangan Syarikat WMC.

SEBAHAGIAN yang hadir pada majlis tersebut (kiri).



# TERUS BEKERJASAMA, BERUSAHA MEMPERTINGKATKAN KESELAMATAN JALAN RAYA

**Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani**
**Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 13 November. - Hari Memperingati Mangsa-mangsa Lalu Lintas Sedunia adalah satu hari yang penting bagi mengenang mereka yang telah kehilangan nyawa atau terjejas akibat kemalangan lalu lintas.

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri seterusnya bersabda, ia juga memberi kesempatan bagi kita semua merenung kembali tentang tanggungjawab kolektif untuk menjadikan jalan raya di negara ini lebih selamat.

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna bersabda demikian pada Majlis Hari Memperingati Mangsa-mangsa Lalu Lintas Jalan Raya Sedunia Tahun 2025 bertempat di Royal Berkshire Hall, Royal Brunei Polo and Riding Club, Jerudong.

Dalam sabda, Yang Teramat Mulia merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada semua agensi kerajaan terutamanya Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR), pihak swasta dan Pertubuhan-pertubuhan Bukan Kerajaan (NGOs), yang telah giat melaksanakan pelbagai usaha berterusan secara turun padang dengan menangani isu-isu yang dihadapi, dan mengendalikan program-program kesedaran orang ramai.

YTM berharap semua yang terlibat akan terus bekerjasama dan berusaha dengan gigih ke arah mempertingkatkan lagi keselamatan jalan raya di negara ini.

"Alhamdulillah, atas komitmen semua, saya difahamkan Negara Brunei Darussalam (NBD) berjaya mengurangkan jumlah kematian lalu lintas sebanyak 50 peratus di sepanjang dekad yang lalu, iaitu di antara 2010 dan 2020.

"Akan tetapi, sejak tahun kebelakangan ini, saya difahamkan terdapat trend peningkatan jumlah kemalangan dan juga kematian yang sangat membimbangkan dan semestinya, menjadi pendorong untuk bertindak lebih gigih dan proaktif dalam menangani keadaan tersebut.

"Dalam hal ini, saya ingin memetik titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang menekankan kepentingan menggunakan hasil audit dan data bersepadu sebagai asas kukuh dalam merancang tindakan pembaikan jalan raya dan pengubalan dasar, termasuk menetapkan sasaran penarafan keselamatan minimum tiga bintang bagi jalan-jalan utama di seluruh negara," sabda YTM.

Sabda YTM lagi, baginda turut menekankan perlunya penguatkuasaan undang-undang jalan raya dipertingkatkan melalui pendekatan yang strategik dan berkesan serta penyediaan Plan Strategik Keselamatan Jalan Raya 2026 hingga 2030 hendaklah melibatkan pelbagai pihak berkepentingan secara inklusif.

Petikan titah berkenaan sabda YTM, menjadi panduan jelas bahawa usaha ke arah keselamatan jalan raya mesti bersifat menyeluruh, berterusan dan berasaskan data.

YTM seterusnya bersabda, MKKJR adalah satu wadah penting untuk menyelaraskan tindakan bersepadu, bersistematik dan berimpak tinggi untuk mencapai sasaran-sasaran yang telah ditetapkan.

Dalam hubungan ini, YTM amat sukacita dan menghargai usaha MKKJR dalam menghasilkan dan melancarkan sebuah buku 'Road Safety Action 2030' pada hari ini.

Sabda YTM, pelancaran buku berkenaan juga merupakan salah satu usaha bagi menyahut inisiatif 'TheSecond Decade of Actionfor Road Safety 2021 to 2030' yang telah diisytiharkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), dengan sasaran untuk mencegah sekurang-kurangnya 50 peratus kematian dan kecederaan akibat kemalangan lalu lintas menjelang 2030. Sasaran berkenaan telah juga diguna pakai oleh



**YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri ketika berkenan mengurniakan sabda.**

Negara-negara Ahli ASEAN.

YTM mendoakan semoga segala niat murni dan berkebajikan untuk menjadikan jalan raya di NBD lebih selamat dan mendapat keberkahan, sentiasa dilindungi Allah Subhanahu Wata'ala daripada sebarang musibah serta dikurniakan taufik dan hidayah untuk mencapai matlamat sifar kematian jalan raya.

# MKKJR memperingati mangsa kemalangan jalan raya



**YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri berkenan menerima junjung ziarah pada majlis tersebut (atas), manakala gambar bawah kanan, antara pelajar yang terlibat dalam persembahan Bicara Berirama.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 13 November. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri selaku Penaung Diraja Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR) Negara Brunei Darussalam (NBD) berkenan berangkat ke Majlis Hari Memperingati Mangsa-mangsa Lalu Lintas Sedunia bagi Tahun 2025 yang berlangsung di Royal Berkshire Hall, Royal Brunei Polo and Riding Club, Jerudong.

Keberangkatan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna dijunjung oleh Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha selaku Pengerusi MKKJR; Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos selaku Timbalan Pengerusi MKKJR; Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei, Dato Seri Pahlawan Awang Sulaiman bin Alidin, selaku Ahli MKKJR; Setiausaha Tetap, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof selaku Ahli MKKJR; dan Timbalan Setiausaha Tetap (Pengangkutan), MTIC, Awang Haji Mohammad Salihin bin Haji Aspar selaku Setiausaha MKKJR.

Yang Teramat Mulia turut berkenan menandatangani lembaran kenangan keberangkatan sempena Hari Memperingati Mangsa-mangsa Lalu Lintas Sedunia bagi Tahun 2025.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Mustapa bin Haji Murat, diikuti dengan sembah alu-aluan oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Semasa majlis berkenaan, YTM berkenan mengurniakan Sabda Khas dan seterusnya melancarkan 'Tindakan Keselamatan Jalan Raya 2030' atau 'Road Safety Action 2030', terbitan MKKJR.

'Tindakan Keselamatan Jalan Raya 2030' berkenaan menggantikan Pelan Strategik Keselamatan Jalan Raya 2025 dan mentakrifkan matlamat serta hasil yang ingin dicapai, dengan tindakan-tindakan khusus yang akan dilaksanakan dalam tempoh lima tahun dari 2026 hingga 2030 bagi memperkukuh keselamatan jalan raya di NBD.

Selain itu, ia juga merupakan tindak balas terhadap trend kemalangan dan kadar korban nyawa akibat kemalangan jalan raya, seiring dengan usaha negara untuk mewujudkan sistem jalan raya yang lebih selamat, berdaya tahan dan berkesan untuk semua pengguna.

YTM kemudiannya berkenan menyaksikan persembahan Bicara Berirama daripada para pemenang pertandingan Bicara Berirama, iaitu Sekolah Freda Radin, johan bagi Kategori Sekolah Rendah, serta Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, johan bagi Kategori Sekolah Menengah.

Sebanyak 27 buah sekolah rendah dan 11 buah sekolah menengah menyertai pertandingan berkenaan yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan sebagai salah satu inisiatif Kumpulan Tindakan Penyelidikan dan Perkembangan (KTPP), MKKJR.

Turut hadir, Ketua-ketua Perwakilan Asing ke NBD, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ahli-ahli MKKJR, Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan kerajaan, wakil-wakil sektor swasta, Pertubuhan-pertubuhan Bukan Kerajaan (NGOs), sekolah-sekolah memandu serta institusi-institusi pendidikan.

Manakala pada sebelah petang, turut diadakan dua sesi forum bertajuk 'Every Life Counts : Break the Trend, Aim for Zero Fatality'; dan 'SMART Shift for Shaping Safety in Heavy Vehicle', yang antara lain membincangkan strategi keselamatan jalan raya berasaskan data, hasil penilaian BruRAP2, serta langkah-langkah memperkukuh pengurusan keselamatan kenderaan berat melalui teknologi pintar seperti In-Vehicle Monitoring System (IVMS).

Sementara itu, Hari Memperingati Mangsa-mangsa Lalu Lintas Sedunia merupakan inisiatif antarabangsa yang disambut dalam minggu ketiga November setiap tahun.

Ia bertujuan untuk memperingati mangsa-mangsa kemalangan jalan raya serta keluarga mereka yang turut terkesan akibat tragedi berkenaan.

Bertemakan 'Watch Your Speed, Watch the Road', sambutan tahun ini menekankan pentingnya kesedaran terhadap kepatuhan had laju, berhati-hati semasa memandu serta menghormati hak setiap individu untuk menikmati perjalanan yang selamat di jalan raya.

Nilai berkenaan turut mencerminkan prinsip kesejahteraan dan kesaksamaan yang selaras dengan Maqasid Syariah.

Dalam kesempatan berkenaan, MKKJR menyeru semua pengguna jalan raya agar sentiasa mematuhi peraturan lalu lintas dan memandu mengikut had laju yang ditetapkan bagi memastikan keselamatan diri serta pengguna jalan raya yang lain.

Setiap pemandu juga diingatkan untuk tidak memandu secara cuai, melampaui had kelajuan, dan menggunakan telefon bimbit semasa memandu, kerana tindakan sedemikian bukan sahaja membahayakan diri sendiri, malah boleh mengancam nyawa orang lain.

Sikap berhemah, berdisiplin dan menghormati undang-undang jalan raya merupakan asas kepada pembentukan budaya pemanduan yang selamat di NBD serta cerminan tanggungjawab bersama dalam menjaga keselamatan di jalan raya.



# 10 PESERTA MARA PERINGKAT AKHIR MUSABAQAH MEMBACA AL-QURAN

**Oleh : Aimi Sani**
**Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morsidi**

**BERAKAS**, Khamis, 13 November. - Seramai 10 peserta, iaitu lima qari dan lima qariah berjaya mara ke Peringkat Akhir Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi setelah menamatkan pertandingan di Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan Tahun 1447H / 2026M yang diadakan selama tiga hari berturut-turut bermula pada 10 hingga 12 November 2025.

Musabaqah berkenaan telah menarik penyertaan seramai 68 peserta terdiri daripada 54 qari dan 14 qariah yang telah memperdengarkan bacaan masing-masing di musabaqah tersebut.

Sehubungan dengan itu, Majlis Pengumuman Keputusan bagi musabaqah berkenaan diadakan petang tadi, bertempat di Dewan Muzakarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman.

Turut hadir, Ahli Majlis Ugama Islam Brunei, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Sellahuddin; Setiausaha Tetap, KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), KHEU, Awang Misle bin Haji Abd. Karim; dan Pengerusi-pengerusi Bersama, ketua-ketua jabatan serta para pegawai kanan KHEU.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Kampung Kasat, Awang Afiq Haririe bin Haji Md. Daud, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Pengarah Pentadbiran, Jabatan Pentadbiran, KHEU, Awang Haji Mohammad Zulhilmi bin Haji Omar Ali selaku Pengerusi Bersama Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan Tahun 1447H / 2026M.

Majlis diteruskan dengan pengumuman keputusan musabaqah oleh Timbalan Pengetua, Diploma 'Aliyah Qira'at, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Awang Mohd. Ali Sabri bin Haji Yusof yang juga selaku Pengerusi Jemaah Hakim Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan Tahun 1447H / 2026M.





YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama ketika menyampaikan hadiah dan cenderamata kepada para penerima.

Majlis turut diserikan dengan persembahan nasyid bertajuk 'Negara Zikir Amalkan Al-Quran' oleh Kumpulan Firqah Al-Khalil dan disusuli dengan persembahan bacaan Al-Quran oleh wakil peserta yang terpilih ke peringkat akhir.

Acara kemudiannya diteruskan dengan penyampaian hadiah dan cenderamata kepada para peserta dan ahli jemaah hakim musabaqah yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat oleh Awang Afiq Haririe.

Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan merupakan projek tahunan KHEU yang dilaksanakan secara berperingkat, bermula dengan peringkat saringan kebangsaan, diikuti dengan peringkat separuh akhir dan seterusnya peringkat akhir kebangsaan.

Penganjurannya bertujuan untuk memberi pendedahan dan dorongan kepada para qari dan qariah negara dalam mempertingkatkan mutu bacaan Al-Quran, menggalakkan masyarakat Islam di negara ini mendalami ilmu tajwid dan kaedah bacaan yang betul, serta memupuk kecintaan terhadap Al-Quran sebagai panduan hidup.

Dengan penganjuran musabaqah berkenaan juga diharap ia terus menjadi platform yang berprestij dalam melahirkan lebih ramai qari dan qariah berkualiti serta memperkukuh usaha negara dalam memartabatkan syiar Islam dan penghayatan Al-Quran di Negara Brunei Darussalam.

# Doa Kesyukuran sempena Ulang Tahun Penubuhan AFSA

**Berita dan Foto : Khartini Hamir**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 13 November. - Persatuan Pemedulian Sokongan Selepas Penjagaan (Aftercare Support Association - AFSA) telah didaftarkan dengan ROS (Register of Society) Pasukan Polis Diraja Brunei pada 4 Ogos 2020.

Ia merupakan satu pertubuhan bebas Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) bagi membantu Jabatan Penjara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam dalam mengurangkan kemasukan berulang-ulang untuk melaksana dan menjaga reintegrasi ke arah keharmonian masyarakat.

Misi AFSA ialah membentuk Rakan Seliaan (RS) yang bertanggungjawab dan menyumbang kepada masyarakat serta menjadikan RS mendiri, produktif, dan reintegrasi, di samping visinya menjadikan rakan yang dipercayai bagi reintegrasi yang berjaya.

Sehubungan itu bagi memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas penubuhan persatuan berkenaan, Persatuan AFSA petang tadi mengadakan Majlis Doa Kesyukuran sempena Penubuhan Persatuan AFSA Ke-5 Tahun bertempat di Bangunan AFSA, Jalan Kebangsaan.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman.

Antara atur cara yang dimuatkan termasuk lawatan aktiviti-aktiviti yang diadakan di AFSA seperti Kelas Hafazan bagi RS dengan kerjasama Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) dan Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah; Pembuatan bakeri bersama BIBD; Bengkel dan Khidmat Cuci Kereta AFSA; Khidmat Detailing dan Cuci Kereta di Bangunan AFSA bersama Rakan Strategik dan Rumah Hijau RS projek bersama YSHHB.

Acara juga turut diselajurkan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah dan diakhiri dengan bacaan Doa Kesyukuran.

Bangunan AFSA telah dirasmikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof pada 28 Oktober 2024.

AFSA juga pernah mengadakan beberapa program dan latihan seperti Bengkel Keberkesanan Rehabalitasi dan Integriti dari Pakar Persatuan Pengasih Malaysia; Gerai Jualan Kuih Muih Gerai No.10 Food Court Sumbangsih Mulia Beribi; dan Penempatan Kerja RS dengan Rakan Strategik yang membuat perjanjian Memorandum Persefahaman (MoU) bersama AFSA.

Aktiviti sepanjang tahun pula termasuk lawatan kebajikan ke rumah RS yang terpilih; Program USRAH bersama Pusat Da'wah Islamiah dan Jabatan Penjara; Program Bertadarus, Khatam Al-Quran, Membaca Yaa Siin, Bertahlil dan Berdikir; Majlis Bersama Rakyat dan Penduduk bagi Daerah Brunei dan Muara sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam; Kerja Sosial dan Kemasyarakatan; Lawatan bersama RS ke Rakan Strategik bagi melihat lebih dekat peluang pekerjaan; Lawatan Ahli Jawatankuasa Tertinggi ke Jabatan Penjara Kota Kinabalu, Kuching, Selangor dan SANA Republik Singapura.

Persatuan AFSA juga turut menerima dan mengalu-alukan beberapa bantuan dan sumbangan dari rakan-rakan strategik mahupun menerusi pendekatan senegara bagi melaksanakan projek-projek latihan dan kemahiran termasuk menyumbangkan barangan makanan asasi kepada RS yang memerlukan; membelikan peralatan menangkap ikan dan pancing; membelikan peralatan pertukangan kayu; membelikan mesin pemotong rumput; dan membelikan alat kelengkapan memasak dan pembuatan kuih muih.

Setakat ini beberapa kemajuan juga turut dicatatkan persatuan berkenaan apabila seramai lima RS hafaz dan hafazan lulus ujian tasmie' dari juzuk 1 ke juzuk 5; penempatan kerjaya tetap lima RS sebagai merbut di masjid yang terpilih di bawah projek bersama YSHHB dan Jabatan Hal Ehwal Masjid; penjualan kuih muih bagi dua orang RS di Sumbangsih Mulia dan peluang belajar dan penempatan di EXPO Kuala Lumpur; dan menaja RS mengaji Al-Quran di Nuqra sehingga khatam.

Hasrat dan harapan AFSA pada masa hadapan akan terus berusaha, berikhtiar, kerja keras dengan niat ikhlas kerana Allah Subhanahu Wata'ala dalam menanai tugas, amanah dan tanggungjawab terus berganding bahu dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, YSHHB, Rakan-rakan Strategik mahupun pihak swasta untuk menarik lebih ramai lagi sukarelawan untuk ikut serta bersama AFSA seterusnya mencari dana dan sedekah infak dari orang ramai untuk menolong RS yang kurang bernasib baik.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ketika hadir pada Majlis Doa Kesyukuran sempena Penubuhan Persatuan AFSA Ke-5 Tahun (atas), manakala gambar bawah, Yang Berhormat semasa mengadakan lawatan dan meninjau kemudahan serta aktiviti yang terdapat di Bangunan AFSA.



# USAHA MEMPERKASA PESAKIT DIABETES DALAM PENGURUSAN KESIHATAN PROAKTIF

**KEMENTERIAN Kesihatan memperkenalkan Program Workplace and Health bertujuan mendorong gaya hidup sihat dalam kalangan pekerja agar lebih aktif dan mengamalkan pemakanan sihat.**



**Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali**
**Foto : Ihsan Kementerian Kesihatan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 14 November. - Hari Diabetes Sedunia disambut pada setiap 14 November dengan tujuan untuk meningkatkan kesedaran tentang diabetes sebagai isu kesihatan awam global yang kritikal.

Pada tahun ini, tema Hari Diabetes Sedunia seperti yang ditetapkan oleh Persekutuan Diabetes Antarabangsa (IDF) adalah 'Diabetes dan Kesejahteraan' dengan tumpuan khusus kepada 'Diabetes dan Tempat Kerja'.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar dalam perutusan sempena Sambutan Hari Diabetes Sedunia 2025.

Menurut Yang Berhormat, tema ini memfokuskan kepada akses kepada penjagaan dan sokongan ditempat kerja untuk kesejahteraan penghidap diabetes, selaras dengan wawasan kebangsaan untuk mempunyai warga yang sihat, produktif dan makmur.

"Penyakit diabetes adalah keadaan kronik yang serius disebabkan oleh kekurangan pengeluaran insulin atau penggunaan insulin yang tidak berkesan oleh tubuh badan seseorang yang menghidap penyakit tersebut dan mengakibatkan paras gula di dalam darah tinggi (hiperglisemia).

"Pendedahan yang berpanjangan kepada hiperglisemia boleh mengakibatkan kerosakan organ, yang akhirnya boleh menyebabkan kehilangan penglihatan atau buta, kegagalan buah pinggang, serangan jantung, strok, amputasi anggota badan dan kematian pramatang," jelas Yang Berhormat.

Kongsi Yang Berhormat, menurut laporan yang dikeluarkan oleh Persekutuan Diabetes Antarabangsa (The International Diabetes Federation), jumlah individu dengan diabetes di seluruh dunia dianggarkan sebanyak 589 juta, dan dijangka meningkat kepada 853 juta menjelang tahun 2050 sekiranya tindakan tidak diambil untuk menanganinya.

Di Negara Brunei Darussalam tambah Yang Berhormat lagi, prevalen penyakit diabetes menunjukkan peningkatan dari 9.7 peratus pada tahun 2016 ke 15 peratus pada tahun 2023. Manakala, komplikasi yang berkaitan dengan diabetes seperti penyakit buah pinggang dan strok juga telah meningkat.

Manakala pada tahun 2023 kongsi Yang Berhormat, 79 peratus pesakit yang menjalani dialisis adalah penghidap diabetes dan mereka yang menghidapi komplikasi retinopati (*diabetic retinopathy*) meningkat dari 18 peratus ke 23 peratus. Manakala jumlah pesakit strok yang menghidap diabetes terus meningkat dari 44 peratus pada tahun 2023 ke 47 peratus pada tahun 2024.

Peningkatan ini, jelas Yang Berhormat merupakan satu ancaman terhadap kesihatan awam yang tidak boleh di pandang ringan.

"Bilangan rakyat yang hidup dengan, atau berisiko menghidap diabetes akan terus meningkat sekiranya langkah-langkah pencegahan tidak diambil. Dalam pada itu, Kementerian Kesihatan terus berusaha dan bekerjasama dengan semua sektor kerajaan dan swasta dalam sama-sama menangani diabetes serta penyakit-penyakit yang tidak berjangkit melalui dasar-dasar dan pelan strategik seperti 'Brunei Darussalam National Multisectoral Action Plan for the Prevention and Control of Noncommunicable Diseases (BruMAP-NCD)'," tegas Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat lagi, diabetes dan tempat kerja merupakan satu aspek yang kurang mendapat perhatian dalam perbincangan mengenai diabetes adalah impaknya terhadap kesihatan mental dan kesejahteraan emosi terutama sekali ditempat kerja.

Diabetes tegas Yang Berhormat, bukan sekadar penyakit fizikal bahkan ia merupakan satu bebanan yang harus dipikul setiap hari, setiap jam, oleh mereka yang menghidapinya.

Kajian ujarnya menunjukkan bahawa penghidap diabetes mempunyai risiko yang lebih tinggi untuk mengalami kemurungan dan keresahan, distres diabetes (tekanan akibat diabetes), beban rawatan yang melampaui kemampuan, dan stigma dan diskriminasi.

Jelasnya lagi, diagnosis diabetes juga boleh menimbulkan kebimbangan tentang keupayaan seseorang untuk bekerja dengan lebih berkesan sambil menjaga kesihatan mereka.

Menurut Laporan Perbadanan Antarabangsa tambahnya, tujuh daripada 10 individu dengan diabetes adalah dari golongan yang masih aktif berkerja. Mereka perlu menguruskan penyakit ini sambil mengekalkan prestasi kerja, yang seterusnya boleh menjejaskan tumpuan, tenaga dan kesejahteraan mereka.

Justeru itu tekan Yang Berhormat, tempat kerja merupakan persekitaran penting untuk melaksanakan intervensi dan sokongan terhadap kesejahteraan emosi pesakit diabetes.

"Sehubungan dengan itu, sejajar dengan pendekatan Whole-of-Nation, Kementerian Kesihatan menyeru semua majikan, sama ada di sektor awam mahupun swasta, untuk menjadi rakan aktif dalam usaha mengurangkan beban diabetes melalui inisitif seperti berikut, Menggalakkan untuk menjalani saringan kesihatan dengan memudahkan dan menggalakkan saringan kesihatan berkala kepada pekerja bagi membolehkan pengesanan awal diabetes dan faktor risikonya. Selain itu, mewujudkan persekitaran yang sihat dengan menyediakan akses kepada pilihan makanan dan minuman yang lebih sihat di kantin dan semasa mesyuarat, serta mewujudkan peluang untuk aktiviti fizikal, seperti *mobility break* yang ditetapkan atau program senaman di tempat kerja.

"Memupuk budaya pemedulian dengan melaksanakan dasar-dasar sokongan yang membolehkan pekerja yang menghidap diabetes mendapat masa dan fleksibiliti yang mereka perlukan untuk temu janji perubatan dan pengurusan sendiri tanpa rasa stigma atau diskriminasi dan meningkatkan kesedaran dengan mengadakan sesi pendidikan tentang pencegahan diabetes, mengenali tanda-tanda amaran awal, dan kepentingan permakanan seimbang serta gaya hidup aktif," kongsi Yang Berhormat.

Dalam pada itu, ujarnya, Kementerian Kesihatan telah memperkenalkan Program Workplace and Health (WAH) di tempat kerja sejak tahun 2019. Ianya bertujuan untuk mendorong tempat kerja menyediakan persekitaran yang menggalakkan gaya hidup sihat di kalangan pekerja, agar mereka lebih aktif, mengamalkan pemakanan sihat, bebas dari asap rokok dan mempunyai kesejahteraan mental yang baik.

Terang Yang Berhormat, antara komponen program WAH termasuklah saringan kesihatan, sesi senaman serta pendidikan gaya hidup sihat secara atas talian melalui laman sesawang *www.whp.gov.bn*.

>> Muka 11

# BFI kukuhkan keselamatan melalui pendekatan pembelajaran praktikal

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**

**SUNGAI LIANG**, Khamis, 13 November. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah selaku Pengerusi Brunei Fertilizer Industries Sdn. Bhd. (BFI) menekankan bahawa sambutan tersebut menandakan satu langkah penting dalam komitmen berterusan BFI untuk mengekalkan standard tertinggi dalam aspek kesihatan, keselamatan, dan alam sekitar di semua bidang operasinya.

Penubuhan Safety Park berkenaan merupakan satu pencapaian penting bukan sahaja bagi BFI, tetapi juga bagi landskap industri di Negara Brunei Darussalam (NBD).

"Ia merupakan kemudahan keselamatan pertama seumpamanya di Asia Tenggara, di mana sebuah organisasi dalam sektor petrokimia telah membangunkan kemudahan latihan keselamatan dalaman khusus di kawasan operasinya sendiri," jelas Yang Berhormat pada Majlis Pelancaran Safety Park yang berlangsung di Mini Theatre, SPARK Center Sungai Liang.

Jelas Yang Berhormat lagi, inisiatif berkenaan mencerminkan keyakinan BFI bahawa keselamatan mesti kekal sebagai teras budaya kerjanya dalam Way of Working dan Nilai Teras Syarikat, diperkukuh melalui pengalaman praktikal, serta ditunjukkan dalam setiap tugasan yang dilaksanakan.

Yang Berhormat seterusnya berkata, sejak penubuhannya pada Oktober 2013, BFI telah berkembang menjadi salah satu peneraju utama di Asia Tenggara dalam bidang pembekalan, pengeluaran, pengedaran, jualan dan pemasaran baja nitrogen serta bahan kimia industri.

BFI ujar Yang Berhormat, terus memainkan peranan penting dalam menyokong keselamatan makanan global, memajukan kelestarian, serta menggalakkan kepelbagaian ekonomi selaras dengan Wawasan Brunei 2035.

"Pelancaran Safety Park ini diadakan pada waktu yang amat sesuai memandangkan BFI baru-baru ini telah mencapai kejayaan melebihi empat juta jam bekerja tanpa sebarang insiden kehilangan masa kerja (Lost Time Incident-Free), serta berjaya melepasi audit pensijilan IFA Protect and Sustain.

"Pencapaian-pencapaian ini membuktikan komitmen kukuh BFI terhadap aspek keselamatan, sekuriti dan kelestarian, selaras dengan nilai-nilai yang menjadi asas penubuhan Safety Park ini," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya berkata dengan penggunaan simulator dan modul latihan berteknologi tinggi dengan menghubungkan teori dengan aplikasi dunia sebenar dan memastikan setiap individu memahami serta mempamerkan tingkah laku kerja selamat yang selaras dengan piawaian antarabangsa seperti ISO 45001 dan Dasar QHSSE BFI.

BFI melancarkan Safety Park, iaitu kemudahan latihan keselamatan dalaman pertama di Asia Tenggara. Inisiatif berkenaan bertujuan memperkukuh budaya keselamatan, meningkatkan tahap kompetensi dan mengukuhkan komitmen syarikat kepada kecemerlangan operasi.

Safety Park merupakan satu langkah strategik BFI dalam mengukuhkan lagi keselamatan melalui pendekatan pembelajaran praktikal yang menggabungkan teori dan aplikasi secara langsung.

Kemudahan berkenaan membolehkan pekerja, kontraktor dan pelawat mendapat pengalaman langsung dalam mengenal pasti bahaya, tindak balas kecemasan dan amalan kerja selamat sebelum memasuki kawasan operasi sebenar.



**YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II ketika hadir pada Majlis Pelancaran Safety Park dan seterusnya meninjau kemudahan-kemudahan tersebut.**

Ia juga berfungsi sebagai pusat induksi dan latihan ulangan serta kursus khusus termasuk Permit-to-Work (PTW), pertolongan cemas dan latihan bagi pegawai bomba. Sejajar dengan usaha memperkukuh langkah keselamatan, BFI baru-baru ini telah mencapai lebih empat juta jam bekerja tanpa insiden kehilangan masa (Loss Time Incident-Free) dan telah berjaya dalam audit pensijilan IFA Protect and Sustain.

Turut hadir, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid; dan Setiausaha Tetap (Ekonomi, Perdagangan dan Industri); Dr. Hajah May Fa'ezah binti Haji Ahmad Ariffin; Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ahli-ahli Lembaga Pengarah Syarikat, pengarah-pengarah pengurusan syarikat, pihak berkepentingan dan rakan kongsi perniagaan.

# Memajukan inovasi, kemampanan sektor pelancongan







**YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan ketika hadir dan bergambar ramai pada Perhimpunan Agung Pelancongan Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu Sesi Ke-26 yang diadakan di Riyadh, Arab Saudi (kiri dan kanan).**

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Kemajuan Pelancongan**

**RIYADH, ARAB SAUDI**, Rabu, 12 November. - Negara Brunei Darussalam (NBD) telah menyertai Perhimpunan Agung Pelancongan Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (Pelancongan PBB) Sesi Ke-26, yang diadakan di Riyadh, Arab Saudi, di bawah tema 'Pelancongan Dikuasakan AI : Mendefinisi Semula Masa Depan', (AI-Powered Tourism : Redefining the Future).

Perhimpunan tersebut menandakan Ulang Tahun Ke-50 Pelancongan PBB, yang dipengerusikan oleh Menteri Pelancongan Kerajaan Arab Saudi, Tuan Berhormat Ahmed Al-Khateeb.

Perhimpunan Agung tersebut menghimpunkan lebih 1,400 peserta dari 148 negara, termasuk kira-kira 90 Menteri, 17 Timbalan Menteri dan 70 Duta, mencerminkan komitmen global untuk memajukan inovasi dan kemampanan dalam sektor pelancongan.

Delegasi NBD diketuai oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, diiringi oleh Timbalan Setiausaha Tetap di Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Awang Haji Mohd. Yusree bin Haji Junaidi dan pegawai dari Jabatan Kemajuan Pelancongan.

Perhimpunan melaporkan bahawa ketibaan pelancong antarabangsa mencecah 1.5 bilion pada 2024, hampir kembali ke tahap sebelum pandemik, dengan jumlah hasil pelancongan global mencecah AS$1.7 trilion.

Pada suku pertama 2025, ketibaan meningkat sebanyak lima peratus, dan walaupun menghadapi cabaran inflasi dan geopolitik, permintaan pelancongan global kekal berdaya tahan, dengan unjuran pertumbuhan sebanyak tiga hingga lima peratus untuk tahun tersebut.

Perhimpunan juga mengalu-alukan pelantikan Shaikha Al Nowais dari Emiriah Arab Bersatu sebagai Setiausaha Agung Pelancongan PBB yang baharu bagi penggal 2026 - 2029.

Antara isu utama yang dibincangkan dalam perhimpunan ialah perbincangan mengenai peranan transformatif Kecerdasan Buatan (AI) dalam membentuk masa depan pelancongan. Penggubalan Deklarasi Riyadh mengenai Masa Depan Pelancongan mengesahkan komitmen negara-negara anggota untuk memanfaatkan teknologi baharu muncul secara bertanggungjawab, menggalakkan inovasi dan memajukan pembangunan pelancongan yang mampan dan inklusif.

Perhimpunan itu juga mengesahkan Program Kerja Pelancongan PBB Bagi Tahun 2026 - 2027, yang dibentangkan oleh Setiausaha Agung Pelancongan PBB yang akan tamat tempoh perkhidmatannya. Program ini, dibangunkan melalui perundingan meluas di kalangan negara anggota, bertujuan untuk mengukuhkan sektor pelancongan global dengan memajukan kemampanan, keterangkuman dan daya tahan sambil menggalakkan inovasi, pelaburan dan transformasi digital.

Aktiviti di bawah program ini juga menekankan kepentingan pendidikan, pembangunan kemahiran, dan kerjasama bagi membentuk tenaga kerja pelancongan bersedia menghadapi masa depan.

Setiausaha Agung Pelancongan PBB juga melaporkan pelaksanaan Draf Program Kerja 2024 - 2025, yang menggariskan kemajuan di bawah Keutamaan 1, antara lain, yang memfokuskan pada meningkatkan daya saing melalui statistik pelancongan yang mantap, piawaian PBB, data dan risikan pasaran.

Dalam rangka kerja ini, NBD akan menerajui salah satu inisiatif dengan menganjurkan Bengkel Serantau Pelancongan PBB mengenai Pengukuran Kemampanan dalam Pelancongan bagi Asia dan Pasifik pada November 2025 di NBD.

Menyedari kepentingan mengukur kemampanan dalam sektor pelancongan, NBD menekankan keperluan pembangunan pelancongan berpandukan data yang boleh dipercayai dan dasar berasaskan bukti.

Bengkel serantau ini berfungsi sebagai platform penting untuk meningkatkan kapasiti serantau dalam menggunakan rangka kerja dan metodologi antarabangsa untuk menilai dimensi ekonomi, sosial dan alam sekitar pelancongan, mencerminkan komitmen berterusan NBD untuk mempromosikan pertumbuhan pelancongan yang dipacu data, berdaya tahan dan inklusif.

Usaha ini sejajar dengan Rangka Tindakan Ekonomi Negara Brunei Darussalam dan Pelan Hala Tuju Industri Pelancongan Negara Brunei Darussalam 2024 - 2035, yang menekankan inovasi, kemampanan dan keterangkuman sebagai pemacu utama kemajuan negara.

Dengan melibatkan diri secara aktif dengan Pelancongan PBB, NBD terus mengukuhkan kedudukannya sebagai rakan kongsi yang bertanggungjawab dan bekerjasama, dan juga menyokong usaha negara ke arah kepelbagaian ekonomi dan pembangunan mampan di bawah Wawasan Brunei 2035.

# MENINGKATKAN KUALITI JALAN RAYA, CIRI KESELAMATAN KENDERAAN



**YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi ketika menyampaikan sembah alu-aluannya.**

**Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani**
**Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 13 November. - Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha menyembahkan, bagi mengganti Pelan Strategik Keselamatan Jalan Raya 2025, 'Tindakan Keselamatan Jalan Raya 2030' mentakrifkan matlamat dan hasil yang diingini, dengan disokong oleh tindakan-tindakan khusus untuk dilaksanakan dalam tempoh lima tahun, iaitu dari 2026 hingga 2030.

Yang Berhormat seterusnya menyembahkan, ia adalah juga merupakan tindak balas kita kepada trend kemalangan dan korban nyawa akibat kemalangan jalan raya yang diperhatikan di dalam beberapa tahun kebelakangan ini.

"Tindakan-tindakan yang dimasukkan juga telah diperoleh daripada dapatan-dapatan Program Penilaian Jalan Raya Brunei kali kedua (BruRAP2) yang dikendalikan pada penghujung tahun 2024 dan diterajui oleh pihak Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan," sembah Yang Berhormat pada Sambutan Hari Memperingati Mangsa-mangsa Lalu Lintas Sedunia bagi Tahun 2025 yang berlangsung di Royal Berkshire Hall, Royal Brunei Polo and Riding Club, Jerudong.

Sembah Yang Berhormat lagi, penilaian berkenaan merupakan kaedah penarafan tahap keselamatan jalan raya yang dikendalikan di bawah Program Penilaian Jalan Raya Antarabangsa (iRAP).

Yang Berhormat menyembahkan, penarafan keselamatan jalan raya iRAP adalah tatacara ukuran secara objektif mengenai tahap keselamatan yang sedia ada terbina dalam infrastruktur jalan raya.

Sembah Yang Berhormat lagi, ia menggunakan skala satu hingga lima bintang, di mana jalan raya satu bintang mempunyai risiko tertinggi, dan jalan raya lima bintang mempunyai risiko terendah atau yang terbaik.

Daripada Program Penilaian Jalan Raya Brunei berkenaan sembah Yang Berhormat, beberapa keperluan untuk penambahbaikan infrastruktur jalan raya dan keperluan untuk melaksanakan langkah-langkah pengurusan kelajuan telah dicadangkan.

"Sehubungan dengan ini, dalam memastikan jalan-jalan raya utama di negara ini akan lebih selamat, maka Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR) juga telah mensasarkan agar setiap jalan raya utama di negara ini mencapai tahap tiga bintang minima atau lebih menjelang 2030.

"Secara keseluruhanya, butiran tindakan-tindakan yang dikenal pasti di dalam 'Tindakan Keselamatan Jalan Raya 2030', menumpukan kepada usaha pengukuhan keupayaan agensi kerajaan, meningkatkan tindakan berasaskan data, penguatkuasaan peraturan, dan meningkatkan kualiti jalan raya dan ciri keselamatan kenderaan.

"Di atas segalanya, matlamat paling kritikal adalah untuk menggalakkan rasa tanggungjawab peribadi dalam kalangan semua pengguna jalan raya," sembah Yang Berhormat lagi

Yang Berhormat seterusnya menyembahkan, keselamatan jalan raya pada dasarnya adalah tentang menyelamatkan nyawa dan insyaAllah dengan kerjasama semua pihak khususnya daripada Ahli-ahli MKKJR dan juga Kumpulan-kumpulan Kerja di bawahnya yang terdiri daripada agensi-agensi kerajaan yang berkepentingan serta Pertubuhan-pertubuhan Swasta dan NGOs, hasrat mulia untuk menjadikan jalan raya di negara ini selamat, insyaAllah akan dapat dicapai.

Terdahulu Yang Berhormat menyembahkan, mewakili MKKJR, serta keseluruhan Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja, dengan penuh hormat dan takzim menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih atas keberangkatan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri sebagai tetamu kehormat bagi majlis berkenaan.

Sesungguhnya sembahnya lagi, keberangkatan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna pada majlis berkenaan, menggambarkan keprihatinan dan sokongan padu Yang Teramat Mulia dalam usaha mempertingkatkan keselamatan jalan raya di negara ini.

Yang Berhormat seterusnya dengan penuh hormat dan takzim juga ingin menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih atas perkenan YTM untuk melancarkan 'Tindakan Keselamatan Jalan Raya 2030' NBD atau 'Road Safety Action 2030' yang membentangkan tindakan-tindakan yang perlu dibuat untuk menggerakkan penglibatan setiap lapisan masyarakat, termasuk pihak kerajaan, dalam menjadikan jalan raya kita lebih selamat kepada setiap pengguna.

Pelita Brunei

# PLATFORM MEMPERKENALKAN PRODUK DIHASILKAN USAHAWAN BAKARIH YAYASAN

**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Mohammad Hasif Matzin**



**YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa meninjau dan beramah mesra bersama para pengusaha yang ikut serta dalam Hari Bakarih Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (HBY 2025).**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 14 November. - Hari Bakarih Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (HBY 2025) merupakan platform perniagaan bagi mengenalkan produk-produk yang dihasilkan oleh para Usahawan Bakarih Yayasan (UBY), iaitu para pengusaha yang dilahirkan melalui program bantuan modal perusahaan atau perniagaan di bawah Skim Pembiayaan Kebajikan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB).

Sehubungan dengan itu, Majlis Pelancaran HBY 2025 telah berlangsung di Kompleks YSHHB, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya melancarkan HBY 2025, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad, selaku Ahli Lembaga Pengarah YSHHB dan juga Pengerusi Jawatankuasa Meneliti Bantuan-bantuan YSHHB.

Penganjuran HBY kali keempat berkenaan merupakan inisiatif YSHHB bagi menyediakan ruang strategik sebagai sokongan kepada para pengusaha tempatan khususnya UBY dalam mengukuhkan portfolio perniagaan dan meluaskan rangkaian pemasaran produk mereka.

Seramai 21 peserta UBY yang mengusahakan pelbagai perusahaan menyertai aktiviti jualan sepanjang HBY 2025 berlangsung selama dua minggu, iaitu bermula hari ini sehingga 30 November 2025, dari jam 4.00 petang hingga 9.00 malam, di Khemah Jualan HBY 2025, Open Plaza, Kompleks YSHHB, Bandar Seri Begawan.

Selain daripada aktiviti jualan, pelbagai aktiviti menarik juga disediakan bagi para pengunjung seperti Fun Fair, Kuiz Kenali Negara Kitani (KNK), Fitness Challenge, Face Painting, Henna Painting, Peraduan Mewarna, Kempen Derma Darah, Matcha and Handicraft Workshop, persembahan muzik, Pet and Reptile Show, serta aktiviti tradisional 'Bamukun'.

Sebahagian daripada pendapatan acara Fun Fair dan bengkel akan disumbangkan kepada Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-anak Yatim (DANA).

Orang ramai juga dialu-alukan hadir dan memeriahkan HBY bagi menyokong para pengusaha tempatan daripada golongan sasaran YSHHB yang berpaksikan semangat 'Mau Bakarih, Sanggup Bajarih Untuk Balurih'.

YSHHB ditubuhkan sebagai wadah amal jariah atau derma khairat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan ahli keluarga baginda, iaitu sebagai tanda pemedulian dan kasih baginda kepada rakyat baginda di samping menjadi pembentukan masyarakat di Negara Brunei Darussalam yang sejahtera dan makmur.



**YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan ketika melancarkan HBY 2025.**



**SEKITAR Majlis Pelancaran HBY 2025 yang diadakan di Open Plaza, Kompleks YSHHB.**

# Memantapkan kerjasama perundangan serantau tangani jenayah rentas negara







**YANG Berhormat Peguam Negara menandatangani Triti bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan seterusnya bergambar ramai pada majlis tersebut (atas dan kiri).**

**Siaran Akhbar dan Foto : Pejabat Peguam Negara**

**MANILA**, Jumaat, 14 November. - Negara Brunei Darussalam (NBD) telah menandatangani Triti ASEAN mengenai Ekstradisi bersama 10 Anggota Negara ASEAN semasa acara sampingan Mesyuarat Menteri-menteri Undang-undang ASEAN Ke-13 (ALAWMM) yang berlangsung pada 14 hingga 15 November 2025 di Manila, Republik Filipina.

Peguam Negara, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Dayang Hajah Nor Hashimah binti Haji Muhammed Taib, selaku Pihak Berkuasa NBD bagi perkara-perkara ekstradisi menandatangani Triti berkenaan bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Penandatanganan Triti berkenaan menandakan pencapaian bersejarah dan hasil yang penting di bawah ASEAN Political-Security Community Blueprint 2025 and the ASEAN Political-Security Plan in ASEAN Community Vision 2045 : Our Shared Future.

Triti berkenaan mengukuhkan ketahanan dan keupayaan ASEAN bagi menghormati dan menegakkan kedaulatan undang-undang di samping memerangi jenayah rentas sempadan, meningkatkan ketelusan prosedur, dan memperkemas proses ekstradisi dalam kalangan Negara Anggota ASEAN.

Selain itu, Triti berkenaan juga merupakan langkah penting ke arah usaha ASEAN mewujudkan rangka kerja perundangan yang lebih kukuh untuk kerjasama dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan ekstradisi dan memastikan pelaksanaannya.

Penandatanganan Triti berkenaan menekankan komitmen NBD untuk memantapkan kerjasama perundangan serantau dalam menangani jenayah rentas negara.

Sebelum ini, Model Triti ASEAN mengenai Extradisi (MAET) yang bersifat tidak mengikat dari segi undang-undang telah diterima pakai semasa Mesyuarat Menteri-menteri Undang-undang ASEAN Ke-10 pada Oktober 2018.

# 15 PEGAWAI PPDB DITETAPKAN PANGKAT INSPEKTOR





**PESURUHJAYA Polis, Dato Seri Pahlawan Awang Sulaiman bin Alidin hadir selaku tetamu kehormat pada satu majlis di mana seramai 15 orang pegawai Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) telah diperkenankan untuk ditetapkan pangkat sebagai Inspektor. Turut berangkat, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Mohammed Saifullah bin Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris (atas kiri dan kanan).**

**Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei**

**GADONG**, Rabu, 12 November. - Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, seramai 15 orang pegawai Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) berpangkat Inspektor Percubaan telah diperkenankan untuk ditetapkan pangkat sebagai Inspektor berkuat kuasa mulai 10 November 2025.

Sehubungan itu, satu majlis telah diadakan bagi meraikan penetapan pangkat pegawai-pegawai berkenaan yang berlangsung di Dewan Bankuet Mes Pegawai, Ibu Pejabat Polis Gadong, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan majlis ialah Pesuruhjaya Polis, Dato Seri Pahlawan Awang Sulaiman bin Alidin. Turut berangkat, Timbalan Pesuruhjaya Polis, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Mohammed Saifullah bin Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris; pengarah-pengarah, timbalan pengarah dan pegawai-pegawai kanan PPDB serta keluarga pegawai-pegawai yang ditetapkan pangkat.

Bagi memberkati majlis, atur cara dimulakan dengan bacaan Doa Selamat yang dipimpin oleh Imam Surau Ibu Pejabat Polis Gadong, APO Staf Sarjan 6472 Mohd. Yusri bin Haji Abu Bakar.

Majlis diteruskan dengan penyampaian penetapan pangkat dan sesi bergambar ramai bersama pegawai-pegawai serta keluarga, sebelum majlis berakhir. PPDB berharap semoga dengan penetapan pangkat ini akan dapat menjadi inspirasi kepada pegawai-pegawai untuk terus berkhidmat dan memberikan yang terbaik kepada pasukan.



**ANTARA pegawai PPDB yang telah diperkenankan untuk ditetapkan pangkat sebagai Inspektor.**

# 194 graduan diraikan pada Majlis Konvokesyen IBTE Ke-33



**TIMBALAN Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal) semasa menyempurnakan penyampaian sijil kepada penerima.**

**Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

**BERAKAS**, Khamis, 13 November. - Seramai 194 graduan yang mengikuti program Kemahiran Kelayakan Perindustrian (Industrial Skills Qualification - ISQ) dan Level II Apprenticeship di Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) diraikan dalam Majlis Konvokesyen IBTE Ke-33 (acara kedua) yang berlangsung di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, hari ini.

Daripada jumlah berkenaan, 174 graduan menerima Sijil ISQ manakala 20 graduan menerima Sijil Level II Apprenticeship.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil ISQ dan Level II Apprenticeship, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani.

Tetamu kehormat majlis juga menyampaikan Anugerah Academic Excellence Award (Anugerah Akademik Cemerlang) kepada graduan yang terpilih.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (RIPAHS), Kampung Rimba, Awangku Mohammad Abdul Azim @ Awangku Jumaat bin Pengiran Saminan sebelum diteruskan dengan penyampaian sijil kepada para graduan.

Anugerah Academic Excellence Award merupakan anugerah khas yang diberikan kepada pelajar yang lulus dengan cemerlang dalam semua modul pada percubaan pertama, mencapai keputusan akademik minimum 80 peratus, mempunyai rekod kehadiran sekurang-kurang 95 peratus bagi kehadiran institusi dan 95 atau 100 peratus bagi kehadiran latihan penempatan.

Selain itu, penerima anugerah juga menunjukkan sikap dan disiplin yang cemerlang, bermotivasi serta tidak pernah dikenakan apa juga bentuk tindakan disiplin dan aktif dalam aktiviti yang dianjurkan di peringkat sekolah, daerah, masyarakat ataupun pernah mewakili negara ke peringkat serantau dan antarabangsa.

Turut hadir ialah Ahli-ahli Lembaga Pengelola IBTE, pegawai-pegawai dan tenaga pengajar IBTE serta para ibu bapa dan ahli keluarga para graduan yang diraikan.

## Usaha memperkasa pesakit diabetes dalam pengurusan kesihatan proaktif

**>> Muka 8**

Kementerian Kesihatan melalui Pusat Promosi Kesihatan jelasnya, juga sekali lagi akan melaksanakan saringan kesihatan bagi pegawai dan kakitangan semua kementerian secara berperingkat mulai tahun 2026, yang mana merangkumi pemeriksaan tekanan darah, Indeks Jisim Badan (BMI), paras gula dan kolesterol menggunakan kaedah *point-of-care testing* (POCT).

Mana-mana pegawai atau kakitangan tekan Yang Berhormat yang memperoleh keputusan saringan yang kurang memuaskan, termasuklah paras gula yang tinggi, akan dirujuk ke pusat kesihatan yang berdekatan bagi pemeriksaan lanjut.

Melalui saringan berkenaan tambahnya, ia diharap dapat membantu pengesanan awal penyakit tidak berjangkit serta mengurangkan risiko komplikasi penyakit tidak berjangkit seperti tekanan darah tinggi, paras kolesterol tinggi, obesiti dan juga diabetes.

Selain itu katanya, Kementerian Kesihatan juga telah memanfaatkan teknologi digital khususnya melalui applikasi BruHealth dengan memperkenalkan ciri Health Index yang membolehkan orang ramai mengetahui risiko kesihatan masing-masing serta cara-cara untuk mengawalnya.

Dari segi penyakit diabetes jelas Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan sedang menjalankan kajian intervensi melalui aplikasi BruHealth untuk memperkasa individu yang menghidap diabetes mengambil peranan yang proaktif dalam pengurusan kesihatan diri mereka.

Ujar Yang Berhormat lagi, Kementerian Kesihatan kekal komited untuk memperkukuhkan perkhidmatan kesihatan daripada aspek pencegahan, saringan, pengurusan dan rawatan diabetes serta akan terus bekerjasama erat dengan pihak berkepentingan yang lain termasuk kementerian-kementerian lain, pemimpin masyarakat, dan pertubuhan bukan kerajaan dalam usaha untuk menerapkan kesihatan dalam semua dasar.

"Sempena Hari Diabetes Sedunia 2025 ini, marilah kita sama-sama berganding bahu dengan tekad dan azam yang kuat untuk menangani diabetes bersama-sama. Dengan kesedaran, sokongan dan tindakan kolektif daripada semua lapisan masyarakat untuk mengambil langkah proaktif bagi mengamalkan pemakanan sihat dan seimbang, mengurangkan pengambilan gula, meningkatkan aktiviti fizikal secara berkala serta menjalani pemeriksaan saringan kesihatan insyaaAllah kita akan mampu mengawal diabetes.

Bagi mereka yang hidup dengan diabetes, jalani kehidupan yang penuh, aktif dan produktif, serta terus menyumbang kepada masyarakat dan negara dengan pengetahuan dan pengurusan diabetes yang betul," ujar Yang Berhormat.

ڤليتا بروني PELITA BRUNEI

# BSM LANCAR KEMPEN FSFS 2025







**SETIAUSAHA Tetap di Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi ketika hadir dan seterusnya berucap pada Kempen Fill Safe, Feel Safe 2025 di Stesen Minyak Gadong Sdn. Bhd. (atas dan kanan).**

**Oleh : Marlinawaty Hussin**
**Foto : Alishahrin Haji Mumin**

**GADONG**, Rabu, 12 November. - Brunei Shell Marketing Company Sendirian Berhad (BSM) secara rasmi melancarkan Kempen Fill Safe, Feel Safe (FSFS) 2025 yang diadakan setiap tahun dalam usaha menegaskan lagi komitmen berterusan syarikat bagi keselamatan dan pengalaman pelanggan di semua Stesen Shell di seluruh negara.

Kempen diadakan di Syarikat Stesen Minyak Gadong Sdn. Bhd., di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Setiausaha Tetap di Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof.

Turut hadir, Pengarah Urusan BSM, Awang Mohamed Alexirwan bin Haji Omar; pemilik-pemilik stesen minyak dan rakan-rakan kongsi.

Dalam ucapannya, Awang Haji Mohammad Nazri merakamkan ucapan tahniah kepada BSM dan rakan kongsi-rakan kongsi atas pendekatan proaktif mereka.

"Kempen FSFS ini merupakan contoh terbaik tentang bagaimana kerjasama antara sektor kerajaan dan swasta dapat membentuk budaya keselamatan dan menghormati, sekali gus menyokong Wawasan Brunei 2035.

Sementara itu, Awang Mohamed Alexirwan dalam ucapannya berkata, stesen-stesen Shell menerima kunjungan lebih tujuh juta pelanggan setiap tahun.

Oleh itu, beliau menekankan kepentingan dalam keselamatan dan pengalaman positif bagi pelanggan serta kakitangan stesen (Service Champions).

"Keselamatan dan keselesaan tetap menjadi keutamaan kami. Kami bangga melihat peningkatan ketara dalam prestasi keselamatan dan ini mencerminkan komitmen bersama kami bagi penambahbaikan berterusan," katanya.

Statistik keselamatan di bawah FSFS menunjukkan peningkatan jelas, di mana insiden penarikan muncung berkurangan daripada empat insiden pada tahun 2024 kepada satu pada 2025. Manakala insiden pengisian yang salah menurun daripada lapan pada tahun lepas kepada dua pada tahun ini.

Kempen tahun ini juga memperkenalkan reka bentuk 'Selendang Keselamatan' yang dipertingkatkan, poster kesedaran keselamatan baharu serta pelekat bahan api berwarna kod yang dibangunkan berdasarkan maklum balas pelanggan dan Service Champion untuk mengurangkan kesilapan serta meningkatkan kesedaran keselamatan di Stesen Shell.

Kempen ini turut menampilkan poster yang menegaskan pendirian BSM terhadap toleransi sifar atau *zero tolerance* bagi sebarang bentuk ancaman, penyalahgunaan lisan, atau gangguan terhadap kakitangan stesen bagi menangani cabaran yang dihadapi oleh Service Champions.

Poster ini berfungsi sebagai peringatan jelas bahawa keselamatan dan kebajikan semua Service Champions adalah dilindungi oleh undang-undang dan BSM tidak akan teragak-agak untuk melaporkan sebarang insiden kepada pihak berkuasa.

Majlis diakhiri dengan pelancaran rasmi poster FSFS 2025 yang menandakan satu lagi pencapaian dalam perjalanan berterusan BSM untuk mempromosikan keselamatan, saling menghormati dan kesedaran di semua Stesen Shell di seluruh negara.

## Memupuk perkembangan profesional melalui pendedahan, kemahiran relevan

**Berita dan Foto : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan**

**JERUDONG**, Rabu, 12 November. - Kementerian Pendidikan, melalui Unit Kepakaran, Bahagian Perancangan dan Pembangunan Kerjaya, Jabatan Pengurusan Pendidik petang tadi mengadakan Program Induksi Pakar Pendidikan dan Majlis Pelantikan Pakar Pendidikan Kumpulan 2 dan Kumpulan 3, bertempat di Jupiter Banquet Hall, Star Lodge, Kampung Jerudong.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi acara tersebut ialah Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad.

Acara dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Pengarah Jabatan Pengurusan Pendidik, Kementerian Pendidikan, Dayang Masdiah binti Awang Haji Tuah selaku Pengerusi Majlis.

Kemuncak acara ini ialah penyampaian Lencana Penghargaan Pakar Pendidikan dan Sijil Pelantikan kepada 19 Pakar Pendidikan daripada Kumpulan 2 dan Kumpulan 3 oleh tetamu kehormat.

Majlis diakhiri dengan penyampaian sijil penghargaan kepada para penyampai dan fasilitator, diikuti dengan sesi bergambar ramai bersama tetamu kehormat dan para Pakar Pendidikan yang baharu dilantik.

Sementara itu, pada sesi pagi, program dimulakan dengan penyampaian beberapa taklimat khas oleh wakil dari Jabatan Sekolah-Sekolah dan Jabatan Kenaziran Sekolah-Sekolah.

Sesi tersebut diteruskan dengan bengkel khas bertajuk 'Maqasid Syariah : Prinsip Panduan untuk Kepimpinan Beretika dan Kecemerlangan Pendidikan' yang disampaikan oleh Penolong Profesor, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Haji Noralizam bin Haji Aliakbar.

Seterusnya, para peserta turut mengikuti bengkel khas bertajuk 'Leading With Character : Excellence, Compassion and Responsibility' yang disampaikan oleh Bahagian Kaunseling, Kementerian Pendidikan.

Program Induksi ini bertujuan untuk melengkapkan para Pakar Pendidikan dengan kemahiran dan pengetahuan asas yang diperlukan bagi melaksanakan tugas serta tanggungjawab mereka dengan berkesan.

Program ini juga berperanan memupuk perkembangan profesional para peserta melalui pendedahan kepada pelbagai kaedah dan kemahiran yang relevan dalam menyokong pembangunan berterusan mereka.

Selain itu, penekanan turut diberikan kepada penyelarasan bidang tugas Pakar Pendidikan dengan matlamat strategik Kementerian Pendidikan, agar sumbangan mereka dapat memberikan impak yang mampan dan signifikan dalam landskap pendidikan.




**SETIAUSAHA Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan ketika hadir pada Program Induksi Pakar Pendidikan dan Majlis Pelantikan Pakar Pendidikan Kumpulan 2 dan Kumpulan 3 (kiri), manakala gambar bawah kiri dan kanan, antara yang hadir pada program tersebut.**





# PERKUKUH KERJASAMA AGROMAKANAN, KESELAMATAN MAKANAN NBD-AUSTRALIA



**SESI bergambar ramai bersama delegasi Mesyuarat Meja Bulat Peringkat Tinggi bersama rakan kerajaan dan industri Negara Brunei Darussalam.**

**Siaran Akhbar dan Foto : Suruhanjaya Tinggi Australia di Negara Brunei Darussalam**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 13 November. - Sebanyak 10 syarikat agromakanan Australia kini berada di Negara Brunei Darussalam (NBD) untuk mengambil bahagian dalam Misi Perkongsian Strategik Agrobisnes Australia ke NBD, yang dijadualkan bermula 12 hingga 14 November 2025.

Diketuai oleh Pengurus Besar Trade Diversification Taskforce di Austrade, Jay Meek dan Business Champion Australia bagi NBD, Dr. Nur Rahman, delegasi ini merangkumi syarikat-syarikat agrobisnes Australia terkemuka dalam bidang teknologi pertanian, makmal, ujian makanan dan penyelidikan.

Misi ini menekankan peranan Australia sebagai rakan kongsi yang boleh dipercayai dalam keselamatan makanan serta pembekal produk dan teknologi agromakanan yang dipercayai kepada NBD.

Pada 13 November, delegasi tersebut telah mengambil bahagian dalam Mesyuarat Meja Bulat Peringkat Tinggi bersama rakan kerajaan dan industri NBD yang dipengerusikan bersama oleh Jay Meek dan Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab.

Mesyuarat meja bulat tersebut turut disertai oleh wakil daripada Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Pihak Berkuasa Makanan Brunei Darussalam (BDFA) dan Lembaga Pembangunan Ekonomi Brunei (LKEB).

Perbincangan tertumpu kepada memperkukuh kerjasama dalam akuakultur, pengeluaran tanaman bernilai tinggi, serta pengkomersialan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D), selaras dengan keutamaan jangka panjang keselamatan makanan NBD dan Pelan Tindakan Pelaburan Australia.

Para peserta turut meneroka peluang dalam bidang pelaburan, peningkatan produktiviti, pemindahan teknologi dan pertukaran pengetahuan.

Jay Meek menegaskan bahawa, "Misi ini telah menghimpunkan syarikat-syarikat Australia yang menawarkan pelbagai penyelesaian merangkumi keseluruhan rantaian nilai makanan termasuk teknologi pertanian (*agritech*), keselamatan makanan, pengeluaran makanan mampan, dan pengurusan air selain organisasi latihan dan penyelidikan.

"Fokus ini sejajar dengan strategi Kerajaan Australia untuk memperkukuh dan memperdalam penglibatan ekonomi Australia dengan Asia Tenggara serta mempelbagaikan rakan ekonomi melalui program seperti Inisiatif Akses ke Pasaran Baharu (ANMI) yang diperkenalkan oleh Kerajaan Australia".

Sementara itu, Pesuruhjaya Tinggi Australia di NBD, Tuan Yang Terutama Michael Neil Hoy menekankan keserasian antara Australia dan NBD dalam sektor agromakanan.

Tuan Yang Terutama Michael Neil Hoy berkata, "Terdapat potensi besar untuk perniagaan kedua-dua negara bekerjasama bagi mencapai matlamat Brunei dalam kepelbagaian ekonomi serta menyokong keselamatan makanan negara".

Dayang Hajah Tutiaty turut menegaskan dalam ucapan alu-aluannya bahawa, "NBD komited untuk memperkukuh kerjasama dengan Australia dalam sektor pertanian dan perikanan bagi mempromosikan pengeluaran mampan, meningkatkan keselamatan makanan, dan menyokong pertumbuhan ekonomi".

Beliau turut menekankan bahawa keselamatan makanan kekal sebagai keutamaan utama bagi KSSUP dengan mengambil kira kemajuan ketara NBD dalam mencapai tahap sara diri yang lebih tinggi, khususnya dalam pengeluaran ayam, telur, sayur-sayuran dan ikan.

Berpandukan Wawasan Brunei 2035, kementerian terus mengguna pakai teknologi pertanian moden serta memperluas peluang eksport, termasuk eksport telur ke Republik Singapura.

Beliau juga mengiktiraf hubungan kerjasama jangka panjang antara NBD dan Australia sejak tahun 2015, serta menyatakan keyakinan bahawa kerjasama berterusan ini akan membuka peluang baharu dalam sektor pertanian, perikanan, dan pemprosesan makanan, sekali gus mengukuhkan perdagangan dua hala dan pelaburan bagi manfaat bersama.

# Memperkukuh kerjasama serantau dalam bidang ilmu, penerbitan

**Oleh : Siti Rokiah Abdullah**
**Foto : Ihsan Jabatan Mufti Kerajaan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 13 November. - Jabatan Mufti Kerajaan (JMK), Jabatan Perdana Menteri baru-baru ini mengambil bahagian dalam Pesta Buku Antarabangsa Kota Kinabalu (PBAKK) 2025.

Selain JMK, PBAKK juga disertai oleh Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama; Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan; dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Hadir mengunjungi reruai institusi negara pada pesta tersebut ialah Konsul Agung, Konsulat Agung Negara Brunei Darussalam (NBD) di Kota Kinabalu, Sabah, Dayang Fauzana Octavia binti Haji Alli.

Acara tahunan berkenaan berlangsung mulai 12 hingga 16 November 2025, bertempat di Sabah International Convention Centre (SICC), Kota Kinabalu.

Lebih 50 pempamer dari dalam dan luar negara mengambil bahagian dalam pesta buku berprestij berkenaan, yang menampilkan ribuan judul buku dengan pelbagai tawaran menarik.

Selain itu, pelbagai aktiviti interaktif dan bermanfaat turut disediakan untuk semua peringkat umur, termasuk sesi bertemu penulis, penerbit dan penggiat industri buku.

PBAKK 2025 menjadi platform untuk keluarga, pelajar, serta masyarakat umum dalam menyemarakkan budaya membaca dan memperluas ilmu pengetahuan.

Penyertaan NBD berkenaan mencerminkan komitmen berterusan negara dalam memupuk minat membaca serta memperkukuh kerjasama serantau dalam bidang ilmu dan penerbitan.



**KONSUL Agung, Konsulat Agung Negara Brunei Darussalam (NBD) di Kota Kinabalu, Sabah semasa mengunjungi reruai NBD.**




SIMPLY SCAN FOR FULL SERMON

# AMANAH SEBAGAI PENGGUNA JALAN RAYA

Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada 23 Jamadilawal 1447H / 14 November 2025M

JABATAN HAL EHWAL MASJID, KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



Menurut laporan yang diterima daripada pihak Jabatan Siasatan dan Kawalan Lalu Lintas Jalan Raya, Pasukan Polis Diraja Brunei, pada tahun ini sahaja sehingga bulan September, sebanyak **18 nyawa telah terkorban** dan **325 kecederaan** telah direkodkan

## PUNCA UTAMA KEMALANGAN JALAN RAYA:

- Sikap cuai dan leka pemandu
- Memandu melebihi had laju yang telah ditetapkan
- Menggunakan telefon bimbit ketika memandu
- Pejalan kaki yang mengabaikan keselamatan dengan tidak menggunakan lintasan atau jejantas yang telah disediakan

## LANGKAH-LANGKAH FIZIKAL YANG PERLU DIBUAT BAGI MENGELAKKAN KEMALANGAN JALAN RAYA:



**Para pemandu perlu sentiasa berwaspada dan memberi tumpuan ketika memandu serta memastikan keselamatan diri dan juga keselamatan orang lain di jalan raya**

**Janganlah bersikap mementingkan diri sendiri**

**Mengamalkan sifat sabar**

**Memandulah dengan penuh berhemah dan menyesuaikan cara memandu mengikut keadaan dan suasana jalan, cuaca dan tingkah laku penggunaan lain**

**Pengguna jalan raya juga hendaklah memastikan kenderaan berada dalam keadaan baik sebelum memulakan sebarang perjalanan**

## RASULULLAH S.A.W DALAM HADIS BAGINDA ADA MENGAJARKAN AYAT YANG DIANJURKAN UNTUK DIBACA KETIKA KELUAR RUMAH BAGI MEMOHON PERLINDUNGAN ALLAH S.W.T. DOANYA ADALAH:

بِسْمِ اللهِ تَوَكَّلْتُ عَلَى اللهِ، وَلاَحَوْلَ وَلاَقُوَّةَ إِلاَّ بِاللهِ

**Dengan nama Allah, aku bertawakkal kepada Allah dan tiada daya dan kekuatan melainkan dengan (kekuasaan) Allah**

BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN PERKEMBANGAN, JABATAN HAL EHWAL MASJID, KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

# Amanah sebagai pengguna jalan raya




**BERTAKWALAH** kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa iaitu dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Alhamdulillah, dalam meniti kehidupan ini, kita bersyukur atas pelbagai nikmat yang Allah Subhanahu Wata'ala anugerahkan kepada kita. Antaranya ialah kemudahan dan prasarana yang disediakan oleh pihak kerajaan seperti jalan raya. Ia merupakan kemudahan awam untuk kemaslahatan rakyat dalam urusan perhubungan dan pengangkutan.

Namun, jalan raya bukanlah medan ataupun tempat untuk menunjukkan kehebatan dan keberanian ketika memandu. Sebaliknya, ia menuntut kita semua sebagai pengguna agar menjaga dan memelihara kemudahan ini serta menjadikannya sebagai tempat yang selamat dan bukannya punca kecelakaan.

Agama Islam menganjurkan umatnya agar menjauhkan diri daripada segala perkara yang boleh merosakkan dan membawa kebinasaan. Adapun antara perkara yang boleh mendatangkan kebinasaan, kerugian, kemusnahan harta dan jiwa itu ialah kemalangan jalan raya. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Baqarah, ayat 195 :

**Tafsirnya :** "*Dan belanjakanlah (harta yang ada pada kamu) pada jalan Allah dan janganlah kamu sengaja menjerumuskan diri kamu sendiri ke dalam kebinasaan. Dan berbuat baiklah kamu kerana sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berbuat kebaikan*".

Menurut laporan yang diterima daripada pihak Jabatan Siasatan dan Kawalan Lalulintas Jalan Raya, Pasukan Polis Diraja Brunei, pada tahun ini sahaja sehingga bulan September, sebanyak 18 nyawa telah terkorban dan 325 kecederaan telah direkodkan. Angka ini amat mengejutkan dan membimbangkan.

Kemalangan jalan raya telah mengakibatkan pelbagai kecederaan, ramai mangsa mengalami kecacatan secara kekal. Adapun antara punca utama kemalangan jalan raya adalah :

**Pertama :** Sikap cuai dan leka pemandu, contohnya memotong di garisan berkembar, menukar lorong secara mengejut tanpa memberikan isyarat, tidak menjaga jarak kenderaan dan tidak peka terhadap pekerja yang berada di jalan raya.

**Kedua :** Memandu melebihi had laju yang telah ditetapkan.

**Ketiga :** Menggunakan telefon bimbit ketika memandu sehingga menjejaskan tumpuan semasa memandu.

**Keempat :** Pejalan kaki yang mengabaikan keselamatan dengan tidak menggunakan lintasan atau jejantas yang telah disediakan.

Marilah kita bersama-sama mengambil iktibar dan mempertingkatkan disiplin serta tanggungjawab semasa berada di jalan raya. Oleh yang demikian, para pengguna jalan raya hendaklah mematuhi segala peraturan yang telah ditetapkan. Patuhi undang-undang lalu lintas, elakkan sikap cuai dan mementingkan diri sendiri. Kerana setiap kecuaian boleh mengundang kemudaratan kepada diri sendiri dan orang lain. Sesungguhnya menjaga keselamatan di jalan raya juga merupakan sebahagian daripada amanah dan tanggungjawab kita terhadap Allah Subhanahu Wata'ala.

Para pemandu perlu sentiasa berwaspada dan memberi tumpuan ketika memandu serta memastikan keselamatan diri dan juga keselamatan orang lain di jalan raya, janganlah bersikap mementingkan diri sendiri. Memandulah dengan penuh berhemah dan menyesuaikan cara memandu mengikut keadaan dan suasana jalan, cuaca dan tingkah laku pengguna lain. Mengamalkan sifat sabar juga adalah langkah penting dalam usaha untuk mengurangkan kemalangan jalan raya. Selain itu, pengguna jalan raya juga hendaklah memastikan kenderaan berada dalam keadaan baik sebelum memulakan sebarang perjalanan.

Selain daripada langkah-langkah fizikal yang dilakukan bagi mengelakkan berlakunya kemalangan jalan raya. Umat Islam digalakkan untuk memperkukuh perlindungan diri dengan mengamalkan doa dan zikir sebelum memulakan perjalanan sehingga sampai ke tempat yang dituju. Ini adalah sebagai usaha untuk memastikan keselamatan dan kelancaran perjalanan, antaranya seperti mengamalkan doa sebagai pelindung. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Ghafir, ayat 60 :

**Tafsirnya :** "*Dan Tuhan kamu berfirman : "Berdoalah kepada-Ku nescaya Aku memperkenankan doa kamu. Sesungguhnya orang-orang yang menyombongkan diri daripada beribadat kepada-Ku akan masuk Neraka Jahanam dalam keadaan hina*".

Sebagai orang Islam, kita disunatkan untuk membaca doa sebelum memulakan sesuatu perjalanan tidak kira perjalanan jauh ataupun dekat. Berikut ini ialah doa-doa yang boleh kita amalkan, antaranya :

**Pertama :** Berdoa ketika hendak keluar rumah disunatkan membaca doa-doa tertentu untuk memohon perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis Baginda ada mengajarkan ayat yang dianjurkan untuk dibaca ketika keluar rumah. Doanya adalah sebagaimana disebut dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Anas bin Malik Radiallahuanhu :

**Maksudnya :** "*Barang siapa yang berkata iaitu apabila keluar rumah 'Bismillahi Tawakkaltu Alallah la Haula Wala Quwwata Illa Billah' dengan nama Allah, aku bertawakal kepada Allah dan tiada daya dan kekuatan melainkan dengan (kekuasaan) Allah, maka akan dikatakan kepadanya (iaitu para malaikat mendoakannya) sesungguhnya kamu akan dicukupi dan akan dilindungi dan syaitan akan menjauhkan daripadanya*". (Hadis Riwayat Imam Termizi)

Selain itu, antara doa yang dibaca oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ketika Baginda keluar dari rumah sebagaimana yang diriwayatkan daripada Ummu Salamah Radiallahuanha :

**Maksudnya :** "*Ya Allah, sesungguhnya aku berlindung kepada-Mu daripada tersesat (daripada petunjuk-Mu) atau aku disesatkan atau aku tergelincir (daripada kebenaran) atau aku digelincirkan atau aku berlaku zalim atau aku dizalimi atau aku melakukan kejahilan atau orang lain yang melakukannya terhadapku*". (Hadis Riwayat Imam Abu Daud)

**Kedua :** Ketika menaiki kenderaan atau memulakan perjalanan jauh, kita hendaklah membiasakan membaca doa, antaranya :

**Maksudnya :** "*Maha suci Allah yang telah memudahkan kenderaan ini untuk kami sedang kami sebelum ini tidak berdaya menguasainya. Dan sesungguhnya kami tentu akan kembali kepada Tuhan kami. Ya Allah, kami memohon kepada-Mu dalam perjalanan ini, berupa kebajikan dan takwa serta amal yang Engkau redai. Ya Allah, mudahkanlah bagi kami dalam perjalanan ini dan dekatkanlah jaraknya. Ya Allah, Engkaulah sebaik-baik tempat perjalanan dan sebaik-baik pelindung bagi keluarga (ku).Ya Allah, aku berlindung kepada-Mu daripada kesusahan perjalanan, keburukan pandangan dan bencana yang menimpa harta dan keluarga (ku)*".

Mudah-mudahan dengan mengamalkan doa tersebut, kita semua akan mendapat keselamatan dan terhindar daripada sebarang bahaya dan malapetaka ketika berada di dalam perjalanan. Marilah kita sentiasa berhati-hati, jangan disebabkan oleh kelalaian dan kesilapan kita, akan membawa padah kepada diri sendiri mahupun kepada orang lain apatah lagi hingga menyebabkan kehilangan nyawa. Akhirnya, sama-samalah kita berdoa semoga kita semua dihindarkan daripada perkara-perkara yang tidak diingini dan sentiasa berada dalam perlindungan dan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala. *Amin Ya Rabbal Alamin.*

**Tafsirnya :** "*Supaya kamu berada tetap di atas-Nya kemudian kamu mengingat nikmat Tuhan kamu apabila kamu berada tetap di atas-Nya serta kamu (bersyukur dengan) mengucapkan : Maha suci Allah yang telah memudahkan kenderaan ini untuk kami sedang kami sebelum ini tidak berdaya menguasainya. Dan sesungguhnya kami tentu akan kembali kepada Tuhan kami*". (Surah Az-Zukhruf, ayat 13-14)

# Membudayakan membaca Al-Quran sebagai amalan rutin harian

**Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin**
**Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**



**PENGHULU Mukim Gadong 'A' dan Pemangku Ketua Kampung Kawasan 1, Rancangan Perumahan Negara Kampung Rimba semasa hadir pada majlis tersebut.**

**RIMBA**, Jumaat, 14 November. - Dalam usaha menyemai semangat kebersamaan dan memupuk kefahaman beragama dalam kalangan masyarakat serta mengimarahkan masjid, Badan Sukarelawan Belia Da'ie dengan sokongan Urus Setia Program Keugamaan Belia, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) awal pagi tadi meneruskan lagi penganjuran Program Pejuang Fajr Kali Ke-17 yang membawa tema 'Quran Connect : Online Dengan Allah Setiap Hari'.

Program yang diadakan di Masjid Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Kampung Rimba berkenaan menghimpunkan seramai 270 peserta terdiri daripada pegawai-pegawai kerajaan, guru-guru dan para pelajar Sekolah Alif Rimba, belia masjid, alumni Akademi Da'wah, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), penduduk Kampung Rimba serta orang ramai.

Hadir pada majlis tersebut ialah Penghulu Mukim Gadong 'A' dan Pemangku Ketua Kampung Kawasan 1, Rancangan Perumahan Negara Kampung Rimba, Awang Haji Adnan bin Awang Haji Bagol.

Atur cara dimulakan dengan sesi Qiamullail yang diketuai oleh Belia Da'ie, diikuti dengan Sembahyang Subuh Berjemaah dan bacaan zikir pagi yang dipimpin oleh Da'ie Bertauliah Majlis Ugama Islam Brunei, Awang Mohammad Shahmie bin Mohammad Sani, merangkap tenaga pengajar Sekolah Alif Rimba.

Program turut diserikan dengan Tazkirah Subuh bertajuk 'Quran Connect : Online Dengan Allah Setiap Hari' yang disampaikan oleh Pegawai Ugama dari PDI, KHEU, Awang Mohammad Nasyith bin Superi.

Antara inti pati ceramah yang dikongsikan ialah penekanan kepada pembudayaan amalan membaca Al-Quran sebagai amalan rutin harian, sama ada selepas menunaikan Sembahyang Fardu Subuh atau sebelum tidur.

Beliau menjelaskan, membaca Al-Quran diibaratkan kita berkomunikasi dengan Allah Subhanahu Wata'ala kerana ayat-ayat suci Al-Quran merupakan kalamullah.

Setiap huruf pada ayat-ayat Al-Quran yang dilafazkan ujarnya, turut dijanjikan ganjaran yang besar kepada pembacanya.

Awang Mohammad Nasyith juga menekankan kepentingan memahami dan mentadabbur ayat-ayat suci Al-Quran agar penghayatannya lebih mendalam, seterusnya membolehkan pengajaran yang diperoleh diamalkan dalam kehidupan seharian.

Selain itu tambahnya, turut diadakan program berkonsepkan 'Menghayati Al-Quran Dalam Kehidupan' khusus untuk para pelajar Sekolah Alif Rimba.

Program berkenaan menyediakan tiga aktiviti utama yang kreatif dan berasaskan nilai Islam, iaitu aktiviti 1 : 'This or That' yang menguji kefahaman pelajar tentang adab dan pilihan berlandaskan ajaran Al-Quran; manakala aktiviti 2 : 'Quran Says' yang menggabungkan elemen permainan dengan penerapan nilai akhlak seperti syukur, kasih sayang dan hormat; sementara aktiviti 3 : 'Mystery Box' menekankan semangat berpasukan melalui hafazan dan permainan *word search* berasaskan ayat-ayat Al-Quran.

Fasilitator bagi program berkenaan terdiri daripada Ahli Jawatankuasa Pejuang Fajr bersama Sekolah Alif Rimba. Rakaman penuh Program Pejuang Fajr Kali Ke-17 boleh disaksikan melalui Instagram rasmi Belia Da'ie.



**TAZKIRAH Subuh bertajuk 'Quran Connect : Online Dengan Allah Setiap Hari' yang disampaikan oleh Pegawai Ugama dari PDI, KHEU.**

# MEMUPUK BUDAYA ILMU, MEMPERLUAS JARINGAN KERJASAMA ANTARABANGSA

**Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 12 November. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam (FPPI) telah menganjurkan satu Program Syarahan Khas dan Pelancaran Buku yang disampaikan oleh Dr. Feim XH Dragusha, seorang ilmuwan dan pendakwah terkemuka dari Republik Kosovo yang berlangsung di Kampus Gadong, UNISSA, baru-baru ini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Rektor UNISSA, Dato Seri Setia Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal, bersama pegawai-pegawai utama I, para pensyarah serta pelajar peringkat ijazah dan pascasiswazah daripada FPPI.

Kemuncak program ialah pelancaran buku terbaharu Dr. Feim XH Dragusha bertajuk 'Sumbangan Kerajaan Brunei untuk Kosovo' (The Contribution of Brunei Darussalam to Kosovo), sebuah karya ilmiah yang mempunyai makna besar daripada pelbagai sudut.

Buku berkenaan berfungsi sebagai rekod sejarah yang memperincikan sumbangan dan keprihatinan Kerajaan Negara Brunei Darussalam (NBD) terhadap rakyat Kosovo, khususnya dalam bidang pendidikan, kemanusiaan dan pembangunan sosial.

Dalam buku berkenaan, Dr. Feim XH Dragusha mengetengahkan secara akademik fakta dan sejarah peranan rakyat NBD yang penuh nilai kemanusiaan, perpaduan dan kasih sayang sejagat.

Beliau turut menggambarkan bagaimana NBD, sebagai sebuah negara kecil namun berjiwa besar, telah menubuhkan Tabung Insania dengan cepat dan profesional bagi membantu rakyat Republik Kosovo semasa menghadapi saat-saat paling getir dalam sejarah negara berkenaan.

Buku berkenaan merupakan yang pertama dan satu-satunya seumpamanya, menampilkan empat projek utama di bawah dana khas berkenaan. Penulis telah menyusun buku ini secara terstruktur, dengan setiap bab menyorot satu projek besar yang melambangkan semangat solidariti dan kebajikan rakyat NBD terhadap masyarakat antarabangsa.

Penganjuran program berkenaan mencerminkan komitmen FPPI dalam memupuk budaya ilmu serta memperluas jaringan kerjasama antarabangsa berteraskan nilai Islam, sejajar dengan usaha UNISSA memperkukuh reputasinya sebagai pusat kecemerlangan ilmu Islam di peringkat global.




**REKTOR UNISSA ketika hadir dan bergambar ramai pada Program Syarahan Khas dan Pelancaran Buku yang disampaikan oleh Dr. Feim XH Dragusha, ilmuwan dan pendakwah terkemuka dari Republik Kosovo.**

# PDI adakan Bengkel Pengenalan Bahasa Dusun



**PEMANGKU Pengarah Pusat Da'wah Islamiah (PDI) hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan cenderahati penghargaan kepada penerima (atas). Manakala gambar atas kanan dan bawah, sekitar majlis tersebut.**

**Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah**



**PULAIE**, Rabu, 12 November. - Dalam usaha memberikan pengetahuan asas dalam berbahasa Dusun dan memudahkan para pegawai dan kakitangan Pusat Da'wah Islamiah (PDI) berinteraksi dengan saudara-saudara baharu yang terdiri daripada kalangan Puak Dusun, Bahagian Pengembangan Da'wah, PDI, Kementerian Hal Ehwal Ugama menganjurkan Bengkel Pengenalan Bahasa Dusun di Dewan Serbaguna, PDI, di sini.



Bengkel itu juga bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan penyampaian dakwah khususnya bagi golongan mualaf dan masyarakat bukan Islam (*non-Muslim*) dalam kalangan Puak Dusun.

Terdahulu, sesi bengkel disampaikan oleh Penguasa Dakwah dan Tabligh, Pengiran Norhayati binti Pengiran Haji Kasharan. Sementara itu, Majlis Penyampaian Sijil yang diadakan pada sesi petang dimulakan dengan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Ketua Bahagian Pengembangan Da'wah, Pengiran Haji Jufri bin Pengiran Haji Hidop.

Penyampaian sijil dan cenderahati penghargaan disempurnakan oleh Pemangku Pengarah PDI, Awang Ahmad Abdussalam bin Haji Abd. Rahman, selaku tetamu kehormat.

Penganjuran Bengkel Pengenalan Bahasa Dusun ini dihasrat akan dapat menjadi wadah untuk memupuk kefahaman, rasa hormat dan penghargaan terhadap bahasa serta budaya tempatan, di samping mengeratkan hubungan antara masyarakat pelbagai kaum dan memperkukuhkan semangat perpaduan dan keharmonian di negara ini.

# 22 peserta musabaqah perdengarkan bacaan



**KETUA Pegawai Ugama Daerah Belait selaku tetamu khas sebelah pagi pada hari ketiga Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi.**

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama**

**BERAKAS**, Rabu, 12 November. - Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi diteruskan lagi pada hari ketiga dan terakhir dengan penampilan seramai 22 peserta yang terdiri daripada 18 qari dan empat qariah yang memperdengarkan bacaan masing-masing pada sebelah pagi dan petang.

Hadir selaku tetamu khas pada sebelah pagi ialah Ketua Pegawai Ugama Daerah Belait, Awang Mohamad Aliyani bin Ismail, manakala pada sebelah petang, Ketua Pegawai Ugama Daerah Temburong, Awang Harris Hamdillah bin Haji Masri.

Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan ini dapat disaksikan secara langsung (*livestreaming*) melalui akaun Instagram rasmi Kementerian Hal Ehwal Ugama *@kheu.brunei* dan Microsoft Teams *https://tiny.cc/kheumusabaqah*.

Sementara itu, Majlis Pengumuman Keputusan dan Penyampaian Hadiah dan Cenderamata kepada para peserta dan hakim Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan Tahun 1447H/2026M diadakan pada Khamis, 22 Jamadilawal 1447 bersamaan 13 November 2025, di tempat yang sama.

Penganjuran Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan ini dihasratkan untuk memartabatkan syiar Islam melalui pembacaan dan penghayatan Al-Quran, yang sekali gus mencerminkan komitmen berterusan negara dalam memupuk budaya Celik Al-Quran dalam kalangan masyarakat Islam di negara ini, di samping menjadi wasilah untuk mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala.



**SALAH seorang peserta semasa memperdengarkan bacaannya pada majlis tersebut.**

# MEMPROMOSI BIODIVERSITI NBD KEPADA KHALAYAK TEMPATAN, ANTARABANGSA

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Brunei Darussalam




**NAIB Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD) ketika hadir pada pelancaran dua tajuk pertama Siri Panduan Lapangan Institut Biodiversiti dan Penyelidikan Alam Sekitar (IBER).**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 13 November. - Institut Biodiversiti dan Penyelidikan Alam Sekitar (IBER) di Universiti Brunei Darussalam (UBD) hari ini melancarkan dua tajuk pertama Siri Panduan Lapangan IBER, iaitu 'Flora of Ulu Temburong' dan 'Mammals of Ulu Temburong', bertempat di Ruang Bicara Minda, Perpustakaan UBD.

Majlis berkenaan diadakan sempena Sambutan Ulang Tahun UBD Ke-40, sekali gus menzahirkan komitmen berterusan universiti dalam mempromosi penyelidikan, pendidikan dan pemuliharaan biodiversiti.

Majlis pelancaran telah disempurnakan oleh tetamu kehormat iaitu Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle. Majlis turut dihadiri oleh wakil-wakil dari Jabatan Perhutanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), dan Suruhanjaya Tinggi British di Negara Brunei Darussalam (NBD).

BIBD menyokong penerbitan kedua-dua panduan lapangan di bawah inisiatif pelaburan sosialnya.

Ketua Bersama Projek Siri Panduan Lapangan IBER, Dr. Hajah Norhayati binti Haji Ahmad, dalam ucapan alu-aluannya, menyatakan bahawa penerbitan berkenaan merupakan satu peristiwa penting dalam mendokumentasikan dan menyampaikan biodiversiti NBD kepada khalayak tempatan dan antarabangsa.

Acara berkenaan tambahnya, menampilkan pembentangan ucaptama oleh Ketua Projek Siri Panduan Lapangan IBER dan Penyelidik Projek Penyelidikan Pemuliharaan Biodiversiti Kuala Belalong, Profesor Madya Dr. Rahayu Sukri, yang berfungsi sebagai asas saintifik untuk panduan lapangan.

Siri Panduan Lapangan IBER mengetengahkan kekayaan flora dan fauna di Taman Negara Ulu Temburong, salah satu kawasan hutan hujan NBD yang paling asli dan signifikan dari segi ekologi di NBD.

Kedua-dua buku berkenaan menyediakan rujukan yang mudah diakses yang menampilkan spesies terpilih, ekologi, status pemuliharaan dan pemerhatian lapangan yang dikumpulkan melalui penyelidikan jangka panjang yang dijalankan di Pusat Kajian Kuala Belalong (KBFSC) UBD dan di dalam kawasan Taman Negara Ulu Temburong.

Selepas pelancaran buku berkenaan, salinan panduan berkenaan telah diserahkan kepada Jabatan Perhutanan dan BIBD sebagai tanda pengiktirafan atas sokongan mereka terhadap Projek Siri Panduan Lapangan IBER dan inisiatif pemuliharaan serta penyelidikan biodiversiti UBD.

Tetamu kehormat dan jemputan turut berpeluang melawat pameran khas yang mengetengahkan Projek Penyelidikan Pemuliharaan Biodiversiti Kuala Belalong.

Manakala, pada sebelah petang, acara diteruskan dengan Siri Seminar IBER, yang menampilkan pembentangan oleh penyelidik IBER, Profesor Madya Dr. Rahayu Sukri; Dr. Salwa binti Abd. Khalid; dan Dr. Roshanizah Rosli, yang berkongsi pandangan tentang pencapaian penyelidikan biodiversiti, kepelbagaian mamalia, dan kajian flora di Ulu Temburong.

Seminar berkenaan terbuka kepada kakitangan, para pelajar dan juga orang ramai, selaras dengan misi IBER untuk memupuk kesedaran alam sekitar dan kerjasama penyelidikan.

Melalui usaha sama berkenaan, IBER berhasrat untuk memperkukuh kepimpinan NBD dalam penyelidikan biodiversiti dan menggalakkan pendidikan pemuliharaan yang selaras dengan Matlamat Pembangunan Lestari Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (SDG) dan Wawasan Brunei 2035.



**NAIB Canselor UBD ketika melawat pameran khas.**

# UBD lancarkan Setem Peringatan Ulang Tahun Ke-40

**Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**

**TUNGKU LINK**, Rabu, 12 November. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) telah melancarkan Setem Peringatan sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-40 UBD bertempat di R&C Café, Business Library, UBD, pagi tadi.

Majlis Pelancaran tersebut diadakan bagi memperingati penubuhan universiti berkenaan pada 28 Oktober 1985.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan pelancaran setem tersebut ialah Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Pegawai Ugama UBD, Awang Haji Mohammad Dzulhilmi bin Haji Moharefandi.

Bagi meraikan detik bersejarah ini, siri Setem Peringatan Khas telah diterbitkan dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Pos (JPP).

Koleksi tersebut menampilkan empat reka bentuk setem istimewa iaitu dalam bentuk First Day Cover (FDC), helaian setem dan helaian mini, masing-masing melambangkan perjalanan 40 tahun UBD dalam pertumbuhan, inovasi serta sumbangan kepada pembangunan negara.

Dalam majlis berkenaan, pereka Setem Peringatan Ulang Tahun Ke-40 UBD, Awang Muhammad Khalil Hazazi bin Haji Abdul Latif menyampaikan ucapan alu-aluan dan berkongsi inspirasi kreatif di sebalik rekaan siri setem tersebut.

Menurutnya, setem kenang-kenangan tersebut mempunyai nilai yang jauh lebih mendalam daripada sekadar koleksi filateli.

"Ia merupakan manifestasi visual kepada empat dekad kecemerlangan akademik dan sumbangan UBD kepada pembangunan modal insan negara, bermula dari hari bersejarah penubuhan universiti ini pada 28 Oktober 1985," jelasnya.

Bersesuaian dengan tema sambutan pada tahun ini iaitu '40 Tahun Kecemerlangan Insan' atau '40 years of Human Excellence' ujarnya, angka 40 tahun itu bukan sekadar simbol kronologi semata-mata.

Katanya, ia melambangkan empat dekad dedikasi yang tidak berbelah bagi dalam melahirkan graduan-graduan yang berkualiti, empat dekad penambahbaikan infrastruktur pendidikan, dan empat dekad komitmen terhadap kecemerlangan akademik.

"Ribuan mahasiswa telah menimba ilmu di dewan-dewan kuliah UBD, dan beribu-ribu lagi telah menyumbang kepada pembangunan negara dan masyarakat antarabangsa sebagai alumni yang cemerlang.

"Reka bentuk setem ini telah dirancang dengan teliti untuk merakamkan elemen-elemen penting dalam perjalanan UBD," terangnya.

Infrastruktur yang digambarkan bukan sekadar bangunan fizikal tambahnya lagi, tetapi ia melambangkan komitmen berterusan universiti dalam menyediakan persekitaran pembelajaran yang kondusif, selaras dengan matlamat mulia 'Ke Arah Kesempurnaan Insan'.

Sejurus pelancaran, tetamu kehormat dan para hadirin berpeluang meninjau pameran khas yang mempamerkan koleksi setem peringatan berkenaan, termasuk produk seperti FDC, helaian mini, helaian setem tidak dipotong dan rencana berkaitan.

Setem-setem tersebut akan mula dijual kepada orang awam bermula 12 November 2025 di semua cawangan JPP dan sah digunakan untuk penghantaran pos, kecuali helaian mini yang bernombor siri dan akan dijual pada tarikh akan datang.

Selain itu, UBD turut menawarkan barangan edisi terhad eksklusif untuk para pengumpul dan peminat, termasuk First Day Cover dalam folder 3D khas, helaian mini dan helaian setem tidak dipotong yang disertakan dengan *folder* reka bentuk unik.

Barangan tersebut boleh didapati di Treasure Cove, UBD. Orang awam juga boleh membuat pra-tempahan semasa majlis pelancaran melalui imbasan kod QR yang disediakan.

Kerjasama ini menzahirkan komitmen berterusan UBD dalam meraikan warisan serta pencapaiannya, di samping memperkukuhkan jalinan kerjasama yang memupuk identiti dan kebanggaan negara.

Penerbitan setem ini menjadi simbol kekal dedikasi UBD terhadap kecemerlangan dalam bidang pendidikan, penyelidikan dan inovasi demi kemajuan negara dan antarabangsa.

Turut hadir pada majlis tersebut, pegawai kanan dari JPP, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC); Presiden Persatuan Filatelik Kebangsaan Brunei Darussalam, Dr. Haji Bakar bin Haji Berudin; pegawai-pegawai utama, kakitangan dan pelajar UBD.




**UNIVERSITI Brunei Darussalam telah melancarkan Setem Peringatan sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-40.**

# PLATFORM MEMBINCANGKAN PENGATURAN PENGIKTIRAFAN BERSAMA





**PEMANGKU Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan menyampaikan cenderamata kepada salah seorang peserta (atas kiri), sementara gambar atas kanan, sekitar Majlis Perasmian dan Jamuan Makan Malam tersebut.**

**Oleh : Aimi Sani**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

**GADONG**, Rabu, 12 November. - Kementerian Kesihatan telah mengadakan Mesyuarat Ke-40 Kumpulan Kerja Produk Farmaseutikal (Pharmaceutical Product Working Group - PPWG) dan Mesyuarat-mesyuarat Berkaitan yang berlangsung di Rizqun International Hotel, Gadong bermula dari 10 hingga 14 November 2025.

Lebih 60 peserta menghadiri mesyuarat tersebut yang terdiri daripada para delegasi negara-negara anggota ASEAN, rakan dialog serta wakil daripada industri farmaseutikal yang bertujuan untuk memperkukuhkan kerjasama serantau dalam bidang produk farmaseutikal.

Sehubungan itu, Majlis Perasmian dan Jamuan Makan Malam telah diadakan malam tadi di Dewan Songket 1, Rizqun International Hotel, Gadong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pemangku Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan, Dr. Dayang Hajah Rafidah binti Haji Gharif. Terdahulu, majlis dimulakan dengan persembahan kebudayaan yang menampilkan keindahan dan kekayaan warisan Negara Brunei Darussalam (NBD).

Dalam ucapannya, Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan mengalu-alukan kehadiran semua peserta dan menegaskan komitmen negara ini terhadap kerjasama kesihatan serantau serta kecemerlangan dalam aspek peraturan. Beliau turut menekankan kepentingan penyelarasan piawaian farmaseutikal di peringkat ASEAN bagi memastikan keselamatan, keberkesanan dan kualiti produk perubatan.

Timbalan Ketua Pengarah, Jabatan Pentadbiran Makanan dan Ubat-Ubatan, Myanmar selaku Pengerusi PPWG, Dr. Theingi Zin, turut menyampaikan ucapan alu-aluan.

Majlis pada malam tersebut diteruskan dengan upacara penyampaian cenderamata, sesi bergambar beramai-ramai serta jamuan makan malam. Majlis itu turut diserikan dengan persembahan negara dan kebudayaan oleh negara-negara anggota ASEAN yang mengambil bahagian, melambangkan persahabatan dan perpaduan serantau.

Mesyuarat PPWG Ke-40 itu dipengerusikan oleh Dr. Theingi Zin. Sementara itu, delegasi NBD diketuai oleh Pengarah Perkhidmatan Farmaseutikal, Kementerian Kesihatan, Dayang Hajah Zanatul 'Aini binti Haji Zainin, bersama beberapa pegawai dari Jabatan Perkhidmatan Farmaseutikal.

PPWG, yang ditubuhkan di bawah Jawatankuasa Perunding ASEAN bagi Piawaian dan Kualiti (ASEAN Consultative Committee for Standards and Quality - ACCSQ), memainkan peranan penting dalam menyokong penyepaduan ekonomi ASEAN, selain memastikan produk farmaseutikal memenuhi piawaian tinggi dari segi keselamatan, keberkesanan dan kualiti.

Mesyuarat ini berperanan sebagai platform untuk membincangkan pengaturan pengiktirafan bersama (*mutual recognition arrangements*), penyelarasan peraturan (*regulatory convergence*) serta strategi bagi menangani cabaran baharu dalam sektor farmaseutikal.

Mesyuarat itu juga membincangkan Rancangan Kerja Pasca 2025 yang selaras dengan Pelan Sektoral ACCSQ 2026 - 2030, yang akan menjadi peta hala tuju dalam meneruskan penyelarasan serta memperkukuhkan sistem peraturan yang berdaya tahan di rantau ini.

Hasil mesyuarat ini dijangka akan membentuk masa hadapan piawaian farmaseutikal di ASEAN yang mencerminkan komitmen berterusan rantau ini terhadap kesihatan awam, inovasi, kerjasama peraturan dan kecemerlangan.

# Rombongan Kementerian Pendidikan Republik Singapura kunjungi SM Sufri Bolkiah





**SUASANA pada Program Penyerapan Bahasa Melayu Pelajar Republik Singapura ke Negara Brunei Darussalam (atas dan atas kanan).**

**Berita dan Foto : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan**

**TUTONG**, Khamis, 13 November. - Seramai 88 pelajar serta 14 guru dan pegawai dari Kementerian Pendidikan Republik Singapura telah mengadakan lawatan ke Sekolah Menengah Sufri Bolkiah (SM Sufri Bokiah), Tutong pagi tadi bagi pelaksanaan Program Penyerapan Bahasa Melayu Pelajar Republik Singapura ke Negara Brunei Darussalam (NBD).

Hadir bagi mengalu-alukan ketibaan rombongan ke SM Sufri Bolkiah, Tutong ialah Ketua Bahagaian Pentadbiran dan Kewangan, Jabatan Sekolah-Sekolah (JSS), Kementerian Pendidikan, Dayang Norhaiyati binti Haji Serudin selaku wakil pengarah sekolah-sekolah, pegawai-pegawai dari JSS, pengetua dan guru-guru sekolah berkenaan.

Lawatan ke SM Sufri Bolkiah tersebut dimulakan dengan ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Pengetua SM Sufri Bolkiah, Dayang Krestina binti Haji Daud, sebelum diikuti dengan ucapan balas oleh ketua rombongan dari Republik Singapura dan seterusnya menyaksikan persembahan kebudayaan puak Tutong.

Semasa lawatan ke sekolah berkenaan, para pelajar dari Republik Singapura juga berpeluang menyertai sesi pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah berkenaan.

Sementara itu, guru-guru dan pegawai dari Kementerian Pendidikan Republik Singapura berserta pegawai-pegawai JSS juga berkesempatan mengadakan sesi dialog.

Program lawatan ini merupakan susulan daripada Mesyuarat Kumpulan Kerja Ke-14 (14th Joint Working Group Meeting) antara Kementerian Pendidikan NBD dan Kementerian Pendidikan Republik Singapura yang telah diadakan di NBD pada tahun 2024 lepas.

Antara objektif program lawatan ini diadakan adalah untuk memperkukuh penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Republik Singapura, memupuk pemahaman budaya setempat, serta mengukuhkan hubungan dua hala dalam bidang pendidikan.

Di samping itu ia juga dihasrat dapat meningkatkan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Republik Singapura dan pelajar NBD melalui pengalaman pembelajaran secara langsung dan autentik.

Pada masa yang sama program ini diharap dapat memperkukuh pemahaman budaya dan nilai-nilai serumpun melalui interaksi dengan komuniti tempatan serta mengukuhkan hubungan strategik dan kerjasama pendidikan antara NBD dan Republik Singapura.

Program juga memberikan pendedahan kepada sekolah-sekolah terlibat dalam melaksanakan program pertukaran pelajar bertaraf antarabangsa.

Rombongan berada di NBD dari 10 November hingga 14 November 2025 di mana semasa lawatan, para ahli rombongan didedahkan dengan pelbagai aktiviti yang dirancang oleh pihak sekolah termasuk mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di bilik-bilik darjah yang telah disusun atur awal, sesi dialog, persembahan kebudayaan daripada pelajar-pelajar sekolah tuan rumah dan pelajar-pelajar dari Republik Singapura.

Program MLIP 2025 ini diharap akan dapat memberikan impak yang signifikan dalam memartabatkan bahasa Melayu, memperkukuh hubungan serantau, serta menonjolkan peranan dan komitmen NBD sebagai rakan strategik dalam bidang pendidikan dan kebudayaan.



**SEBAHAGIAN pelajar yang menyertai program tersebut.**

# PILIH ISLAM SEBAGAI PEGANGAN HIDUP



**JOSE Paulo Yandan Lindo semasa melafazkan dua kalimah syahadah dan memilih nama Islamnya sebagai Awang Muhammad Ihsan Lindo bin Abdullah.**

**Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin**
**Foto : Ihsan Pusat Da'wah Islamiah**

**RIMBA**, Khamis, 13 November. - Seorang warga Republik Filipina, Jose Paulo Yandan Lindo, 41 tahun, kini memilih Islam sebagai pegangan hidupnya dan telah melafazkan dua kalimah syahadah dalam satu Majlis Pengislaman yang diadakan di Rancangan Perumahan Negara Kampung Rimba, Gadong, di sini.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan lafaz dua kalimah syahadah oleh Jose Paulo Yandan Lindo, yang memilih nama Islamnya sebagai Awang Muhammad Ihsan Lindo bin Abdullah.

Majlis Pengislaman disempurnakan di hadapan pegawai dari Bahagian Pengembangan Da'wah, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan diteruskan dengan penyampaian cenderahati kepada saudara baharu yang diraikan.

Majlis turut diserikan dengan Dikir Marhaban dan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat bagi memberkati majlis.

Sejak awal Januari hingga 12 Oktober tahun ini, seramai 226 orang telah memeluk agama Islam di Negara Brunei Darussalam.

Jumlah tersebut bertambah kepada 227 orang apabila seorang lelaki warga Republik Filipina memeluk agama Islam pada pagi tadi.

Daripada jumlah tersebut, 117 orang terdiri daripada Daerah Brunei dan Muara.

Majlis Pengislaman menzahirkan bahawa Islam merupakan agama yang suci, penuh kasih sayang dan terbuka kepada sesiapa sahaja tanpa mengira bangsa atau latar belakang.

Ia menjadi bukti bahawa dakwah Islamiah terus diterima dengan hati terbuka oleh masyarakat bukan Islam di negara ini.



**SAUDARA baharu, Awang Muhammad Ihsan Lindo semasa menerma cenderahati.**




# Bengkel pendedahan asas dalam bidang juruacara





**BENGKEL Asas Juruacara Majlis bertujuan untuk memberikan pendedahan asas dalam bidang juruacara, di samping meningkatkan kemahiran komunikasi dan pengacaraan majlis (atas dan kiri).**

**Berita dan Foto : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**

**TUTONG**, Rabu, 12 November. - Seramai 44 orang Muslimah mewakili Kelas Bimbingan Muslimah daripada 22 buah masjid di Daerah Tutong telah menyertai Bengkel Asas Juruacara Majlis yang berlangsung pagi tadi di Masjid Kampung Tanjong Maya, di sini.

Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk memberikan pendedahan asas dalam bidang juruacara, di samping meningkatkan kemahiran komunikasi dan pengacaraan majlis.

Selain memberi peluang mengasah bakat serta melatih diri berucap dengan teknik pertuturan yang jelas dan teratur, bengkel ini juga bertujuan menanamkan keberanian dalam kalangan Muslimah untuk tampil berucap di hadapan khalayak ramai.

Usaha ini selaras dengan matlamat Bahagian Hal Ehwal Muslimah, Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dalam membina kepimpinan dan keyakinan diri ke arah melahirkan Muslimah yang berwibawa serta berperanan aktif dalam majlis-majlis rasmi dan keagamaan anjuran Kelas Bimbingan Muslimah.

Hadir sama pada bengkel tersebut ialah Pegawai Ugama Kanan selaku Ketua Bahagian Hal Ehwal Muslimah, JHEM, KHEU, Dayang Noraini Yanti binti Haji Hussin. Pemuda cara bengkel berkenaan ialah Guru Ugama Terlatih Tingkat Khas merangkap Ketua Unit Kelas Bimbingan Muslimah, JHEM, Dayang Hajah Nadhirah binti Haji Lahit.

Melalui bengkel ini, para peserta berpeluang mempelajari konsep pengacaraan secara formal dan tidak formal serta kaedah penyusunan ayat dan penulisan skrip majlis. Mereka juga didedahkan kepada penggunaan gaya bahasa dan intonasi yang tepat bagi meningkatkan keberkesanan penyampaian ketika berucap.

Bengkel Asas Juruacara Majlis ini diungkayahkan oleh JHEM, KHEU melalui Bahagian Hal Ehwal Muslimah dengan kerjasama Pejabat Hal Ehwal Masjid Daerah Tutong serta Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Tanjong Maya. Bengkel dilaksanakan secara berjadual bagi Kelas Bimbingan Muslimah di seluruh negara.

Terdahulu, siri pertama bengkel berkenaan telah diadakan pada Oktober tahun ini di Masjid Sultan Sharif Ali, Sengkurong yang melibatkan peserta daripada Kelas Bimbingan Muslimah Zon 5 dan Masjid Negara.

# Memajukan kerjasama praktikal keselamatan makanan, inovasi pertanian

Siaran Akhbar dan Foto : Suruhanjaya Tinggi Australia di Negara Brunei Darussalam

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 13 November. - Berikutan siri penglibatan sepanjang minggu di bawah Misi Perkongsian Perniagaan Strategik Australia ke Brunei (Australian Strategic Agribusiness Partnership Mission to Brunei), Suruhanjaya Perdagangan dan Pelaburan Australia (Austrade) telah menganjurkan Forum Rangkaian B2B Agrimakanan dengan kerjasama Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (LKEB).

Forum berkenaan telah menghimpunkan 10 syarikat agrobisnes Australia dan 20 pemain industri Negara Brunei Darussalam (NBD) untuk memajukan kerjasama praktikal dalam keselamatan makanan dan inovasi pertanian.

Forum berkenaan merupakan sebahagian daripada pelaksanaan Invested : Australia's Southeast Asia Economic Strategy to 2040 oleh Australia, dan diketuai oleh Austrade General Manager of the Trade Diversification Taskforce, Jay Meek; dan Australia's Business Champion for Brunei, Dr. Nur Rahman.

Acara berkenaan menyediakan platform untuk syarikat NBD dan Australia mempamerkan keupayaan dan keutamaan pertumbuhan masing-masing dalam akuakultur, tanaman bernilai tinggi dan penyelidikan serta pembangunan agriteknologi.

Bersama-sama, para peserta meneroka peluang untuk memperkukuh sistem makanan yang berdaya tahan dan pelbagai yang memberikan manfaat ekonomi dan sosial bersama.

Dialog berkenaan mengukuhkan lagi Perkongsian Komprehensif antara Australia dan NBD, satu hubungan yang berasaskan perdagangan yang dipercayai, dengan nilai dagangan perdagangan dua hala melebihi BND4.3 bilion dan import pertanian dari Australia berada di kedudukan kedua dalam kalangan pembekal NBD.

Pengarah Pembangunan Perusahaan, Darussalam Enterprise (DARe) di LKEB, Dayang Norlela binti Suhailee, dalam ucapannya menekankan, Australia dan NBD berkongsi hubungan dua hala yang telah lama terjalin berdasarkan nilai-nilai bersama, saling menghormati, dan komitmen yang mendalam untuk memupuk pertumbuhan ekonomi dan kemakmuran yang mampan.

Jelasnya, dengan memanfaatkan kepakaran dan keupayaan Australia dalam teknologi pertanian canggih, amalan pertanian mampan dan penyelesaian makanan inovatif, dan dengan komitmen NBD untuk memajukan pembangunan sektor makanan pertanian, terutamanya untuk industri halal, bersama-sama kita dapat mewujudkan sinergi yang bermakna dan membentuk asas pelengkap untuk kerjasama yang lebih kukuh antara kedua-dua buah negara.

Forum berkenaan mewujudkan laluan langsung untuk perkongsian agrimakanan yang memberikan keuntungan komersial dan keselamatan makanan bersama.






**ANTARA yang hadir dan seterusnya bergambar ramai pada Forum Rangkaian B2B Agrimakanan anjuran Suruhanjaya Perdagangan dan Pelaburan Australia (Austrade) dengan kerjasama Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (LKEB) (atas dan kanan).**

# INISIATIF TEKNOLOGI MODEN TINGKAT PRODUKTIVITI, KEMAMPANAN PERTANIAN NEGARA

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi



**PEGAWAI Jualan dan Pemasaran WMC, Ester Liew dan Pengurus Am Agrodynamics, Awang Muhd. Izan Azwan bin Awang Yahya semasa ditemu bual (atas kiri dan atas kanan).**

**PENGKALAN BATU**, Rabu, 12 November. - Majlis Perasmian Pembukaan Fasiliti yang dinaik taraf bagi Pengisaran Padi Syarikat Wasan Milling Company Sendirian Berhad (WMC) di Kawasan Kemajuan Pertanian Wasan mengetengahkan pameran syarikat-syarikat tempatan yang antara lain mempamerkan penggunaan Pertanian Pintar (Smart Farming) dan Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence - AI) di sektor pertanian di negara ini.

Inisiatif seumpama itu juga menggambarkan usaha berterusan sektor pertanian tempatan dalam mengadaptasi teknologi moden bagi meningkatkan kecekapan, produktiviti serta kemampanan industri pertanian di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Pelita Brunei menemu bual beberapa peserta yang mengikuti pameran tersebut antaranya Pegawai Jualan dan Pemasaran WMC, Ester Liew yang menerangkan bahawa WMC berperanan ke arah menyumbang kepada keselamatan makanan negara melalui aktiviti pengilangan dan pemprosesan beras tempatan.

Pihak WMC, jelasnya, begitu komited dalam menyokong industri padi negara dengan bekerjasama rapat bersama komuniti pertanian tempatan bagi mempromosikan pertumbuhan dan pembangunan sektor berkenaan.

Dengan kemudahan yang telah dinaik taraf, katanya, ia dapat memperkukuhkan rantaian nilai pertanian negara serta memastikan masa hadapan bekalan makanan yang lebih mampan dan berdaya tahan untuk generasi akan datang. Menurut Ester Liew, melalui kemudahan baharu itu, WMC kini mampu mengilang dan membungkus beras dengan lebih cekap serta meningkatkan kapasiti pengeluaran.

Bagi memastikan kesegaran beras dapat dikekalkan untuk tempoh yang lebih lama, tambahnya, pihaknya telah memperkenalkan pembungkusan beras vakum seberat lima kilogram yang direka khas untuk para pengguna tempatan.

Ester Liew juga menjelaskan antara cabaran utama yang pernah dihadapi termasuk ketidakseragaman dalam operasi pengering padi yang menjejaskan kualiti beras yang dihasilkan.

"Namun, dengan penambahbaikan kemudahan kami, WMC kini dilengkapi dengan empat unit pengering baharu yang mempunyai jumlah kapasiti sebanyak 2,550 tan metrik. Ini membolehkan kami memastikan proses pengeringan yang lebih konsisten serta menghasilkan beras berkualiti tinggi," jelas beliau.

Sementara itu, Pengurus Am Agrodynamics, Awang Muhd. Izan Azwan bin Awang Yahya menjelaskan bahawa syarikat tersebut memainkan peranan penting dalam usaha mengembangmajukan sektor pertanian negara melalui inovasi teknologi dan penyelidikan yang berterusan.

"Fokus utama kami adalah membantu petani meningkatkan hasil tanaman secara mampan dengan penggunaan produk berkualiti tinggi serta kaedah pertanian moden yang lebih efisien. Kami menghasilkan baja cecair atau foliar pertama buatan tempatan di NBD iaitu DynamicsGrow, dan turut menawarkan pelbagai penyelesaian pertanian berasaskan teknologi," katanya.

Menurutnya, produk DynamicsGrow diformulasikan menggunakan teknologi nano dan direka khas untuk meningkatkan penyerapan nutrien oleh tanaman dengan lebih cepat dan berkesan. Tambahnya, ia bukan sahaja menjimatkan kos, malah membantu petani mencapai hasil yang lebih tinggi dalam tempoh yang lebih singkat.

"Kami juga memperkenalkan sistem pertanian bersistematik seperti penggunaan IoT (Internet of Things) dalam pemantauan ladang yang membolehkan petani mengawal dan menilai keadaan tanaman secara masa nyata. Kaedah ini menyokong pendekatan pertanian pintar yang selaras dengan hala tuju negara ke arah revolusi industri pertanian moden," ujarnya.

Awang Muhd. Izan Azwan seterusnya menyatakan antara cabaran utama yang mereka hadapi termasuk meningkatkan kesedaran dan kepercayaan petani terhadap penggunaan baja cecair atau foliar tempatan, memandangkan kebanyakan petani masih bergantung kepada baja kimia dan import.

Selain itu, faktor cuaca tidak menentu serta kos logistik dan pengedaran juga menjadi cabaran dalam memastikan bekalan produk sampai dengan konsisten ke seluruh negara.

Namun begitu, tambahnya lagi, dengan komitmen berterusan terhadap inovasi dan sokongan daripada pihak kerajaan terutama Jabatan Pertanian dan Agrimakanan serta pengguna tempatan, mereka yakin DynamicsGrow akan terus menjadi peneraju dalam membantu pertanian negara menuju ke arah pengeluaran hasil yang lebih tinggi, lestari, dan berdaya saing.

Fasiliti yang dinaik taraf tersebut mampu meningkatkan kapasiti pengisaran padi negara daripada tiga tan metrik sejam kepada 10 tan metrik sejam selain menyokong sasaran keselamatan makanan (*food security*) di NBD dengan mengurangkan kebergantungan terhadap beras yang diimport serta mencapai aspirasi negara.

**JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA**

**Bilangan dan Tajuk Tawaran:**
04 / 2025 / 2026
The Supply & Delivery Of ARCGIS Online Professional (Formerly Standard) User Type, Department Of Town And Country Planning, Ministry Of Development, Negara Brunei Darussalam

**Tarikh Buka Tawaran dan Tempat Mengambil Dokumen Tawaran:**
Rabu, 12 November 2025

**Dokumen tawaran boleh diperolehi di:**
Tingkat 1,
Bahagian Maklumat Perancangan, Bangunan Jabatan Perancang Bandar dan Desa,
Kementerian Pembangunan
Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:**
Khamis, 27 November 2025

**Tarikh Tutup dan Tempat Penghantaran:**
Selasa, 2 Disember 2025, sebelum jam 2.00 Petang

**Pejabat Lembaga Tawaran Kecil di Tingkat Bawah Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam**

**Harga Yuran Tawaran:**
BND30.00 (Tidak dikembalikan)
atau
BND5.00 (bagi Yuran e-dokumen)
(Tidak dikembalikan)

**Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:**
05 / 2025 / 2026
The Supply & Delivery Of High-End Desktop PC For Department Of Town And Country Planning, Ministry Of Development, Negara Brunei Darussalam

**Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:**
06 / 2025 / 2026
The Supply, Delivery & Install New Cassette Type Split Air-Conditioner Unit For Room D2, Bilik Perbincangan, 3rd Floor At Department Of Town And Country Planning, Ministry Of Development, Negara Brunei Darussalam

**Bayaran Yuran Sebut Harga:**
BND5.00 (Tidak dikembalikan)
(Pembayaran yuran sebut harga adalah secara Online melalui One Common Billing System (OCBS))

**Tarikh Buka Sebut Harga:**
Rabu, 12 November 2025

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
Selasa, 4 Disember 2025, sebelum jam 2.00 Petang

---

**JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI**
**JABATAN PERDANA MENTERI**

**Notis Sebut Harga**

**Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:**
RTB / K / 129 / 25-26
Penyewaan, Pemasangan, Pengendalian Dan Pembongkaran Skrin LED Serta Pembuatan Grafik Untuk Rancangan TV, Bahagian Rancangan TV, RTB

**Bayaran Yuran:**
BND5.00
(tidak dikembalikan)
(termasuk e-dokumen)

**Salinan Kertas:**
BND5.00
(jika perlu dan tidak dikembalikan)
(Hardcopy)

**Tarikh Tutup:**
Rabu,
19 November 2025,
Jam 2.00 Petang

---

**KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

**Bilangan Sebut Harga:**
KSSUP / JKSH / BTI / 05 / 2025 - 2026

**Tajuk Sebut Harga:**
Website Training For Ministry Of Primary Resources And Tourism

**Tarikh Tutup Sebut Harga :**
Khamis, 20 November 2025
Jam 2.00 Petang

**Yuran Setiap Satu Sebut Harga:**
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)
Pembayaran Adalah Secara Dalam Talian

**Bilangan Sebut Harga:**
KSSUP / BPK / JKSH / ASET / 12 / 2025 – 2026

**Tajuk Sebut Harga:**
Term Contract Of 12 Months On Maintenance Work Including To Inspect, Supply And install Vehicle Parts For Minstry Of Primary Resources And Tourism.

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
Khamis, 27 November 2025
Jam 2.00 Petang

**Yuran Setiap Satu Sebut Harga:**
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)
Pembayaran Adalah Secara Dalam Talian

---

**JABATAN DAERAH BELAIT**
**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**Bilangan Dan Tajuk Tawaran:**
JDB / BKPD / SH / 22 / 2025
Sebut Harga Bagi Membaiki Dan Membuat Renovasi Dewan Serbaguna Merangking

**Yuran Tawaran:**
BND5.00

**Tarikh Tutup:**
Selasa 2 Disember 2025

---

جابتن كاجي چواچ بروني دارالسلام

BDMD
Brunei Darussalam Meteorological Department

**JABATAN KAJICUACA**
**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI**

**Bilangan dan Tajuk Tawaran:**
JKBD / 2025 / SH – 18
The Supply, Delivery, Installation And Configuration Of Network Attached Storage (NAS) Server At The Weather Forecast Centre, Brunei Darussalam Meteorological Department

**Tarikh Tutup:**
Rabu, 19 November 2025

**Kepada:**
Pengerusi
Jawatankuasa Sebut harga
Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam
Tingkat 1 / Aras Permukaan, Blok B23
Flat Anggerek Desa,
Simpang 32-37
Kampung Anggerek Desa,
Mukim Berakas BB3713
Negara Brunei Darussalam

---

**JABATAN BELIA DAN SUKAN**
**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**Bilangan Tawaran:**
JBS / ADM / TDR / 12 / 2025

**Keterangan:**
Request For Proposal
To Finance, Design, Build Manage, Operate And Maintain
A Sports Complex
In Kampung Lambak Kanan
(Retender)

**Yuran Tawaran:**
-

**Tarikh Tutup:**
23 Disember 2025

**Tarikh Tutup:**
Seperti yang dinyatakan dalam keterangan

**Jam:**
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang

**Cagaran:**
Tiada Bayaran

---

**JABATAN BELIA DAN SUKAN**
**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**Bilangan Tawaran:**
(96)JBS / ADM / QC / 2025

**Keterangan:**
Supply and Install New Stainless Steel

**Bilangan Tawaran:**
(97)JBS / ADM / QC / 2025

**Keterangan:**
Repair and Replace Flood Light Parts and Components (Maintenance Works) for Aquatic Centre, Tutong Sports Complex

**Bilangan Tawaran:**
(98)JBS / ADM / QC / 2025

**Keterangan:**
Repair and Replace Flood Light Parts and Components (Maintenance Works) for Track and Field, Tutong Sports Complex

**Bilangan Tawaran:**
(99)JBS / ADM / QC / 2025

**Keterangan:**
Supply and Lay New Cable at Serasa Sports Complex

**Bilangan Tawaran:**
(100)JBS / ADM / QC / 2025

**Keterangan:**
Pengurusan dan Perlaksanaan Pelbagai Acara Hujung Tahun 1447H / 2025M Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas

**Bilangan Tawaran:**
(101)JBS / ADM / QC / 2025

**Keterangan:**
Supply and Install of On-Grid Solar Photovoltaic System and Replacement of Existing Son-T Bulbs to LED Bulbs at Jerudong Sports Complex

**Bilangan Tawaran:**
(102)JBS / ADM / QC / 2025

**Keterangan:**
Supply, Delivery, Install, Maintenance, Warranty for Interferential + Ultrasound Combo Therapy for Physiotherapy, Sport Medicine and Research Centre

**Bilangan Tawaran:**
(104)JBS / ADM / QC / 2025

**Keterangan:**
Assesment Work for Fire Protection System at Youth Centre Bandar Seri Begawan

**Bilangan Tawaran:**
(105)JBS / ADM / QC / 2025

**Keterangan:**
Membekalkan dan Menghantar Kelengkapan Peralatan Bagi Kompleks Sukan Sungai Kebun, Dewan Serbaguna [MPH], Ibu Pejabat Jalan Maulana, Kompleks Sukan Mumong, Padang Arena Seria dan Ibu Pejabat Pusat Belia, Kuala Belait

**Bilangan Tawaran:**
(106)JBS / ADM / QC / 2025

**Keterangan:**
Membekalkan, Menghantar dan Pemasangan Mesin Pengisar Kertas [Shredder Machine] Jenis "Heavy Duty" Bagi Bahagian Belia, Pusat Perubatan dan Penyelidikan Sukan, Unit Latihan dan Pusat Sumber, Pejabat Pengarah

**Yuran Tawaran:**
BND 5.00

**Tarikh Tutup:**
Khamis 27 November 2025

JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam**

**Kelas:**
V Sahaja

**Kategori:**
KA01 Sahaja

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:**
11 November 2025 (Selasa)

**Tarikh Tutup:**
25 November 2025 (Selasa)
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DBSTUT 014 / 2024

**Nama Projek:**
Membaiki Dan Menurap Semula Jalan-Jalan Aspal (Lebuh Raya / Jalan Utama / Jalan Kampung / Jalan Simpang / Perumahan Negara / Pejabat Kerajaan / Komersial) Negara Brunei Darussalam – Pakej 8 : Daerah Tutong [Retender]

**No. Projek:**
2024 / 2025 JKRTUT / RKN - 02

**Yuran Tawaran:**
BND500.00 (Tidak Dikembalikan)

**Yuran E-Dokumen:**
-

**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Dalam**

**Kelas:**
VI Sahaja

**Kategori:**
[KA01]

**Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Tawaran:**
Tidak Lewat Jam 3.00 Petang, Selasa, 18 November 2025

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang, Selasa, 25 November 2025

**1. Bilangan:**
JKR / DOR / SRC 23 / 2025

**Nama Projek:**
Melebarkan Lebuh Raya Tungku (Dari Jejambat Rimba Ke Jejambat Estet Gadong) - Pakej 3 Pembinaan.

**2. Bilangan:**
JKR / DOR / SRC 25 / 2025

**Nama Projek:**
Pelebaran Jalan Muara (Jalan Aman To Jalan Salambigar Junction) - Pakej 3 Pembinaan.

**Yuran Tawaran:**
BND1,000.00 (Tidak Dikembalikan)

**E-Dokumen :**
Tidak Ada

**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Dalam**

**Kelas:**
II & III Sahaja

**Kategori :**
[KA01]

**Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Tawaran:**
Tidak Lewat Dari Jam 3.00 Petang Selasa, 18 November 2025

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang Selasa, 25 November 2025

**Bilangan:**
JKR / DOR / SRM 22 / 2025

**Nama Projek:**
Membaik Pulih Dan Menurap Semula Jalan Utama - Jalan Sungai Akar.

**Yuran Tawaran:**
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)

**E-Dokumen:**
Tidak Ada

**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Dalam**

**Kelas :**
V & VI Sahaja

**Kategori:**
[KA01]

**Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Tawaran:**
Tidak Lewat Dari Jam 3.00 Petang, Selasa, 18 November 2025

**Tarikh Tutup Tawaran :**
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang Selasa, 25 November 2025

**Bilangan:**
JKR / DOR / SRC 24 / 2025

**Nama Projek:**
Menaiktaraf Jalan Tutong - Pakej 3 (Pembinaan).

**Yuran Tawaran :**
BND500.00 (Tidak Dikembalikan)

**E-Dokumen:**
Tidak Ada

**Kelas:**
II & III Sahaja

**Kategori:**
KA01

**Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Tawaran:**
Selasa, 11 November 2025 Jam 3.00 Petang

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa, 18 November 2025 Jam 3.00 Petang

**Bilangan:**
JKR / DOR / SRM 21 / 2025

**Nama Projek:**
Membaikpulih Dan Menurap Semula Jalan Utama Mentiri Fasa 2

**Yuran Tawaran:**
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)

**E-Dokumen:**
-

KEMENTERIAN KESIHATAN

**Bilangan Tawaran:**
KK / 327 / 2025 / ESTETMOH

**Keterangan:**
Proposed New Public Toilet At Outpatient Area, RIPAS Hospital, Ministry Of Health

**Yuran Tawaran:**
BND10.00

**Bilangan Tawaran:**
KK / 328 / 2025 / JPKAS (TC)

**Keterangan:**
Cleaning And Grass Cutting Services For Tutong Health Office, Pekan Tutong Health Centre And Vector Control Unit For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND30.00

**Bilangan Tawaran:**
KK / 330 / 2025 / JPR(TC)

**Keterangan:**
The Supply And Delivery Of Medical Consumable Items (Peritoneal Dialysis) For Department Of Renal Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND100.00

**Bilangan Tawaran:**
KK / 331 / 2025 / PPN (TC)

**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Dental Consumable Items For Department Of Dental Services, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND 30.00

**Bilangan Tawaran:**
KK / 332 / 2025 / PPN (TC)

**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Dental Consumable Items For Department Of Dental Services, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND 30.00

**Tarikh Tutup:**
18 November 2025
Tidak Lewat
Jam 2.00 Petang

JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

**Iklan Tarikh Lanjutan**

**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam**

**Kelas:**
II & III Sahaja

**Kategori:**
B01 & M02 atau M03 Sahaja

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:**
Khamis, 20 November 2025

**Tarikh Tutup:**
Selasa 25 November 2025
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DWS / 044 / 2025

**Nama Projek:**
Penggantian Bahan Lantai, Overhead Crane Dan Pembersihan Cermin Di Loji Rawatan Air Mengkubau Dan Empangan Air Mengkubau, Jabatan Perkhidmatan Air

**Yuran Tawaran:**
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)

**Yuran E-Dokumen:**
-

JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI

**Jemputan Untuk Memberi Tawaran Jabatan Perkhidmatan Elektrik Negara Brunei Darussalam**

**Bilangan Tawaran:**
JPE / LTK / DIS / 064 / 2025

**Tajuk:**
Rectification Of Baur Cable Test Van Parts (Recall)

**Tarikh Tutup:**
Selasa,
9 Disember 2025
Jam 2.00 Petang

**Harga Dokumen:**
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

**Kelayakan:**
Mempunyai pendaftaran syarikat dengan Kementerian Pembangunan dalam Kelas 3, 4 Atau 5, dalam Kategori E03 dan mempunyai pekerja yang berdaftar dengan JPE dalam kategori E03.

**Bilangan Tawaran:**
JPE / LTK / TRA / 019 / 2025

**Tajuk Tawaran:**
Technical Maintenance Of GPS2 66KV Gas Insulated Switchgear (GIS) B1-02 AEG Germany

**Tarikh Tutup:**
Selasa 25 November 2025
Jam 2.00 Petang

**Yuran Tawaran:**
BND1,000.00 (Tidak Dikembalikan)

**Tempat Tutup:**
Peti Tawaran Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Jabatan Perdana Menteri, Lobi Utama, Aras 1, Bangunan Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Perdana Menteri, Bandar Seri Begawan, BB3913, Negara Brunei Darussalam.

**Kelayakan:**
Syarikat Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Dalam Kelas 3, 4 Atau 5 Dan Mempunyai Kategori E03

## KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**DA / JKSH / 116 / 2025 / 2026**
**[BPPA-NOV-2025]**
Sebut Harga Perkhidmatan Cafe Bagi Pusat Perkhidmatan Setempat, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam Bagi Tempoh Enam (6) Bulan.

**DA / JKSH / 131 / 2025 / 2026**
**[SV-NOV-2025]**
Sebut Harga Bagi Pembelian Tilam Baru Bagi 13 Buah Bilik Penginapan Pusat Serantau SEAMEO VOCTECH

**Bayaran Yuran Sebut Harga:**
BND5.00

**Tarikh Tutup / Waktu:**
Sabtu,
29 November 2025
Jam 9.00 Pagi

**DA / JKSH / 117 / 2025 / 2026**
**[BPPA-NOV-2025]**
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi:
Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah,
Daerah Belait
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun
[Kantin Bahagian Blok 'A']

**Harga Sewa Kantin:**
BND890.00 Sebulan

**DA / JKSH / 118 / 2025 / 2026**
**[BPPA-NOV-2025]**
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi:
Sekolah Menengah Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar,
Daerah Belait
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

**Harga Sewa Kantin:**
BND1,632.00 Sebulan

**DA / JKSH / 119 / 2025 / 2026**
**[BPPA-NOV-2025]**
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi:
Pusat Tingkatan Enam Sengkurong,
Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

**Harga Sewa Kantin:**
BND836.00 Sebulan

**DA / JKSH / 120 / 2025 / 2026**
**[BPPA-NOV-2025]**
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi:
Sekolah Menengah Masin,
Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun
[Kantin Bahagian Blok 'B']

**Harga Sewa Kantin:**
BND863.00 Sebulan

**DA / JKSH / 121 / 2025 / 2026**
**[BPPA-NOV-2025]**
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi:
Sekolah Rendah Bendahara Sakam Bunut,
Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

**Harga Sewa Kantin:**
BND147.00 Sebulan

**DA / JKSH / 122 / 2025 / 2026**
**[BPPA-NOV-2025]**
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi:
Sekolah Rendah Katok 'A',
Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

**Harga Sewa Kantin:**
BND504.00 Sebulan

**DA / JKSH / 123 / 2025 / 2026**
**[BPPA-NOV-2025]**
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi:
Sekolah Menengah Pehin Datu Seri Maharaja, Mentiri
Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun
[Kantin Bahagian Blok 'A']

**Harga Sewa Kantin:**
BND804.00 Sebulan

**DA / JKSH / 124 / 2025 / 2026**
**[BPPA-NOV-2025]**
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi:
Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam
Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun
[Kantin Bahagian Blok 'A']

**Harga Sewa Kantin:**
BND1,192.00 Sebulan

**DA / JKSH / 125 / 2025 / 2026**
**[BPPA-NOV-2025]**
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi:
Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam,
Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun
[Kantin Bahagian Blok 'B']

**Harga Sewa Kantin:**
BND1,192.00 Sebulan

**DA / JKSH / 126 / 2025 / 2026**
**[BPPA-NOV-2025]**
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi:
Sekolah Menengah Lambak Kiri,
Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun
[Kantin Bahagian Blok 'A']

**Harga Sewa Kantin:**
BND670.00 Sebulan

**DA / JKSH / 127 / 2025 / 2026**
**[BPPA-NOV-2025]**
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi :
Sekolah Menengah Lambak Kiri,
Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun
[Kantin Bahagian Blok 'B']

**Harga Sewa Kantin:**
BND670.00 Sebulan

**DA / JKSH / 128 / 2025 / 2026**
**[BPPA-NOV-2025]**
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi:
Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna
Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun
[Kantin Bahagian Blok 'A']

**Harga Sewa Kantin:**
BND946.00 Sebulan

**DA / JKSH / 129 / 2025 / 2026**
**[BPPA-NOV-2025]**
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi:
Sekolah Rendah Dato Basir
Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

**Harga Sewa Kantin:**
BND376.00 Sebulan

**DA / JKSH / 130 / 2025 / 2026**
**[BPPA-NOV-2025]**
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi:
Pusat Tingkatan Enam Tutong,
Daerah Tutong
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

**Harga Sewa Kantin:**
BND614.00 Sebulan

**Bayaran Yuran Sebut Harga:**
BND5.00

**Syarat Khas**
Dibukakan Khas Bagi Warga Negara Dan Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam, Pemilik Syarikat / Premis Syarikat Hendaklah Beralamat (Mengikut Sijil Perniagaan 16 / 17) Di Tempat Kantin Berkenaan Bertapak. Sebagai Contoh, Hanya Pemilik Syarikat / Premis Syarikat Yang Beralamat Di Daerah Tutong Yang Dapat Dipertimbangkan Untuk Mengendalikan Kantin Di Sekolah-Sekolah Yang Bertapak Di Daerah Tutong.

**Tarikh Tutup / Waktu:**
Sabtu,
29 November 2025
Jam 9.00 Pagi

## JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

**Rujukan Bilangan Dan Tajuk Tawaran:**
JKED / TAWARAN / UPA / BHEK / Q / 2025-41

**Projek Kerja-Kerja Pengubahsuaian Ruang Pejabat Di Tingkat 4, Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Kastam Dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan Dan Ekonomi, Negara Brunei Darussalam**

**Rujukan Bilangan Dan Tajuk Tawaran:**
JKED / TAWARAN / UPA / BHEK / Q / 2025-42

**Projek Kerja-Kerja Penyediaan Pondok Keselamatan Di Ibu Pejabat Jabatan Kastam Dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan Dan Ekonomi, Negara Brunei Darussalam**

**Tarikh Tutup Tawaran :**
Selasa
18 November 2025
Jam 2.00 Petang

## JABATAN PERIKANAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

**Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:**
IKAN / 78(Q) / 0043 / 2025
Membekal Dan Memasang Biosecurity Fencing Di Ladang Udang Yang Terletak Di Ladang Akuakultur Mentiri Fasa I

**Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:**
IKAN / 78(Q) / 0044 / 2025
Supply And Delivery Of Microscope To Fishery Research Division Office

**Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:**
IKAN / 78(Q) / 0045 / 2025
Technical Service For Calibration Of Laboratory Equipment In Compliance To ISO/IEC 17025 Standard

**Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:**
IKAN / 78(Q) / 0046 / 2025
Supply, Delivery, Testing And Commissioning Of Handheld Multiparameter Water Quality Meter For Fisheries Ecosystem,
Department Of Fisheries

**Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:**
IKAN / 78(Q) / 0047 / 2025
To Supply And Delivery, Installation, Testing, Commissioning And Onsite User Training For Water Quality Laboratory Equipment For Department Of Fisheries, Kuala Belait

**Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:**
IKAN / 78(Q) / 0048 / 2025
To Supply And Delivery, Installation, Testing, Commissioning Of Biological Microscope With Accessories For Department Of Fisheries, Kuala Belait

**Tarikh Tutup:**
Khamis,
20 November 2025

## MAHKAMAH RENDAH SYARIAH NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**Perintah Acara Mal Mahkamah-Mahkamah Syariah 2005**

**Saman Gantian Dalam Mahkamah Rendah Syariah Di Daerah Brunei dan Muara, Negara Brunei Darussalam**

**Saman No. :**
**BM / MRS / MAL-A / P012A / 0587 / 08-2025**

**Kes Induk :**
**BM / MRS / MAL-B / S010A / 0460 / 06-2025**

**Antara**

**Hajah Rosidah binti Haji Abas - Plaintif / Pemohon**

**Dan**

**Zulhilmi bin Haji Awang Jaili - Defendan / Responden**

Kepada : **Zulhilmi bin Haji Awang Jaili** - No. Kad Pintar : **00-267587**, (Alamat) : **No. 18A, Simpang 644, Kampung Salambigar, Negara Brunei Darussalam**

Kamu adalah dengan ini disaman supaya hadir secara sendiri atau melalui Peguam Syarie kamu di hadapan Mahkamah Rendah Syariah Daerah Brunei dan Muara pada **Rabu, 5 Jamadilakhir 1447H bersamaan / 26 November 2025M pada jam 9.00 Pagi** untuk menjawab tuntutan terhadap kamu oleh plaintif yang dinamakan di atas, bagi Tuntutan Cerai Fasakh.

Sila ambil perhatian bahawa jika kamu ingkar hadir di mahkamah pada hari dan masa yang ditetapkan, Mahkamah boleh meneruskan untuk mendengarkan dan memutuskan kes tanpa kehadiran kamu.

Dan sila ambil perhatian bahawa jika kamu ingin membela diri terhadap tuntutan tersebut, kamu hendaklah memfailkan di Mahkamah ini dan menyampaikan kepada Plaintif suatu pembelaan dalam Borang yang ditetapkan sebelum tarikh yang disebut di atas atau hadir di Mahkamah pada tarikh itu.

**Bertarikh:**
15 Rabiulakhir 1447H /
7 Oktober 2025M

**Meterai**
**Mahkamah Rendah Syariah Daerah Brunei dan Muara Negara Brunei Darussalam**

**MAHKAMAH RENDAH SYARIAH NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Di Dalam Mahkamah**
**Di Negara Brunei Darussalam**
**Di Bandar Seri Begawan**

**Kes No.**
**BCY / CP / 172 / 2025**

**Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei**
**Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Yusliza Binti Yusof**
**BYIC No. 00-280526**
**Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa:

Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **20 September 2025.**

**Nama Dan Alamat Terakhir Diketahui:**
Yusliza Binti Yusof
No. 9, Simpang 14,
Jalan 77-83,
Perpindahan Lambak Kanan
Berakas BC2515,
Brunei Darussalam.

**Tarikh Petisyen:**
2 September 2025

Semua Sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut diatas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.**

**Bertarikh:**
4 Oktober 2025

**Notis Kepada Pemiutang Untuk Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **20 September 2025.**

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemiutang-pemiutang mengenai perkara diatas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-10), Mahkamah Besar pada 2 Disember 2025 jam 9.30 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi disana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini. Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **2 Disember 2025 jam 9.30 Pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak Pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**Bertarikh:**
4 Oktober 2025

**Kes No.**
**BCY / CP / 28 / 2025**

**Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei**
**Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Haji Abdul Halid Bin Haji Saim**
**BYIC No. 00-120598**
**Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa:

Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **20 September 2025.**

**Nama dan alamat terakhir diketahui:**
Haji Abdul Halid Bin Haji Saim
No. 2, Simpang 39,
Kampung Kulapis,
Jalan Tutong BS2521,
Brunei Darussalam.

**Tarikh Petisyen:**
19 April 2025

Semua Sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut diatas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.**

**Bertarikh:**
4 Oktober 2025

**Notis Kepada Pemiutang Untuk Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **20 September 2025.**

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemiutang-pemiutang mengenai perkara diatas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-10), Mahkamah Besar pada 2 Disember 2025 jam 9.15 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi disana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini. Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **2 Disember 2025 jam 9.15 Pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak Pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**Bertarikh:**
4 Oktober 2025

**Nurul Hidayah Binti Hamdan**
**Timbalan Pegawai Penerima Rasmi**
**B/P Penerima Rasmi**
**Mahkamah Besar**

**Kes No.**
**BCY / CP / 314 / 2012**

**Baiduri Bank Sendirian Berhad (Previously Filed By HSBC Limited (B) Berhad)**
**Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Dk Maswati Binti Pg Tajuddin**
**(BYIC NO. 00-250310)**
**Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Pembatalan**

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang di buat terhadap Penghutang berikut pada **9 Mac 2013 telah dibatalkan pada 20 September 2025.**

**Nama Penghutang:**
Dk Maswati Binti Pg Tajuddin

**Alamat Penghutang:**
No. 1261, Kampung Tarap Bau,
Jalan Lumapas,
Negara Brunei Darussalam.

**Bertarikh:**
22 September 2025

**Nur Sariy Syahmina Binti Haji Jaffri**
**Timbalan Pegawai Penerima Rasmi**
**B/P Penerima Rasmi**
**Mahkamah Besar**

**Kes No.**
**BCY / CP / 81 / 2017**

**Baiduri Finance Berhad (Previously Filed By HSBC Finance (B) Berhad)**
**Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Hjh Surayana Binti Hj Md Dinie**
**(BYIC NO. 00-276146)**
**Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Pembatalan**

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap **Penghutang berikut pada 7 Oktober 2017 telah dibatalkan pada 11 September 2025.**

**Nama Penghutang:**
Hjh Surayana Binti Hj Md Dinie

**Alamat Penghutang:**
No. 8, EF 27, Flat Perumahan Beribi,
Jalan E-Kerajaan, Gadong,
Negara Brunei Darussalam.

**Bertarikh:**
17 September 2025

**Fatin Fikriyah Binti Haji Rosli**
**Timbalan Pegawai Penerima Rasmi**
**B/P Penerima Rasmi**
**Mahkamah Besar**

**Kes No.**
**BCY / CP / 189 / 2022**

**Baiduri Bank Sendirian Berhad**
**Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Wan Muhamad Syazwan Bin Mohamad Hijazi**
**(BYIC NO. 01-006690)**
**Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Pembatalan**

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang di buat terhadap Penghutang berikut pada **25 November 2023 telah dibatalkan pada 13 September 2025.**

**Nama Penghutang:**
Wan Muhamad Syazwan Bin Mohamad Hijazi

**Alamat Penghutang:**
No. 6, Simpang 342-22-14-6,
STKRJ Kampung Tungku, Gadong,
Bandar Seri Begawan BE2519,
Negara Brunei Darussalam.

**Bertarikh:**
17 September 2025

**Nurul Hidayah Binti Hamdan**
**Timbalan Pegawai Penerima Rasmi**
**B/P Penerima Rasmi**
**Mahkamah Besar**

**Kes No.**
**BCY / CP / 165 / 2008**

**Standard Chartered Bank**
**Pemiutang / Pemetisyen**

**Ang Giap Wee**
**[Kad Pengenalan Brunei No. 50-901288 - Hijau]**
**Penghutang / Penentang**

**Notis Perintah Penghukuman**

Sila Ambil Perhatian bahawa:

Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **18 September 2025.**

**Nama dan alamat :**
Ang Giap Wee,
Bankrap c/o Restoran Lan Hiong,
No. 1, Lot 8507, Chua Koh Flat,
BT2, Jalan Gadong,
Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh Permohonan:**
2 Oktober 2024

Semua Sipiutang-sipiutang kepada Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

**Tarikh:**
23 September 2025

**Muhd Muzakkir Bin Haji Zakaria**
**Timbalan Pegawai Penerima Rasmi**
**B/p Pegawai Penerima Rasmi**
**Mahkamah Besar**




| | JAWATAN, TANGGA GAJI DAN BILANGAN IKLAN | URUS SETIA PENGAMBILAN | KEKOSONGAN | JENIS IKLAN | TARIKH TUTUP PERMOHONAN |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. | **PENOLONG JURULATIH-JURULATIH SUKAN** JABATAN BELIA DAN SUKAN KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN C.3-4 EB.5 (BAHAGIAN III) 2025/NOV/01/KKBS | KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN | 01 | 7(A) | 19 NOVEMBER 2025 |
| 2. | **PENOLONG PEGAWAI KERJA TINGKAT I** JABATAN PERDANA MENTERI C.3-4 EB.5 (BAHAGIAN III) 2025/NOV/01/JPM | JABATAN PERDANA MENTERI | 03 | 7(A) | 19 NOVEMBER 2025 |

PERINGATAN:
1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSCR 2.0, KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG".
2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DIIKLANKAN DIBAWAH PERATURAN 7(A) SAHAJA.
3. PANDUAN PSCR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEHI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN



**KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI**

**Bilangan Sebut Harga:**
07 / ASSET.MFA / 2025

**Tajuk Sebut Harga:**
Relocation And Moving Services, Ministry Of Foreign Affairs

**Bayaran Sebut Harga:**
BND5.00 (Tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
Rabu, 19 November 2025
Jam 2.00 Petang

**KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

**Bilangan Sebut Harga:**
102 / KHEU / BTM / 2 / RFQ / 2025
Upgrade Of Meeting Room Display Facilities Through Supply, Delivery, And Installation Of Smart Television Units And Accessories For The Ministry Of Religious Affairs (MORA)

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
Rabu,
26 November 2025,
Jam 2.00 Petang

**KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN**

**Bilangan Tawaran:**
KUPU SB / JKS / CRP01-11 / 2025 - 2026

Percetakan, Perbekalan dan Pengedaran Bahan Terbitan dan Promosi KUPU SB 2025

**Tarikh Tutup:**
Rabu,
26 November 2025
Jam 2.00 Petang

**JABATAN TANAH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Sebut Harga / Tawaran Bagi Perbekalan Jabatan Tanah, Kementerian Pembangunan**

**Bilangan 11/2025-2026 (Retender)**
Tawaran Kerja-Kerja Pembersihan (Janitorial Services) Di Bangunan Jabatan Tanah, Jabatan Ukur Dan Jabatan Perancang Bandar Dan Desa, Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam Bagi Tempoh 12 Bulan

**Tarikh Tutup:**
16 November 2025,
Selasa
Jam 2.00 Petang

**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**Kelas:**
Terbuka

**Kategori :**
Terbuk

**Tarikh Tutup:**
Selasa, 25 November 2025
Jam 2.00 Petang

**Bilangan dan Tajuk Tawaran:**
KHEDN / LTK / 2025-09
Kerja-Kerja Pembaikpulihan Dan Menaiktaraf Sebahagian Bangunan Aras Bawah Pasar Gadong

**Bilangan Projek:**
KHEDN / UPE / 2106 / 08

**Yuran Tawaran:**
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

سوروهنجاي ڤرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

## PERATURAN-PERATURAN IKLAN JAWATAN
### AKTA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM (PENGGAL 83)

**Bab 7(A)**

Peraturan 7(A): Dibukakan kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

*termasuk Gaji Hari, Luar Bidang Kuasa SPA dan Luar Negeri

**Bab 38(A)**

Peraturan 38(A): Khusus bagi Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

*termasuk Luar Bidang Kuasa SPA

**Bab 38(B)**

Peraturan 38(B): Khusus bagi Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan dimana kekosongan jawatan diiklankan.

*termasuk Luar Bidang Kuasa SPA

## PERATURAN PENGIKLANAN
### (SEKTOR AWAM / KERAJAAN)
DI PELITA BRUNEI

ڤليتا بروني
PELITA BRUNEI

IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **Iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA.**

Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :
E-MEL :
**iklan.pb@information.gov.bn**

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :
**+673 2383400**
**sambungan Meja Iklan**

**SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.**

**RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.**

**IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.**

# FORUM TINGKATKAN KESEDARAN KEPENTINGAN MENJAGA MARUAH DIRI

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Pembangunan Masyarakat

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 12 November. - Forum PREPanita bertajuk 'Isu Pergaulan Bebas dan Kehamilan Luar Nikah' anjuran Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan serta persatuan bukan kerajaan telah diadakan pada 5 November di Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) Kampus Sultan Saiful Rijal dan hari ini di IBTE Kampus Mekanikal.

Kira-kira 150 orang penuntut IBTE telah menyertai forum tersebut yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan menjaga maruah diri, memelihara batas pergaulan serta menunaikan tanggungjawab sosial dan moral.

Melalui forum ini, para penuntut diharap akan dapat memperkukuh jati diri, mengawal batas pergaulan serta mendapatkan bimbingan melalui saluran yang betul. Forum ini turut menekankan peranan penting institusi, keluarga dan masyarakat dalam usaha pencegahan serta pemberian sokongan awal.

Forum dikendalikan oleh Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat, JAPEM, Dayang Rafidah binti Haji Abdullah, selaku Moderator.

Pada 5 November 2025, ahli-ahli panel yang dijemput di IBTE Kampus Sultan Saiful Rijal terdiri daripada Pegawai Kerja Sosial daripada JAPEM, Dayang Nur Nadia Syuhadaa binti Samle; Pegawai Ugama, Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga (BKNK), Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dayang Nur Ayuni binti Suhili; Penasihat Undang-Undang, Pejabat Peguam Negara (PPN), Dayang Nor' Adliatul Hidayah binti Haji Mohd. Zaidi dan Presiden Persatuan Kaunseling Brunei (PERKAB), Mejar (B) Rusli bin Bujang.

Ahli-ahli panel yang dijemput pada 12 November 2025 di IBTE Kampus Mekanikal pula terdiri daripada Pegawai Kerja Sosial, JAPEM, Dayang Nuramalizaan binti Haji Awang Jamal; Pegawai Ugama BKNK, Dayang Saimah binti Haji Ahmad; Penasihat Undang-Undang, PPN, Dayang Sabrina binti Haji Mahmud dan Yang Dipertua Persatuan Afiah, Haji Abdul Rahman bin Haji Nawi.

Antara perkara utama yang dibincangkan oleh ahli-ahli panel daripada BKNK ialah kepentingan memelihara kehormatan diri selaras dengan tuntutan Islam dengan menjaga pandangan, menutup aurat, mengawal pergaulan antara lelaki dan perempuan, serta menghindari situasi berkhalwat dan sentuhan fizikal.

Ahli-ahli panel menasihati agar setiap individu beradab dalam tingkah laku dan pertuturan, menunaikan solat lima waktu dengan sempurna serta tidak memuat naik perkara yang boleh menjatuhkan maruah di media sosial.

Mereka turut menekankan bahawa menjaga maruah diri bukan sahaja mencerminkan nilai peribadi tetapi juga kekuatan iman dan ketakwaan kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Sementara itu, ahli-ahli panel daripada Penasihat Undang-Undang, PPN telah mengongsikan beberapa akta untuk meningkatkan kefahaman peserta mengenai peruntukan undang-undang berkaitan kesalahan pergaulan bebas, kehamilan luar nikah serta jenayah seksual di bawah Kanun Hukuman Jenayah (Penal Code) dan Kanun Hukuman Jenayah Syariah (Shariah Penal Code).

Antara topik yang diketengahkan termasuk kesalahan hubungan seksual tanpa nikah, rogol, liwat, pelacuran serta kesalahan mencabul kehormatan, di mana setiap kesalahan tersebut diperincikan bersama bentuk hukuman yang ditetapkan oleh undang-undang di negara ini.

Secara keseluruhannya, perkongsian ini memberi penekanan terhadap kepentingan kesedaran undang-undang dalam kalangan belia dan wanita agar sentiasa menjaga maruah diri, memahami akibat sosial dan perundangan yang timbul daripada pergaulan bebas; serta berperanan aktif dalam mencegah dan melaporkan sebarang bentuk salah laku demi kesejahteraan masyarakat dan keharmonian negara.



PARA ahli panel semasa membincangkan tajuk 'Isu Pergaulan Bebas dan Kehamilan Luar Nikah' pada Forum PREPanit anjuran Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM).

Manakala, ahli-ahli panel daripada JAPEM mengongsikan jenis-jenis kes sosial yang sering diterima oleh jabatan berkenaan serta cabaran utama yang dihadapi. Dijelaskan bahawa pergaulan rakan sebaya boleh menjadi sumber inspirasi positif jika dikawal dengan bijak, namun kegagalan mengawal batas pergaulan boleh membawa kesan negatif dan penyesalan.

Berdasarkan rekod dari Januari 2025 hingga kini, sebanyak 20 kes kegiatan tidak bermoral dilaporkan termasuk penyalahgunaan dadah, salah laku seksual, penderaan dan rogol yang turut melibatkan pelajar bawah umur. Keadaan ini menunjukkan bahawa masih terdapat golongan belia yang terdedah kepada tekanan rakan sebaya, eksploitasi serta pengaruh berisiko.

Turut ditekankan bahawa isu-isu ini menuntut pengukuhan langkah pencegahan dan perlindungan awal, bimbingan awal daripada keluarga serta pemantauan dan sokongan berterusan daripada komuniti agar golongan belia dapat dilindungi daripada kemudaratan dan tidak berdepan kesan negatif jangka panjang akibat persekitaran yang tidak selamat atau keputusan yang dibuat pada usia yang masih muda.

Ahli panel daripada Perkhidmatan Kerja Sosial Perubatan, Kementerian Kesihatan, Dayangku Hajah Nurizni binti Pengiran DP Haji Sallehuddin mengongsikan kesedaran mengenai implikasi pergaulan bebas dan hubungan tanpa perlindungan yang boleh memberi kesan negatif terhadap kesihatan fizikal, emosi dan mental.

Beliau juga menekankan risiko kehamilan luar nikah yang boleh membawa kepada masalah seperti anemia, tekanan darah tinggi, kelahiran pramatang serta berat lahir anak damit yang rendah, di samping menimbulkan kesan emosi dan beban kewangan kepada individu yang terlibat.

Presiden PERKAB pula mengongsikan bahawa kesihatan mental dapat dipertingkat melalui Therapeutic Lifestyle Changes (TLC) iaitu perubahan gaya hidup terapeutik seperti pemakanan sihat, bersosial dan aktiviti fizikal. Beliau menekankan bahawa dalam masyarakat moden, pergaulan bebas sering dianggap kebiasaan walaupun memberi kesan negatif terhadap nilai moral dan kesejahteraan diri.

Dalam Islam, panduan telah diberikan sejak awal lagi mengenai pergaulan dan disiplin diri antaranya melalui amalan solat berjemaah dan gaya hidup beretika yang menekankan batasan sosial.

Pendekatan ini membantu individu membina rasa tanggungjawab, disiplin diri dan kesejahteraan emosi secara semula jadi. Menurut beliau, sebagai profesional atau pendidik adalah penting untuk menjelaskan kesan pergaulan bebas secara rasional.

Pendekatan psikologi menekankan bahawa apabila sesuatu perkara dilarang tanpa penerangan yang jelas, ia boleh menimbulkan rasa ingin tahu yang lebih tinggi. Oleh itu, pencerahan yang bijak perlu disampaikan agar individu memahami akibat jangka panjang terhadap diri sendiri, keluarga dan masyarakat.

Yang Dipertua Persatuan Afiah pula menyampaikan kepentingan belia dalam merancang masa hadapan bagi mencapai cita-cita dan menyokong Wawasan Brunei 2035. Beliau menggalakkan penuntut untuk aktif menyertai aktiviti sosial dan Pertubuhan Bukan Kerajaan bagi membina kemahiran, pengalaman dan daya saing kerjaya.

Penyertaan dalam program pembangunan diri juga dapat menjadikan belia individu yang berguna kepada masyarakat, membezakan diri daripada rakan sebaya, serta menguasai kemahiran tambahan (*upskilling*). Selain itu, penuntut dinasihati supaya tidak malu merebut peluang bagi memperkukuhkan pengalaman dan potensi diri.

Forum berakhir dengan sesi soal jawab bersama penuntut-penuntut IBTE serta kata-kata nasihat daripada setiap ahli panel. Penuntut-penuntut memberikan maklum balas positif terhadap maklumat yang disampaikan dan mengemukakan pelbagai soalan kepada ahli panel.

# Lutong Merah

**Nama Binatang :**
Maroon Leaf Monkey

**Nama Saintifik :**
Presbytis rubicunda

**Kelas Spesies :**
Mamilia

**Nama Tempatan :**
Lutong Merah

**Order :** Primate

**IUCN :** Endangered

**CITES :** Apendiks II

**Maklumat disediakan oleh : Bahagian Hidupan Liar, Jabatan Perhutanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan**

LUTONG Merah banyak ditemui di hutan Borneo termasuk Brunei darussalam, dari kawasan hutan tanah rendah, Hutan Campur Kaum Damar, hinggalah ke hutan paya gambut. Dengan bulunya yang berwarna merah maroon atau coklat kemerahan, ia bukan sahaja cantik dipandang, malah memainkan peranan penting dalam mengekalkan keseimbangan ekosistem hutan *kitani*.

Lutong Merah ialah spesies yang luar biasa dan wajar diberi perhatian. Beratnya antara 6 hingga 7 kilogram dengan ukuran badan sehingga 60 sentimeter, primat arboreal ini memainkan peranan penting dalam mengekalkan ekosistem hutan.

Sebagai haiwan herbivor, diet Lutong Merah terdiri daripada pucuk daun muda, buah-buahan dan biji benih, yang bukan sahaja untuk makanannya tetapi juga membantu dalam penyebaran benih serta merangsang pertumbuhan semula hutan. Dengan bulu berwarna merah keperangan dan ekspresi muka yang jelas, primat yang pemalu dan sukar ditemui ini tinggal dilapisan atas kanopi hutan hujan. Dengan anggota badan yang kuat dan ekor yang panjang, Lutong Merah berkeupayaan untuk bergerak dengan lincah di antara pepohon dengan luar biasa. Spesies ini melambangkan keindahan alam semula jadi dan wajar dikaji dengan lebih mendalam.

Lutong Merah membiak sepanjang tahun yang mana biasanya, seekor betina melahirkan seekor anak selepas bunting kira-kira enam bulan. Walaupun spesies ini sangat penting untuk ekosistem hutan, ia kini berdepan ancaman besar dan telah disenaraikan sebagai spesies terancam dalam Senarai Merah Kesatuan Antarabangsa untuk Konservasi Alam (IUCN). Ancaman utama datang daripada kemusnahan habitat, penebangan hutan, dan gangguan manusia yang menyukarkan kelangsungan hidupnya. Dengan melindungi habitat semula jadi mereka, *kitani* bukan sahaja menjamin masa depan Lutong Merah, tetapi juga memelihara kepelbagaian biodiversiti hutan Brunei. Usaha ini akhirnya memberi manfaat kepada ribuan spesies lain - termasuk *kitani* sendiri - kerana hutan yang sihat bermakna persekitaran yang seimbang untuk semua.

Lutong Merah ialah simbol kekayaan biodiversiti di negara *kitani*, dan dapat dijadikan sebagai tarikan untuk meningkatkan eko-pelancongan serta usaha memuliharanya. Dengan memperkukuh inisiatif perlindungan hidupan liar, kitani dapat lagi meningkatkan kesedaran orang ramai tentang kepentingan menjaga primat yang kini terancam ini. Memelihara habitat semula jadi mereka, khususnya hutan, bukan sahaja penting untuk masa depan Lutong Merah tetapi juga untuk mengekalkan ekosistem yang sihat demi kewujudan bersama. Kita mesti bekerjasama untuk melindungi spesies yang istimewa ini.




Sumber Foto : Haji Mohammad Haji Ibrahim BWPC 2022

Sila ikuti setiap keluaran kapsul bulanan Kenali Hidupan Liar Kitani dan bagi melihat foto-foto spesies hidupan liar *kitani* yang telah dipaparkan dan maklumat lanjut berkenaan spesies tersebut, sila layari dan ikuti akaun Instagram Jabatan Perhutanan : *forestry.brunei*.

'Lindungi hidupan liar *kitani* untuk memulihara Hutan *Kitani*…'

# KEM MEMBENTUK BELIA BERTANGGUNGJAWAB, BERDIKARI

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Belia dan Sukan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 13 November. - Seramai 39 orang terdiri daripada murid-murid Tahun 6 dari keempat-empat daerah telah menyertai Kem Belia Remaja Muaskar Syabab bermula pada 11 hingga 13 November 2025, bertempat di Pusat Belia, Bandar Seri Begawan anjuran Jabatan Belia dan Sukan (JBS) Cawangan Daerah Brunei dan Muara.

Hadir pada Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil berkenaan ialah Pegawai Pentadbir Kanan, JBS, Awang Mohamad Iskandar bin Haji Idris.

Turut hadir, pegawai-pegawai dari JBS dan para ibu bapa serta penjaga.

Kem Belia Remaja Muaskar Syabab ini adalah bagi menghidangkan kepada golongan muda belia yang meningkat remaja dalam sama-sama memberikan mereka peluang untuk berinteraksi melalui pendidikan yang tidak formal.

Selain itu dipersembahkan juga pelbagai aktiviti rekreasi seperti sukan, kebudayaan, lawatan dan aktiviti yang dapat menyumbang kepada perkembangan kemahiran dan kebolehan mereka.

Paling penting melalui kem ini, mereka telah diperkenalkan kepada JBS termasuk kemudahan-kemudahan prasarana dalam menarik minat mereka untuk berjinak-jinak dan melibatkan diri dalam kegiatan kebeliaan mahupun kesukanan.

Antara lain objektif kem ini diadakan adalah untuk mengisi masa lapang khususnya yang telah selesai menduduki peperiksaan juga memberikan peluang berinteraksi melalui aktiviti jati diri, kerohanian dan kepimpinan, selain membentuk peribadi yang berdisiplin, berakhlak mulia, dan berpegang pada nilai murni dan mengurangkan ketergantungan pada gajet dan mengimbangi kehidupan fizikal serta mental di samping menggalakkan interaksi positif dan membina rangkaian persahabatan yang sihat.

Kem tersebut diisikan dengan aktiviti lawatan ke kompleks-komples sukan yang mana mereka turut diberikan taklimat mengenai dengan Skim-skim Sukan di bawah JBS dan menyaksikan peserta-peserta skim membuat sesi latihan di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, antaranya Sukan Cue, Karate, Silat, Taekwondo dan Fencing.

Melalui sesi lawatan pula, mereka diberikan peluang untuk merasai sendiri sukan-sukan yang terdapat di kompleks-kompleks sukan tersebut antaranya Sukan Tenis, Boling Padang dan Hoki.

Sembahyang berjemaah, sukan rekreasi dan senaman, begitu jua persembahan malam kebudayaan juga diadakan selain pengisian dalam kesukanan dan kebeliaan.

Secara langsung melalui perkhemahan ini mereka berpeluang mengasah kemahiran dalam kepimpinan, berkomunikasi dan sebagainya.

Kem Belia Remaja Muaskar Syabab dihasratkan dapat menjadikan belia remaja yang berdisiplin, berakhlak mulia, berdaya saing, proaktif, berinisiatif dan kreatif serta berani menyuarakan pendapat serta mampu membentuk belia yang lebih bertanggungjawab terhadap diri, keluarga, masyarakat dan negara.

Di samping dapat membentuk rangkaian persahabatan secara informal dan menjadi agen perubahan kebaikan kepada sekolah masing-masing, program tersebut dapat mengajar mereka untuk berdikari serta menggunakan masa dengan membuat aktiviti yang berfaedah dan menjadi titik permulaan kepada perubahan positif dalam kehidupan para peserta.

Selain itu, program diharap dapat menambah keahlian dan menarik minat belia bagi mengikuti kelab-kelab di Pusat-pusat Belia di keempat-empat daerah.




**ANTARA peserta yang menerima sijil pada Majlis Penutup Kem Belia Remaja Muaskar.**

# Beri pendedahan asas bidang kemahiran menjahit

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto : Ihsan Jabatan Hal Ehwal Masjid**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 13 November. - Seramai lapan Muslimah daripada Kelas Bimbingan Muslimah Masjid yang mewakili lima zon di Daerah Brunei dan Muara telah menyertai Kelas Kemahiran Menjahit, bertempat di Pusat Pembangunan Belia (PPB), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).

Kelas kemahiran berkenaan diadakan selama lapan hari bermula dari 3 sehingga 13 November 2025 dan berakhir hari ini dengan Majlis Penyampaian Sijil Kelas Kemahiran Menjahit, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil kepada para peserta, Penolong Pengarah PPB, Awang Haswandi bin Haji Osman.

Fasilitator bagi kelas berkenaan ialah pelatih Kursus Kemahiran Rekaan Fesyen Teknologi, PPB, Dayang Agitah binti Haji Lampong.

Turut serta dalam kelas berkenaan ialah Ketua Bahagian Hal Ehwal Muslimah, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Dayang Noraini Yanti binti Haji Hussin.

Kelas berkenaan diungkayahkan oleh Jabatan Hal Ehwal Masjid melalui Bahagian Hal Ehwal Muslimah dengan kerjasama PPB, KKBS.

Objektif penganjuran kelas berkenaan antaranya untuk memberikan pendedahan asas dalam bidang kemahiran menjahit kepada para peserta, di samping melahirkan individu yang berdaya saing serta berpotensi menjana pendapatan melalui pekerjaan mahupun secara berdikari dengan menceburi bidang perniagaan jahitan.

Semoga dengan penganjuran kelas seumpama berkenaan akan dapat memberikan kemahiran asas kepada para Muslimah masjid serta komuniti setempat, di samping menjadi nilai tambah kepada kebolehan dan potensi golongan sasaran.



**PENOLONG Pengarah Pusat Pembangunan Belia semasa menyampaikan sijil kepada salah seorang penerima.**

## TREND

# 'Lamb Shank' menjadi rebutan

Rencana dan Foto : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

**KEBELAKANGAN** ini, masakan *lamb shank* kembali menjadi topik hangat di Negara Brunei Darussalam (NBD) terutamanya selepas berlangsungnya Siuk Havoc Food Festival Brunei 2025 yang diadakan di Jerudong Park. Festival makanan yang menghimpunkan pelbagai peniaga tempatan dan antarabangsa telah berjaya menarik perhatian ramai terhadap hidangan kaki kambing yang dimasak empuk dan *juicy* ini.

Banyak pengunjung festival tidak melepaskan peluang berkongsi pengalaman mereka di laman media sosial seperti TikTok dan Instagram, memaparkan *lamb shank* dengan sos pekat yang memancing selera. Video dan gambar yang dikongsi itu mendapat ribuan tontonan dan *likes*, menjadikan *lamb shank trending* dalam kalangan masyarakat Brunei.

Fenomena ini bukan sahaja menghidupkan kembali populariti hidangan tersebut malah turut meningkatkan penjualan *lamb shank* di restoran dan gerai tempatan. Impak dari festival tersebut, ramai peniaga mula menampilkan *lamb shank* dalam menu mereka dalam pelbagai versi tersendiri. Ada yang pedas, ada yang berkrim dan ada juga yang mengekalkan rasa klasik kambing. *Lamb shank* kini menjadi pilihan ramai yang ingin mencuba masakan yang sedang tular ini.

Media sosial jelas memainkan peranan penting dalam mempopularkan hidangan ini tanpa perlu iklan besar. Video yang menunjukkan daging *lamb shank* mudah tanggal daripada tulangnya setelah dimasak perlahan mendapat ratusan ribu tontonan. Gambar masakan berasap dengan sos pekat yang mengalir pula membuatkan orang tidak sabar untuk mencubanya sendiri.

Secara ringkas, *lamb shank* adalah potongan kaki kambing yang terkenal kerana kelembutannya apabila dimasak perlahan. Kaedah memasak seperti *slow-cooked* atau direbus perlahan memastikan daging empuk dan mudah tanggal dari tulang. Selain itu, kuah atau sos yang dihasilkan biasanya pekat, berperisa dan kaya aroma rempah menjadikan *lamb shank* satu hidangan yang bukan sahaja sedap tetapi juga memuaskan dari segi rasa dan tekstur.

Resepi *lamb shank* bukanlah sesuatu yang baharu bahkan sudah wujud sejak lama. Kebangkitan semula *lamb shank* di negara ini membuktikan bahawa trend makanan boleh berubah cepat melalui pengaruh media sosial. Bagi peniaga tempatan pula, kebangkitan *lamb shank* membuka jalan peluang untuk mereka mengembangkan perniagaan dan menarik pelanggan baharu.

Ramai mula menampilkan variasi hidangan ini dengan cara tersendiri sama ada menggunakan rempah asli, sos berkrim atau sentuhan *fusion* moden. Apabila sesuatu hidangan yang menarik perhatian ramai dalam talian, ia menyumbang kepada peningkatan permintaan di restoran dan gerai tempatan dengan cepat.

Fenomena ini bukan sahaja memberi keuntungan kepada peniaga tetapi ianya juga meningkatkan lagi tahap daya saing antara peniaga tempatan. Ini boleh membantu mendorong mereka untuk lebih kreatif dalam memperkenalkan variasi baharu yang mampu menawan hati pelanggan. Dengan sambutan yang hangat ini, *lamb shank* dijangka terus menjadi hidangan pilihan ramai di restoran dan gerai tempatan.



BERITA GLOBAL

# KES TUBERKULOSIS MENURUN, NAMUN DANA MASIH KRITIKAL - WHO

**GENEVA**, 13 Nov. - Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) melaporkan kemajuan dalam usaha memerangi penyakit tuberkulosis (TB).

Dalam kenyataan di Geneva pada Rabu, badan dunia itu berkata jumlah kes baharu yang direkodkan tahun lalu menurun buat kali pertama sejak 2020, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Namun, WHO memberi amaran bahawa pembatalan dana bantuan boleh menjejaskan perkembangan positif itu.

Menurut laporan, sekitar 10.7 juta orang dijangkiti TB pada 2024, iaitu penurunan satu peratus berbanding tahun sebelumnya.

Kadar insiden - jumlah jangkitan bagi setiap 100,000 penduduk - turut menurun sebanyak 1.7 peratus.

TB kekal antara 10 punca utama kematian di seluruh dunia.

Berdasarkan laporan tahunan TB WHO, seramai 1.23 juta orang meninggal dunia akibat penyakit itu tahun lalu.

Di Eropah, jumlah kematian tahunan akibat TB menurun sebanyak 49 peratus sejak 2015, menurut laporan berkenaan.

Penurunan yang hampir sama turut dicatatkan di Afrika.

"Tetapi kemajuan bukan bermaksud kemenangan," kata Ketua WHO Tedros Adhanom Ghebreyesus.

Pandemik COVID-19 menyebabkan kemunduran dalam proses diagnosis dan rawatan, dan WHO memberi amaran bahawa banyak kawasan tidak mampu mencapai sasaran pembasmian TB.

Lebih separuh kes baharu yang direkodkan pada 2024 melibatkan lima negara iaitu Republik India, Republik Indonesia, Republik Filipina, Republik Rakyat China dan Republik Islam Pakistan.

Pembiayaan untuk pencegahan, pengesanan dan rawatan pula terbantut sejak 2020.

Tahun lalu, hanya US$5.9 bilion dibelanjakan di seluruh dunia, jauh lebih rendah daripada sasaran US$22 bilion menjelang 2027. - ©BERNAMA

# Pengurangan penerbangan di AS meningkat kepada 6 peratus

**WASHINGTON,** 12 Nov. - Syarikat penerbangan seluruh Amerika Syarikat (AS) akan mengurangkan penerbangan sebanyak enam peratus mulai Selasa, meskipun terdapat keyakinan yang semakin meningkat bahawa penutupan kerajaan persekutuan akan berakhir tidak lama lagi.

"Hari ini (Selasa), kami meningkatkannya sebanyak dua peratus lagi. Kini jumlah pembatalan penerbangan di ruang udara mencecah enam peratus. Ada yang bertanya, 'Bila anda akan mula menarik balik pengurangan itu?' Jawapannya, semua ini berdasarkan data," kata Setiausaha Pengangkutan AS Sean Duffy kepada wartawan pada sidang media di Lapangan Terbang Antarabangsa O'Hare, Chicago.

Duffy menggesa Kongres supaya segera meluluskan langkah dwipartisan bagi menamatkan penutupan kerajaan dan memberi kelegaan kepada pengembara selepas hampir seminggu gangguan penerbangan di seluruh negara.

"Hari ini (Selasa) kelihatan lebih baik, dan jika Dewan (Perwakilan) melakukan tugasnya, esok (Rabu) saya rasa kita berada di landasan untuk kembali kepada perjalanan udara yang lebih normal, dengan kurang kelewatan dan pembatalan," katanya.

Bagaimanapun, Duffy memberi amaran bahawa kelewatan dan pembatalan dijangka bertambah buruk menjelang minggu sambutan Hari Kesyukuran (Thanksgiving), iaitu antara tempoh perjalanan paling sibuk sepanjang tahun.

Penutupan kerajaan bermula pada 1 Oktober selepas rundingan mengenai keutamaan perbelanjaan persekutuan menemui jalan buntu. Ribuan pekerja persekutuan telah diarahkan bercuti tanpa gaji sejak itu, manakala perkhidmatan kerajaan telah dikurangkan atau digantung. - ©BERNAMA

# 3 maut, 56 selamat dalam insiden bot terbalik di Selatan Greece

**ATHENS**, 12 Nov. - Tiga orang maut dan 56 yang lain diselamatkan selepas sebuah bot yang membawa pelarian terbalik di perairan selatan Pulau Gavdos, Greece pada Selasa, lapor Xinhua yang memetik penyiar nasional ERT.

Pengawal Pantai Greece berkata operasi mencari dan menyelamat berskala besar sedang dijalankan dalam keadaan laut bergelora bagi mengesan kemungkinan mangsa yang masih hilang. Mangsa yang terselamat tidak dapat mengesahkan jumlah sebenar penumpang di atas bot ketika ia karam.

Agensi Pengawal Sempadan dan Pantai Eropah (Frontex) membantu pihak berkuasa Greece dalam operasi berkenaan. Kewarganegaraan mangsa dan mereka yang terselamat masih belum disahkan. - ©BERNAMA

# Letupan di New Delhi : 2 kelongsong peluru, bahan letupan antara 40 sampel dikumpul

**NEW DELHI**, 12 Nov. - Dua kelongsong peluru termasuk sebutir peluru hidup serta sampeldua jenis bahan letupan yang berbeza antara lebih 40 sampel yang dikumpulkan oleh pasukan Makmal Sains Forensik (FSL) dari lokasi letupan berhampiran Kubu Merah, menurut pegawai pada Rabu.

Press Trust of India (PTI) melaporkan, analisis awal menunjukkan satu daripada sampel bahan letupan berkenaan dipercayai mengandungi ammonium nitrat.

Pada Isnin, sebanyak 360 kilogram ammonium nitrat telah ditemukandi Faridabad semasa siasatan dijalankan di kawasan itu. - ©BERNAMA

# Asap paksa pesawat Qantas lakukan pendaratan cemas di Adelaide

**CANBERRA**, 12 Nov. - Sebuah pesawat Qantas yang dalam penerbangan dariAustralia Selatan (SA) ke ibu negara Canberra terpaksa berpatah balik dan melakukan pendaratan cemas sejurus berlepas pada pagi Rabu selepas asap dikesan di dalam kabin, lapor Xinhua.

Penerbangan QF1972 berpatah balik dan mendarat semula di Lapangan Terbang Adelaide tidak lama selepas berlepas pada 6.10 pagi waktu tempatan pada Rabu, berikutan perisytiharan daripada juruterbang yang meminta pendaratan keutamaan apabila kru menyedari terdapat asap di dalam kabin, menurut Perbadanan Penyiaran Australia (ABC).

Jurucakap Qantas berkata pesawat E190 itu mendarat dengan selamat di Adelaide dan akan diperiksa oleh jurutera sebelum kembali beroperasi.

Menurut jurucakap itu,semua penumpang di dalam pesawat berkenaan telah ditempatkan dalam penerbangan alternatif yang berlepas dari Adelaide pada kira-kira 8.30 pagi waktu tempatan. - ©BERNAMA

# 8 maut selepas kapal karam di Kalimantan Timur, Republik Indonesia

**JAKARTA**, 13 Nov. - Lapan orang ditemukan lemas selepas sebuah kapal karam di Sungai Mahakam di wilayah Kalimantan Timur, Republik Indonesia, kata Ketua Pejabat Mencari dan Menyelamat (SAR) wilayah itu, Dody Setiawan pada Khamis, lapor Xinhua.

Insiden berlaku pada Isnin ketika kapal berkenaan yang membawa 28 orang, termasuk tiga kru karam di kawasan hulu sungai di Kabupaten Kutai Barat, katanya.

Seramai 20 orang terselamat, manakala lapan lagi pada awal dilaporkan hilang.

Sebelum tengah malam Rabu, pasukan penyelamat berjaya mengesan mayat terakhir lapan mangsa hilang itu terapung di sungai.

"Operasi mencari dan menyelamat terus dilancarkan, meliputi sehingga 15 kilometer ke hilir, membabitkan 50 anggota penyelamat.

"Sekitar 11.50 malam waktu tempatan pada Rabu, semua lapan mangsa yang hilang ditemukan maut," kata Dody kepada Xinhua melalui telefon.

Beliau berkata arus deras dan muatan berlebihan dipercayai menjadi punca tragedi itu.

Kapal berkenaan sedang membawa muatan simen ketika kejadian berlaku. - ©BERNAMA

# Lukisan artis Jepun Hokusai dijual pada harga rekod US$4.02 juta dalam lelongan

**TOKYO**, 12 Nov. - Lukisan seorang wanita berdiri di atas salji oleh artis ukiyo-e Jepun Katsushika Hokusai mencecah harga 621 juta yen (US$4.02 juta) dalam satu lelongan di Tokyo, harga tertinggi yang pernah dibayar untuk satu daripada karyanya, menurut rumah lelong pada Selasa, lapor Agensi Berita Kyodo.

Pembida yang berjaya pada lelongan Sabtu lalu, yang dikendalikan oleh Tozai New Art Co., ialah Nitori Co., peruncit kelengkapan rumah utama Jepun yang berpangkalan di Sapporo, Hokkaido.

Katsushika Hokusai (1760-1849) adalah artis ukiyo-e terkemuka pada Era Edo Jepun, terkenal kerana menggambarkan Gunung Fuji dari pelbagai lokasi, termasuk Edo, yang kini dikenali sebagai Tokyo.

Lukisan itu, yang menggambarkan seorang wanita dipercayai gundik dari daerah hiburan Yoshiwara yang terkenal di Edo, dipercayai dihasilkan antara 1813 dan 1819, ketika Hokusai menggunakan nama samaran Taito.

Menurut syarikat itu, lukisan itu akan dipamerkan di Muzium Ukiyo-e Otaru, yang juga terletak di Hokkaido dan dikendalikan oleh Yayasan Kebudayaan Nitori. - ©BERNAMA

# Bencana iklim ragut 80,000 nyawa di India, 1.3 bilion penduduk terjejas sejak 1995

**NEW DELHI**, 12 Nov. - India menduduki tempat kesembilan dunia dalam kalangan negara yang paling terjejas akibat bencana iklim dalam tempoh tiga dekad lalu, dengan hampir 430 kejadian cuaca ekstrem meragut lebih 80,000 nyawa, menurut Indeks Risiko Iklim (CRI) 2026, lapor Press Trust of India (PTI).

Laporan CRI 2026 yang dikeluarkan oleh kumpulan pemikir alam sekitar Germanwatch pada COP30 di Belem, Brazil pada Selasa menyatakan bahawa bencana iklim menjejaskan 1.3 bilion penduduk India dan menyebabkan kerugian ekonomi hampir US$170 bilion antara 1995 hingga 2024.

Menurut laporan itu, kerugian yang dialami India berpunca terutamanya daripada kejadian banjir berulang, taufan, kemarau dan gelombang haba yang semakin meningkat akibat pemanasan global. - ©BERNAMA

BERITA GLOBAL

# CHINA MENCATAT PENINGKATAN KETARA DALAM KAPASITI BEKALAN BENIH



**SEORANG petani mengendalikan mesin pertanian untuk menyemai gandum di sebuah ladang di Daerah Wenxian, Bandar Jiaozuo, Wilayah Henan di tengah China pada 11 November 2025.**

**CHANGSHA**, 14 Nov. - China mencatat peningkatan ketara dalam kapasiti bekalan benih hasil usaha menggiatkan industri benih sejak tahun 2021, menurut Kementerian Pertanian dan Hal Ehwal Luar Bandar pada Khamis.

Kadar bekalan benih di tapak pengeluaran peringkat kebangsaan telah mencapai 80 peratus iaitu meningkat sebanyak 10 mata peratusan berbanding tahun 2020, kata Naib Menteri Pertanian dan Hal Ehwal Luar Bandar, Zhang Xingwang, pada satu mesyuarat negara di Wilayah Hunan mengenai penggiatan industri benih.

Zhang turut menekankan bahawa varieti tanaman baka tempatan kini melebihi 95 peratus daripada kapasiti keseluruhan, manakala sumber pembiakan ternakan serta unggas tempatan memegang lebih 80 peratus bahagian pasaran, dan sumber pembiakan produk akuatik tempatan menyumbang 85 peratus.

Dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini, China telah membangunkan pelbagai varieti baharu tanaman yang amat diperlukan termasuk gandum yang tahan penyakit scab (*scab-resistant wheat*) dan jagung padat tanaman (*dense-planting corn*) yang sesuai untuk penuaian mekanikal.

Jumlah kawasan tanaman jagung dan sayur-sayuran baka tempatan turut meningkat kepada 94 peratus dan 91 peratus. Dalam perdagangan antarabangsa, eksport benih China melepasi import buat pertama kali pada tahun 2024, sekali gus mencapai lebihan dagangan, kata Zhang.

Benih padi hibrid, kapas dan sayur-sayuran kini dieksport ke lebih 40 buah negara, selain ternakan serta produk akuatik baka tempatan yang juga telah memasuki pasaran luar negara. - ©XINHUA

## UNRWA beri amaran perkhidmatan untuk pelarian Palestin terancam akibat kekurangan

**WASHINGTON / HAMILTON**, 14 Nov. - Ketua agensi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi pelarian Palestin (UNRWA) pada Khamis memberi amaran bahawa kekurangan dana yang serius mengancam perkhidmatan penting untuk jutaan pelarian di seluruh rantau itu, lapor Anadolu Ajansi (AA).

"Tidak seperti tahun-tahun sebelumnya, anggaran pendapatan bagi suku pertama 2026 terlalu rendah untuk menampung defisit besar dari 2025," kata Philippe Lazzarini kepada Jawatankuasa Keempat Perhimpunan Agung PBB di New York.

"Tanpa kemasukan dana baharu yang ketara, penyampaian perkhidmatan kritikal kepada jutaan pelarian Palestin di seluruh rantau akan terjejas," katanya.

Menurut Lazzarini, UNRWA berdepan kekurangan dana sekitar US$200 juta antara akhir 2025 hingga awal 2026 dan kemungkinan mustahil untuk mengekalkan operasi UNRWA pada skala dan kualiti semasa.

Beliau berkata bahawa UNRWA menyumbang 40 peratus daripada perkhidmatan penjagaan kesihatan asas di Semenanjung Gaza serta menyediakan pendidikan kepada ratusan ribu kanak-kanak.

Pengurangan operasi dijangka membawa kesan yang amat serius terhadap kestabilan serantau, khususnya di Gaza, Tebing Barat, Lubnan, Syria dan Jordan, kata beliau.

Agensi PBB itu berdepan kesukaran kewangan yang semakin meruncing sejak Israel melancarkan tuduhan tidak berasas terhadap UNRWA dengan mendakwa kakitangannya terlibat dalam serangan 7 Okt. Tuduhan Israel itu mendorong beberapa negara penderma utama termasuk Amerika Syarikat, menggantung atau menangguhkan pembiayaan mereka. - © BERNAMA

## Demam berdarah virus disyaki punca kematian 6 orang di Ethiopia, WHO hantar pasukan pakar

**ISTANBUL**, 14 Nov. - Wabak yang disyaki demam berdarah virus di selatan Ethiopia telah meragut enam nyawa, mendorong Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menghantar pasukan pakar dan bekalan kecemasan untuk membantu menyiasat dan membendung wabak itu, lapor Anadolu Ajansi.

Enam orang, termasuk seorang doktor dan seorang jururawat meninggal dunia dalam kejadian disyaki akibat wabak itu di bandar Jinka, Zon Omo Selatan, lapor portal berita tempatan Addis Insight pada Khamis.

Selamu Tadesse, pengarah perubatan Hospital Besar Jinka berkata dua pekerja kesihatan yang meninggal dunia itu merawat pesakit dengan simptom yang sama, mengaitkan risiko penularan melalui sentuhan rapat dengan pesakit.

Pasukan 11 pakar WHO akan membantu memperkukuh usaha pengawasan, ujian makmal, kawalan jangkitan dan rawatan klinikal sebagai tindak balas terhadap wabak yang disyaki itu, menurut kenyataan WHO pada Khamis.

Pihak berkuasa kesihatan Ethiopia sedang menyiasat dan meningkatkan respons mereka selepas kes disyaki di Wilayah Selatan Ethiopia dengan ujian makmal sedang dijalankan di Institut Kesihatan Awam Ethiopia untuk menentukan punca, katanya.

WHO menyediakan bekalan penting, termasuk peralatan perlindungan diri, bahan pencegahan jangkitan, khemah pengasingan yang boleh digunakan dan sokongan teknikal tambahan dan menyalurkan US$300,000 daripada Dana Kontingensi untuk Kecemasan bagi membantu negara Afrika Timur itu. - © BERNAMA

## Kualiti udara Dhaka 'sangat tidak sihat' selepas Delhi, Kolkata

**DHAKA**, 14 Nov. - Dhaka, ibu kota Republik Rakyat Bangladesh yang sesak dengan penduduk, menduduki tempat ketiga antara bandar dengan kualiti udara paling buruk pada pagi Jumaat, mencatat skor Indeks Kualiti Udara (AQI) 235 pada 9 pagi 13 November, lapor United News of Bangladesh (UNB).

Menurut indeks AQI, udara di bandar itu diklasifikasikan sebagai 'sangat tidak sihat', menimbulkan risiko kesihatan yang serius.

Kualiti udara yang buruk ini berlarutan selama beberapa hari, menimbulkan kebimbangan terhadap kesihatan penduduk.

Delhi dan Kolkata di Republik India menduduki tempat pertama dan kedua dalam senarai itudengan skor AQI masing-masing 386 dan 259.

Apabila nilai AQI bagi pencemaran partikel berada antara 50 hingga 100, kualiti udara dianggap 'sederhana' dan individu sensitif biasanya dinasihatkan mengurangkan aktiviti luar yang berpanjangan. Antara 101 hingga 150, udara dianggap 'tidak sihat bagi kumpulan sensitif'.

Bacaan antara 150 hingga 200 adalah 'tidak sihat', antara 201 hingga 300 adalah 'sangat tidak sihat', dan bacaan 301 ke atas dianggap 'berbahaya', serta boleh membawa risiko kesihatan serius kepada penduduk.

AQI ialah indeks untuk melaporkan kualiti udara harian, memberikan informasi kepadaorang ramai tentang tahap kebersihan atau pencemaran udara di sesebuah bandar dan kesan kesihatan yang mungkin timbul.

AQI di Bangladesh berdasarkan lima jenis pencemar : zarah terampai (PM10 dan PM2.5), NO2, CO, SO2 dan ozon.

Dhaka sudah lama berdepan masalah pencemaran udara. Kualiti udaranya biasanya menjadi tidak sihat pada musim sejuk dan bertambah baik ketika musim monsun.

Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), pencemaran udara dianggarkan meragut nyawatujuh juta orang di seluruh dunia setiap tahun, kebanyakannya akibat peningkatan kematian disebabkan strok, penyakit jantung, penyakit pulmonari obstruktif kronik, kanser paru-paru dan jangkitan pernafasan akut. - ©BERNAMA

## EU siasat Google berhubung layanan terhadap laman media dalam carian

**BRUSSELS**, 14 Nov. - Suruhanjaya Eropah pada Khamis mengumumkan memulakan siasatan sama ada Google bertindak menjejaskan secara tidak sah kedudukan media dan penerbit berita dalam hasil carian, lapor agensi berita Jerman dpa.

Badan eksekutif EU itu berkata siasatan dimulakan bagi menilai sama ada syarikat gergasi teknologi AS berkenaan melaksanakan "syarat yang adil, munasabah dan tidak diskriminatori" terhadap laman penerbit dalam enjin carian Google, seperti yang dikehendaki di bawah Akta Pasaran Digital (DMA).

Kes itu berkaitan dasar Google yang kandungan daripada penerbit boleh diturunkan kedudukannya dalam hasil carian sekiranya laman *web* mereka mengandungi kandungan komersial tertentu daripada pihak ketiga.

Siasatan itu akan meneliti sama ada tindakan berkenaan mengehadkan keupayaan penerbit "untuk menjalankan perniagaan yang sah, berinovasi dan bekerjasama dengan penyedia kandungan pihak ketiga," menurut kenyataan suruhanjaya tersebut.

"Kami bimbang dasar Google tidak membolehkan penerbit berita dilayan secara adil, munasabah dan tidak diskriminatori dalam hasil carian mereka," kata Naib Presiden Suruhanjaya Eropah, Teresa Ribera dalam satu kenyataan.

"Kami akan menjalankan siasatan bagi memastikan penerbit berita tidak kehilangan sumber pendapatan penting pada masa sukar bagi industri ini, serta memastikan Google mematuhi Akta Pasaran Digital," katanya.

Suruhanjaya itu menegaskan bahawa tindakan siasatan yang diambil tidak bermaksud terdapat sebarang kesalahan dan menyarankan untuk menyelesaikan siasatan itu dalam tempoh 12 bulan. - ©BERNAMA

## Amaran campak dikeluarkan untuk pusat bandar Sydney, lapangan terbang

**SYDNEY**, 14 Nov. - Pihak berkuasa kesihatan di negeri New South Wales (NSW), Australia telah mengeluarkan amaran campak bagi kawasan pusat bandar Sydney dan lapangan terbang kota raya itu, lapor Xinhua.

NSW Health pada Khamis berkata ia telah dimaklumkan bahawa seorang pesakit kes campak yang disahkan dari negeri jiran Queensland telah melawat beberapa lokasi di Sydney dari 8 hingga 10 November, termasuk konsert yang dihadiri kira-kira 70,000 orang.

Individu yang melawat beberapa lokasi termasuk Lapangan Terbang Sydney, daerah pusat perniagaan, konsert berkenaan dan tren di bahagian barat dalam bandar raya itu antara 8 hingga 10 November dinasihatkan memantau simptom campak sehingga 28 November.

Pengarah Eksekutif Health Protection NSWJeremy McAnultydalam satu kenyataan berkata bahawa ia boleh mengambil masa sehingga 18 hari untuk simptom muncul selepas terdedah kepada campak.

Beliau menasihatkan sesiapa yang mengalami simptom seperti demam, sakit mata dan batuk diikuti ruam supaya menghubungi doktor atau hospital terlebih dahulu bagi mengelakkan berada di bilik menunggu bersama pesakit lain.

Queensland Health berkata pesakit berkenaan juga berada di pusat bandar Brisbane dan di Lapangan Terbang Brisbane ketika mereka tidak menyedari bahawa mereka dijangkiti wabak berkenaan.

Menurut data terkini daripada Sistem Pengawasan Penyakit Wajib Lapor Kebangsaan, sebanyak 153 kes campak telah disahkan di Australia setakat 2025, melebihi 115 kes yang dilaporkan dalam tempoh lima tahun sebelumnya digabungkan.

Daripada 153 kes pada 2025, sebanyak 30 kes direkodkan di Queensland dan 28 kes di NSW. - © BERNAMA

# ASG14 platform asah bakat, potensi atlet muda






FOKUS SUKAN

Oleh : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman
Infografik : Urus Setia Kejohanan Sukan Sekolah-sekolah ASEAN Ke-14

PADA tahun ini, Negara Brunei Darussalam (NBD) menjadi tuan rumah bagi Kejohanan Sukan Sekolah-sekolah ASEAN Ke-14 (ASG14), Tahun 2025 yang akan berlangsung pada 20 hingga 28 November 2025. Ini merupakan kali kedua NBD diberikan penghormatan untuk menjadi tuan rumah selepas edisi terakhir yang diadakan di negara ini pada tahun 2015.

Kejohanan sukan ini merupakan temasya sukan tahunan di bawah naungan ASEAN School Sports Council dan dibukakan kepada atlet pelajar berusia 18 tahun ke bawah.

Kejohanan yang berprestij ini adalah temasya sukan yang memberikan peluang kepada atlet muda bukan sahaja untuk mengasah bakat dan kemampuan mereka tetapi juga untuk meraih pengalaman berharga di pentas serantau.

Melalui penganjuran ini, ASEAN School Sports Council menekankan tiga objektif utama iaitu menggalakkan perpaduan ASEAN dalam kalangan belia melalui sukan sekolah; memberi peluang kepada atlet pelajar sekolah sebagai penanda aras bakat sukan mereka di rantau ASEAN dan memberi peluang kepada atlet pelajar sekolah untuk berinteraksi dan terlibat dalam pertukaran budaya di ASEAN.

Kejohanan ASG14 akan menghimpunkan lebih 1,000 atlet pelajar dari 10 negara ASEAN iaitu NBD selaku tuan rumah, Kemboja, Indonesia, Republik Demokratik Rakyat Lao, Malaysia, Myanmar, Republik Filipina, Republik Singapura, Thailand dan Viet Nam.

Bagi edisi 2025, Kejohanan ASG14 akan mempertandingkan sebanyak lapan acara sukan iaitu badminton, bola keranjang, olahraga, renang, bola jaring, pencak silat, sepak takraw dan wushu dengan menawarkan sebanyak 340 pingat keseluruhan iaitu 106 pingat emas, 106 pingat perak dan 128 pingat gangsa.

**Logo ASG14**

Logo rasmi Kejohanan ASG14 diinspirasikan daripada bunga kebangsaan NBD, Simpur (Dillenia suffruticosa), yang lebih dikenali sebagai Simpur Bini. Bunga ini melambangkan nilai murni, kemajuan, serta hubungan dengan alam semula jadi.

Bunga Simpur yang berwarna kuning ini juga merupakan simbol keceriaan, semangat positif dan hubungan persahabatan antara negara-negara yang menyertai. Dengan penggunaan Bunga Simpur sebagai elemen utama, ia membawa mesej bahawa sukan bukan sahaja untuk pertandingan tetapi berperanan untuk memahami budaya masing-masing dan perpaduan serta hormat terhadap simbol kebangsaan.

Penggunaan tulisan jawi dalam logo mencerminkan NBD sebagai sebuah negara yang berkonsepkan Melayu Islam Beraja yang memartabatkan penggunaan tulisan jawi di negara ini dan juga penggunaan warna kuning, putih dan hitam yang merupakan warna bendera NBD.

Bentuk melengkung melambangkan perjalanan dinamik dalam pertumbuhan, kemajuan, dan kejayaan, yang diwakili oleh tiga skema warna utama Kejohanan ASG14.

**Maskot Wira**

Maskot rasmi Kejohanan ASG yang diberi nama Wira adalah satu karakter fiksional yang melambangkan karakter remaja yang bertenaga, bersemangat dan unggul. Nama Wira dipilih kerana singkat, mudah diingati, serta selaras dengan tema sukan ini, sekali gus melambangkan semangat persaingan yang sihat dalam kalangan atlet pelajar negara-negara Asia Tenggara.

Wira mengenakan pakaian sukan moden mencerminkan nilai-nilai Melayu Islam Beraja, manakala cermin mata futuristik yang dipakainya memberikan sentuhan inovatif dan kontemporari.

Maskot ini bukan sahaja mewakili semangat juang serta ketabahan para atlet-pelajar, tetapi juga menyambut kehadiran atlet pelajar dari seluruh Asia Tenggara dengan penuh kegembiraan dan rasa hormat.

Secara keseluruhan, Wira menggambarkan daya tahan dan semangat gigih para atlet pelajar yang berusaha mencapai kejayaan dalam bidang sukan sesuai dengan moto Kejohanan ASG14, 'Dream, Strive, Achieve', sekali gus menjadi simbol perpaduan dan inspirasi di rantau ASEAN.

***Venue* ASG14**

Dengan mempertandingkan sebanyak lapan acara pada temasya sukan kali ini, sebanyak lapan *venue* sukan yang dipilih iaitu Dewan Sukan, Sekolah Sukan Brunei Darussalam bagi Badminton; Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah (KSNHB) bagi sukan bola keranjang; manakala bagi acara bola jaring akan diadakan di Dewan Serbaguna, KSNHB.

Stadium Negara Hassanal Bolkiah pula akan digunakan bagi acara olahraga dan acara pencak silat akan diadakan di Pusat Belia, Bandar Seri Begawan. Bagi acara renang, acara ini akan dipertandingkan di Kolam Renang Kebangsaan, KSNHB dan acara sepak takraw pula akan diadakan di Dewan Serbaguna Sekolah Menengah Rimba II dan wushu akan berlangsung di Kompleks Sukan Universiti Brunei Darussalam.

Dengan penganjuran kejohanan ASG14 diharap para atlet pelajar dari negara-negara yang ikut serta untuk berusaha mencapai impian melalui usaha yang tekun dan berdisiplin serta semangat juang dan kerja keras.

Kejohanan ini bukan sahaja menjadi medan pertandingan, tetapi juga wadah untuk memupuk persahabatan, persefahaman dan perpaduan dalam kalangan belia ASEAN.



# ATLET FENCING BERLEPAS KE RIYADH, ARAB SAUDI



**PENGARAH Belia dan Sukan, Dayang Hajah Umi Kalthum binti Haji Abdul Karim semasa bergambar ramai bersama para ahli kontinjen Negara Brunei Darussalam.**



**KONTINJEN ketiga dan terakhir akan bertanding pada 17 November, bertempat di Boulevard SEF Arena 01C, Riyadh, Arab Saudi.**

**Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah**

**BERAKAS**, Khamis, 13 November. - Rombongan ketiga Kontinjen Negara Brunei Darussalam pagi tadi telah berlepas ke Riyadh, Arab Saudi untuk menyertai Sukan Perpaduan Islam Ke-6 2025 (6th Islamic Solidarity Games-ISG 2025).

Kejohanan sukan tersebut telah bermula pada 7 hingga 21 November, 2025.

Kontinjen ketiga dan terakhir adalah seramai tiga orang yang terdiri daripada pasukan Fencing iaitu dua atlet dan seorang jurulatih.

Pada kejohanan tersebut, Awang Mohammad Haziq bin Asahrin akan bertanding dalam acara Men's Individual Sabre, manakala, 1591 Hajah Anis Sabrina binti Haji Yahya akan menyertai acara Women's Individual Sabre.

Mereka akan bertanding pada 17 November, bertempat di Boulevard SEF Arena 01C, Riyadh, Arab Saudi.

Hadir untuk mengucapkan selamat belayar di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, Berakas, dan seterusnya memberikan kata-kata semangat ialah Pengarah Belia dan Sukan, Dayang Hajah Umi Kalthum binti Haji Abdul Karim, serta pegawai dan kakitangan Jabatan Belia dan Sukan, Persekutuan Lawan Pedang Brunei Darussalam (Brunei Darussalam Fencing Federation - BDFF) serta keluarga.

# Terapkan nilai murni melalui aktiviti sukan




**SESI bergambar ramai pada Program Karnival Sukan Ria Belia dan Beliawanis Masjid.**

**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Haniza Abdul Latif, Ihsan Jabatan Hal Ehwal Masjid**



**ANTARA aktiviti yang diadakan pada program tesebut yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah (MPH).**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 13 November. - Program Karnival Sukan Ria Belia dan Beliawanis Masjid bersama warga Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM) merupakan hasil kolaborasi Bahagian Hal Ehwal Belia, JHEM dengan Belia Masjid Ash-Shaliheen sebagai salah satu inisiatif bagi memupuk semangat kesukanan serta mencungkil bakat terpendam dalam kalangan belia masjid.

Program karnival yang mengambil tempat di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah (MPH) ini khusus dianjurkan untuk golongan belia dan beliawanis masjid yang berumur antara 15 hingga 35 tahun serta turut melibatkan penyertaan warga JHEM, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Terdahulu, para peserta telah menunaikan Sembahyang Fardu Subuh secara berjemaah serta menghadiri qiamullail dan tazkirah di Masjid Ash-Shaliheen sebelum berangkat ke Dewan Serbaguna, MPH bagi meneruskan atur cara program.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri.

Program pada hari tersebut dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan ucapan tetamu kehormat majlis dan diselajurkan dengan upacan perasmian.

Program diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada para pemenang bagi setiap kategori yang dipertandingkan.

Antara acara menarik yang dipertandingkan termasuklah larian berganti-ganti, larian ikat kaki sebelah, Octopus Race, memancing dalam botol, dan tiup bola air.

Penganjuran karnival ini juga bertujuan memperkukuhkan semangat berpasukan di samping memberikan pengiktirafan kepada para belia dan beliawanis masjid atas komitmen serta sumbangan mereka dalam mengimarahkan aktiviti kemasyarakatan dan kesukarelawanan di masjid-masjid sama ada secara langsung mahupun tidak langsung.

Selain itu, karnival ini turut menjadi platform untuk melibatkan belia masjid dalam menerapkan nilai-nilai murni melalui aktiviti sukan serta mengeratkan hubungan silaturahim antara para belia dari seluruh negara.

Adalah diharapkan melalui Karnival Sukan Ria Belia Masjid yang julung kali diadakan ini akan dapat mencetuskan perubahan positif dalam diri peserta bahawa aktiviti belia masjid bukan hanya tertumpu kepada program keugamaan semata-mata, malah turut merangkumi aktiviti kesukanan.

Usaha ini diharap dapat merealisasikan hasrat untuk melahirkan generasi belia yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani.




# BERKENAN MENYAKSIKAN PERTANDINGAN SUKAN KARATE



**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam berkenan menyaksikan Pertandingan Sukan Karate di Malaz Combat Hall.**

**ARAB SAUDI**, Rabu, 12 November. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam baru-baru ini berkenan berangkat menyaksikan Pertandingan Sukan Karate di Malaz Combat Hall.

Pertandingan ini melibatkan dua atlet negara iaitu Dayang Farhah Syahirah binti Mohd. Sahmrin (Women's Individual Kata) dan Awang Mohammad Nazirul bin Haji Johari (Men's Individual Kata).

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah juga berkenan mengurniakan sabda nasihat kepada para atlet.

Dayang Farhah Syahirah memperoleh 37.7 menentang atlet dari Algeria yang memperoleh 38.3 di Quarterfinal.

**Siaran Akhbar dan Foto : Ihsan Urus Setia Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan Perpaduan Islam Ke-6**

Sementara, Awang Mohammad Nazirul telah berjaya memenangi Round 16 menentang atlet Niger dengan kiraan mata 39 berbalas 36.6 dan kalah di Quaterfinal kepada atlet UAE dengan memperoleh 38.2 berbalas 39.6.



# Sukan Tripartite pupuk semangat persahabatan, kerja berpasukan



**PARA peserta semasa bergambar ramai pada penganjuran Sukan Tripartite Ke-8 yang melibatkan penyertaan daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Corrupt Practices Investigation Bureau Republik Singapura dan Biro Mencegah Rasuah.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 13 November. - Biro Mencegah Rasuah (BMR) Negara Brunei Darussalam (NBD) telah menganjurkan Sukan Tripartite Ke-8 pada 11 dan 12 November 2025, melibatkan penyertaan daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Corrupt Practices Investigation Bureau (CPIB) Republik Singapura.

Acara tersebut telah berlangsung di Kompleks Sukan, Universiti Brunei Darussalam dan Golden Bowling, Airport Mall yang menghimpunkan seramai lebih 150 delegasi daripada ketiga-tiga agensi.

Pelbagai acara sukan telah dianjurkan termasuk futsal, bola jaring, bola tampar, badminton dan boling.

Pengarah Biro Mencegah Rasuah, Datin Paduka Hajah Anifa Rafiza binti Haji Abdul Ghani dalam ucapan alu-aluannya semasa pembukaan rasmi Sukan Tripartite Ke-8, menyatakan bahawa perhimpunan di antara tiga agensi ini bukan sahaja penerusan tradisi yang telah lama wujud, tetapi ianya mencerminkan perpaduan, persahabatan dan persefahaman BMR NBD, SPRM, dan CPIB Republik Singapura.

Tujuan penganjuran acara ini adalah untuk memupuk semangat persahabatan dan kerja berpasukan yang diharapkan dapat meningkatkan semangat yang lebih tinggi, kecekapan serta produktiviti dalam melaksanakan tanggungjawab dan amanah bersama sebagai sebuah agensi penguatkuasaan undang-undang.

Melalui acara ini para peserta bukan sahaja sebagai sebagai pesaing tetapi sebagai rakan sepasukan dan sahabat yang mengingatkan bahawa memerangi rasuah juga adalah mengenai kerja berpasukan, ketahanan dan kepercayaan yang mana nilai-nilai tersebut perlu diterapkan dalam sukan persahabatan mahupun dalam bidang pelaksanaan tugas.

Turut hadir semasa Majlis Pembukaan Rasmi Sukan Tripartite Ke-8 ialah Pengarah CPIB, Republik Singapura, Sam Tee Chong Fui dan Timbalan Ketua Pesuruhjaya SPRM, Yang Berbahagia Dato' Sri Ahmad Khusairi bin Yahaya.

Sukan Tripartite merupakan acara tahunan yang dianjurkan secara bergilir-gilir antara NBD, Malaysia dan Republik Singapura.

Tahun ini, BMR telah menjadi tuan rumah, meneruskan tradisi yang mencerminkan kerjasama erat dan berterusan di antara agensi-agensi berkenaan dalam memperkukuh jaringan serantau ke arah membanteras rasuah.

Dalam kejohanan kali ini, kontinjen BMR telah dinobatkan sebagai juara keseluruhan Sukan Tripartite Ke-8 dengan mengumpul 28 mata, selepas menjuarai acara bola jaring dan futsal, naib juara keseluruhan dimenangi oleh kontinjen SPRM dengan 27 mata hasil kemenangan dalam acara badminton dan boling, manakala CPIB menduduki tempat ketiga dengan 12 mata yang telah menjuarai acara bola tampar.

Majlis penyampaian hadiah kepada pasukan-pasukan yang berjaya telah diadakan di Dewan Riadah, Ibu Pejabat BMR, semalam.

**Siaran Akhbar dan Foto : Biro Mencegah Rasuah**

# Tahukah Awda

**YOUTH** Town Hall Brunei merupakan satu platform yang diwujudkan pada tahun 2020 oleh Young Professionals Network (YPN) bersempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan, dengan tujuan untuk memupuk pemikiran berorientasikan penyelesaian, berpandangan jauh dan bersemangat untuk bekerjasama dalam kalangan belia yang ingin menyumbang kepada pembangunan negara. Platform ini juga menyediakan peluang kepada golongan belia untuk berinteraksi secara konstruktif bersama menteri-menteri dan pegawai kanan kerajaan.

**SUMBER :** Pelita Brunei edisi Oktober 2025